

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2023**

**HARI RABU : 14 JUN 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 119 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan jangka masa panjang Kementerian untuk meluaskan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi agar wujud keseimbangan kehidupan dan kerja rakyat dalam negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara sentiasa berusaha untuk memastikan keseimbangan kehidupan dan kerja rakyat dalam negara dapat dicapai melalui akses kepada pelbagai kemudahan belia dan sukan. Bagi memastikan akses kepada kemudahan ini dapat diperluas, Kementerian ini telah membangunkan Direktori Kemudahan dan Fasiliti KBS sebagai satu inisiatif terkini pada tahun ini.

Pada ketika ini, Direktori Kemudahan dan Fasiliti KBS diwujudkan untuk memberikan maklumat secara atas talian kepada rakyat mengenai 1,162 kemudahan dan fasiliti belia dan sukan yang terdapat di bawah

## **SOALAN NO : 10**

Kementerian. Fasa seterusnya, Kementerian akan mengemaskini direktori ini dengan memasukkan maklumat berkaitan kemudahan belia dan sukan di bawah seliaan Kementerian lain, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa hadapan, Kementerian berharap direktori ini bakal menjadi pusat sehenti atau dengan izin *one stop centre* untuk mendapatkan maklumat berhubung kemudahan sukan di negara ini.

Pengguna boleh mendapatkan maklumat berhubung inisiatif ini melalui laman sesawang <https://www.kbs.gov.my/home-fasiliti>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan sudi dengan kerjasama Kerajaan Sarawak mewartakan zon bebas cukai di kawasan perindustrian Kuala Baram dan Pelabuhan Miri bagi menarik pelaburan asing di Miri yang seterusnya akan membantu meningkatkan peluang ekonomi di wilayah utara Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi mewujudkan Zon Bebas kebiasaannya dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri atau mana-mana syarikat atau pemilik tanah dengan persetujuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan Negeri. Sebarang cadangan bagi mewujudkan Zon Bebas juga memerlukan kajian kebolehlaksanaan atau *feasibility study*, yang antara lain, merangkumi perincian latar belakang, konsep pembangunan dan jenis aktiviti yang akan dijalankan khususnya bagi aktiviti yang berorientasikan eksport, justifikasi permohonan, kos dan pembiayaan serta analisis impak ekonomi dan sosial. Kajian kebolehlaksanaan adalah penting bagi memastikan pewujudan Zon Bebas kelak benar-benar mencapai objektif dan memberi manfaat yang sewajarnya serta memastikan Malaysia kekal menjadi destinasi yang kompetitif bagi industri yang menjalankan aktiviti import eksport.

Laporan kajian kebolehlaksanaan yang dikemukakan kemudiannya akan diteliti dan dikaji dengan mengambil kira bersama keberkesanan setiap Zon Bebas yang sedia ada. Pertimbangan bagi permohonan Zon Bebas juga akan mengambil kira pandangan dan ulasan daripada Kementerian dan Agensi yang berkaitan, antaranya Kementerian Ekonomi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN:**

**TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha menaik taraf perkhidmatan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dari segi jumlah anggota, logistik serta elauang anggota sukarelawan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah melaksanakan langkah - langkah bagi memperkasakan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan terutamanya dari segi meningkatkan bilangan anggota terlatih, pertambahan aset dan logistik serta menjaga kebajikan anggota sukarela melalui kenaikan kadar elauan dan penyediaan kemudahan - kemudahan lain.
2. Di bawah Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Akta 221), anggota pertahanan awam adalah terdiri daripada Regular Member (Anggota Tetap), Volunteer Member (Anggota Sukarela) dan Auxiliary Member (Anggota Bantuan). Berdasarkan Pelan Strategik (2021 - 2025), APM telah menetapkan sasaran pendaftaran orang awam untuk diambil sebagai Anggota Sukarela Pertahanan Awam (ASPA) baharu seramai 10,000 orang setahun. Bagi tempoh mulai Januari 2021 hingga Mac 2023, seramai 40,173 orang telah didaftarkan dan daripada jumlah tersebut, seramai 33,369 orang telah diberikan Latihan Asas Pertahanan Awam bagi melayakkan mereka untuk bertugas sebagai SPA.
3. Manakala bagi tujuan pengukuhan perjawatan anggota tetap, APM telah mengemukakan permohonan penstrukturkan semula perjawatan pada peringkat Negeri dan Daerah. Permohonan tersebut merangkumi cadangan kenaikan Gred Pengarah Pertahanan Awam Negeri dan Pegawai Pertahanan Awam Daerah bagi melaksanakan tugas - tugas pertahanan awam termasuk peranan sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat Negeri dan Daerah yang dipengerusikan oleh

Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Daerah. Gred jawatan Pegawai APM Negeri dan Daerah pada ketika ini secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding dengan agensi - agensi lain di Negeri dan Daerah.

4. Di samping itu, APM telah memperkemaskan semula permohonan pelantikan secara kontrak seramai 1,501 jawatan yang melibatkan gred 11 hingga 19 untuk pertimbangan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Lantikan kontrak ini akan diisi oleh anggota sukarela APM sedia ada yang terlatih dan memenuhi syarat - syarat skim seperti yang telah ditetapkan. Selain itu juga, berikutan perolehan aset ambulans pacuan empat roda (4WD), APM secara dasarnya telah diluluskan sebanyak 192 jawatan oleh JPA bagi membantu pengurusan dan pengoperasian aset berkenaan di seluruh negara.
5. Dari segi pemerkasaan logistik pula, perolehan kenderaan operasi jenis pacuan empat roda (4WD) sebanyak 46 buah dan kenderaan medikal jenis ambulans 4WD sebanyak 100 buah telah berjaya dilaksanakan serta akan diagihkan kepada pejabat - pejabat APM di seluruh Malaysia. Bagi Perkhidmatan Penyelamat Pantai (Lifeguard) APM, permohonan bagi perolehan sebanyak 28 unit aset menyelamat jenis Water Rescue Scooter, Sentry Chair, All-Terrain Vehicle (ATV) dan Cabin Store telah berjaya mendapat kelulusan pada peringkat Jabatan Perdana Menteri dan aset ini akan melalui proses perolehan dalam masa yang terdekat.
6. Kerajaan juga amat prihatin dan memahami kekangan serta cabaran yang dihadapi terutamanya yang melibatkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Selain daripada ASPA, kadar elauan yang sama turut dibayar kepada anggota sukarelawan pasukan - pasukan sukarela lain seperti Rejimen Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela TLDM, Pasukan Simpanan Sukarela TUDM, Pasukan Sukarelawan Polis, Pasukan RELA dan Pasukan Sukarelawan Maritim. Bagi tempoh 15 tahun ke belakang, Kerajaan telah menaikkan kadar elauan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2012 dan 2020. Berdasarkan kadar elauan semasa, anggota sukarela menerima RM8.00 sejam bagi anggota pada

**NO. SOALAN: 12**

Lain - lain Pangkat manakala RM9.80 sejam bagi anggota pada pangkat Pegawai.

7. Selain itu, Kerajaan dan APM telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dan imbuhan terutamanya kepada ASPA yang aktif seperti berikut :
  - i. Penyediaan Pakaian Seragam Percuma;
  - ii. Elaun Kehadiran Latihan Tempatan (EKLT);
  - iii. Bayaran Rawatan Terkurang Di Hospital Kerajaan;
  - iv. Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara; dan
  - v. Kemudahan Caruman Insurans Berkelompok.
8. APM juga dalam proses permohonan untuk menaikkan kemudahan elaun kursus sedia ada kepada ASPA iaitu RM5.00 sehari kepada RM 58.80 bagi Pegawai Pasukan dan RM48.00 sehari bagi Lain - lain Pangkat. Anggota sukarela pertahanan awam juga telah mendapat kemudahan PERKESO mulai tahun 2021. Kerajaan telah membiayai caruman PERKESO di bawah inisiatif SPS Khidmat Sukarelawan sebanyak RM232.80 setahun. Caruman tersebut telah melibatkan seramai 9,201 anggota sukarela pada tahun 2021 dan 12,568 anggota sukarela bagi tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB**  
**[TANJONG MANIS]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah pencarum KWSP yang telah diluluskan permohonan pengeluaran fasa 2. Berapakah nilai yang telah diluluskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) adalah bertujuan untuk membantu ahli KWSP yang memerlukan bantuan kewangan mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan serta mengimbangi kepentingan pendapatan persaraan di masa hadapan dengan impak yang minimum ke atas simpanan persaraan ahli yang telah banyak terjejas, khususnya impak daripada pengeluaran-pengeluaran yang dibenarkan semasa pandemik COVID-19.

Melalui FSA2, ahli yang layak boleh memohon dan memperoleh pembiayaan sehingga maksimum RM50,000 bagi membantu mereka memenuhi keperluan kewangan yang bersesuaian dengan kemampuan kredit dan aliran tunai mereka berdasarkan penilaian kredit yang dibuat oleh pihak bank ke atas pemohon. Penilaian kredit ini adalah mengikut

## NO SOALAN :13

amalan terbaik dan pengurusan risiko yang sentiasa diamalkan oleh institusi perbankan dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Sejak permohonan dibuka pada 7 April 2023, tahap sambutan penerimaan jumlah permohonan FSA2 berserta jumlah pinjaman yang diluluskan setakat 21 Mei 2023 adalah seperti berikut:-

**Jadual 1 : Statistik permohonan FSA2 setakat 26 Mei 2023**

BANK	BILANGAN PEMOHONAN	BILANGAN PEMOHON YANG LAYAK	BILANGAN PEMOHON YANG BERSETUJU MENERIMA TAWARAN PEMBIAYAAN	JUMLAH AMAUN PEMBIAYAAN (RM JUTA)
MBSB	122,810	59,698	38,146	RM 790.8
BSN	33,249	19,652	2,050	RM 44.6
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>156,059</b>	<b>79,350</b>	<b>40,196</b>	<b>RM 835.4</b>

Bagi permohonan yang tidak layak pula, kebanyakannya adalah disebabkan pemohon tidak mencapai syarat-syarat kelayakan seperti permohonan tidak lengkap, di luar umur kelayakan dan baki simpanan Akaun 2 tidak mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN (KUALA KRAI)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN (KUALA KRAI)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah peranan sebenar agensi-agensi di bawah Kementerian seperti KESEDAR, KEDA, KETENGAH dan lain-lain dalam memaju dan meningkatkan ekonomi serta sosial bagi memberi kesejahteraan kepada penduduk yang terlibat dan apakah Kementerian berpuas hati dengan peranan agensi berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mempunyai lima (5) agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) iaitu KESEDAR, KEDA, KETENGAH, PERDA dan KEJORA. Semua agensi tersebut ditubuhkan untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan, mempercepatkan pertumbuhan sosioekonomi, membasmi kemiskinan, menarik pelaburan dalam dan luar negara dan mewujudkan pembangunan yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam usaha memajukan kawasan yang terlibat, KKDW telah menyediakan peruntukan mengurus dan pembangunan setiap tahun kepada LKW untuk membangunkan infrastruktur sosial kepada penduduk setempat seperti pembangunan premis perniagaan termasuk premis Industri Kecil Sederhana (IKS), pembangunan perumahan, menaik taraf jalan-jalan sedia ada dan pembinaan jalan baharu, pembinaan dewan orang ramai, menyedia dan menaik taraf kemudahan pelancongan dan lain-lain kemudahan sosioekonomi kepada penduduk.

Selain itu, LKW juga menyediakan pelbagai program kepada penduduk setempat bagi meningkatkan ekonomi dan sosial seperti program pertanian, program keusahawanan, program Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan lain-lain program yang berkaitan. Program-program yang disediakan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk dan membasmi kemiskinan di kawasan berkaitan.

Kementerian sangat berpuas hati dan berbangga di atas usaha serta inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LKW. LKW juga telah berjaya meraih banyak anugerah dan pengiktirafan sepanjang tahun penubuhannya hasil daripada usaha komited yang telah diberikan. Program dan projek yang dilaksanakan telah memberi banyak manfaat dalam merangsang dan menjana pendapatan, meningkatkan taraf hidup serta memberi kesejahteraan kepada golongan sasar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk menjadikan bandar Petaling Jaya sebagai hub koridor pengangkutan awam untuk LRT, MRT, Bus mini serta meluaskan jaringan Bus Rapid Transit (BRT) ke kawasan sekitar Petaling Jaya, Subang, Damansara dan Kuala Lumpur untuk mempertingkat jaringan pengangkutan awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 44 laluan perkhidmatan bas kendalian Rapid Bus yang memberi perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya. Jumlah penumpang yang menggunakan laluan ini adalah sebanyak 34,654 orang sehari.
  
2. Perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya mempunyai beberapa stesen di sekitar kawasan Petaling Jaya termasuk stesen Taman Jaya, Asia Jaya, Taman Paramount dan lain-lain lagi. Stesen ini dilengkapkan dengan perkhidmatan bas pengantara LRT untuk meningkatkan

aksesibiliti penumpang dari rumah ke stesen-stesen LRT yang berdekatan.

3. Selain daripada itu, perkhidmatan MRT laluan Sungai Buloh-Kajang juga merentasi Petaling Jaya dengan 4 buah stesen MRT iaitu stesen Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara dan Bandar Utama. Manakala, MRT Laluan Putrajaya pula mempunyai 2 buah stesen yang terletak di dalam kawasan Petaling Jaya. Perkhidmatan rel bagi kedua-dua laluan ini juga dilengkapi dengan perkhidmatan bas pengantara MRT.

4. Penyediaan kemudahan pengangkutan awam seperti hentian bas dan laluan pejalan kaki adalah penting untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Untuk mencapai misi ini, Prasarana sedang bekerjasama dengan kerajaan negeri Selangor dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Selangor untuk menaik taraf hentian bas yang sedia ada dan memastikan tahap ketersediaan laluan pejalan kaki untuk ke perhentian/ stesen pengangkutan awam sentiasa dalam keadaan optimum.

5. Kementerian Pengangkutan juga peka terhadap keperluan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang relevan. Dalam perihal ini, Prasarana sedang menjalankan satu kajian jaringan bas yang akan memberi penekanan kepada perkhidmatan yang lebih *reliable* dan juga mengenalpasti kawasan-kawasan yang masih tiada perkhidmatan bas (*white areas*) di Lembah Klang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan tindakan terkini Kementerian di dalam membantu mempromosikan kawasan pelancongan yang banyak terdapat di Kelantan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa pro-aktif dalam mempromosikan destinasi pelancongan dan meningkatkan sosio ekonomi negara. Pihak Kementerian telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan, Badan – badan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta bagi merancakkan industri pelancongan khususnya untuk pelancongan domestik. Kementerian melalui Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Timur secara berterusan telah melaksanakan dan akan terus melaksanakan usaha – usaha seperti berikut untuk mempromosi tempat – tempat tarikan pelancongan Ibadah dan mesra muslim di Negeri Kelantan:-

- (i) Program kerjasama promosi antara lain melibatkan pihak-pihak yang berkaitan seperti Kerajaan Negeri Kelantan melalui Exco Pelancongan Negeri Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), syarikat-syarikat penerbangan dengan perkhidmatan penerbangan ke Kota Bharu (Pengkalan Chepa) dan agensi-agensi pelancongan yang juga bagi menjayakan promosi pelancongan Ibadah dan mesra muslim.
- (ii) Inisiatif kerjasama ini turut melibatkan penganjuran program-program dengan nilai pelancongan budaya yang diadakan di Kelantan seperti program Majlis Perasmian Pameran Dwi Tahunan Seni Kontemporari Bachok pada 26 Mac 2022, Festival Kesenian Rakyat Kelate yang telah diadakan dari 16 hingga 18 Jun 2022, program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Kelantan 2022 dari 22 hingga 24 Julai 2022, program Temasya Orang Kampung 2022 dari 21 hingga 23 Oktober 2022.

- (iii) Penganjuran siri Program Familiarisation trip (lawatan suaikenal) pengamal media baharu (New Edge media) / influencer dan agensi pelancongan ke produk – produk pelancongan termasuk gastronomi, kraftangan, budaya dan warisan serta instagrammable spot. Program seperti ini dilihat dapat menonjolkan lagi keindahan dan keunikan destinasi yang terdapat di negeri ini sekaligus dapat memberi keyakinan kepada pelancong untuk terus mengeksplorasi Kelantan sebagai sebagai salah satu destinasi pilihan untuk dikunjungi. Antaranya :-
2. Selain itu, Program Promosi Jejak Warisan Bachok & Jejak Adiguru 2023 dicadangkan akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2023. Program berkonsepkan lawatan pelancongan warisan dan budaya ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat dalam menjelajaki kesan tinggalan sejarah, menjelajaki para adiguru kraf tradisional yang mahir dalam bidang masing-masing serta menjelajahi lokasi serta produk pelancongan yang terdapat di Negeri Kelantan khususnya daerah Bachok.
3. Program kerjasama dengan agensi – agensi Kerajaan dan pihak Swasta di dalam penganjuran program yang akan dilaksanakan di Kelantan adalah seperti Festival Kesenian Rakyat Kelate 2023 dan Festival Layang-Layang Kebangsaan 2023 yang akan berlangsung pada bulan Julai 2023 di Pantai Geting, Tumpat.
4. Selain dari itu, hasil daripada komitmen dan kerjasama erat dengan rakan-rakan industri ini juga, Tourism Malaysia telah berjaya menyediakan fun map yang memaparkan lokasi dan tarikan pelancongan yang menarik di kawasan Jeli (Jom Jalan Jeli) dan Bachok (Jejak Warisan Bachok) sebagai panduan kepada pelancong.
5. Pihak Tourism Malaysia juga membuat hebahan dan promosi untuk program/acara yang dianjurkan/disertai melalui platform sosial media seperti Instagram [malaysia.truly.asia](#), Facebook <https://www.facebook.com/malaysia.travel.my> dan laman web Tourism Malaysia [www.malaysia.travel](#).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA  
(SELANGAU)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN EDWIN ANAK BANTA (SELANGAU) minta MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan apakah inisiatif Kementerian agar tata kelola pelaksanaan projek berkaitan pembekalan di kawasan luar bandar di seluruh negara diberi keutamaan memandangkan dengan sekian banyaknya peruntukan yang telah diluluskan, masalah bekalan air masih lagi menjadi topik yang sangat popular di Parlimen saban tahun.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan masyarakat luar bandar sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan meliputi sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar. Aspirasi Teras Keempat melibatkan usaha melengkapkan liputan prasarana asas yang lengkap di luar bandar. Prasarana yang lengkap dan berkualiti akan menyokong pembangunan ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan yang menarik dan kondusif.

Secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Peranan dan matlamat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan air melalui pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Projek BALB yang siap dilaksanakan oleh Kementerian akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) untuk pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif bekalan air.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak khususnya Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dalam menyediakan infrastruktur bekalan air di Negeri Sarawak.

Sehubungan itu, bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat, Yang Berhormat dipohon supaya mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan

## **SOALAN NO : 17**

ini boleh diangkat kepada Kementerian Ekonomi mengikut *Rolling Plan* untuk kelulusan projek dan peruntukan, seterusnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga (3) projek yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian di Parlimen Selangau iaitu:

- (i) Projek Menaiktaraf Loji Air Sekuau, Selangau, Bahagian Sibu, Sarawak dalam peringkat reka bentuk terperinci oleh perunding yang dilantik. Projek ini akan memberi manfaat kepada 980 pintu/ akaun baharu di kawasan Sekuau dan sekitarnya;
- (ii) Projek BALB Wilayah Sangan, Bahagian Bintulu, Sarawak dalam peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding. Pelaksanaan projek ini akan memberi manfaat kepada 1,224 pintu/ akaun baharu di kawasan Sangan dan sekitarnya; dan
- (iii) Projek BALB Kawasan Samarakan, Bahagian Bintulu, Sarawak dalam peringkat pelantikan perunding. Projek ini akan memberi manfaat kepada 450 pintu/ akaun baharu di kawasan Samarakan dan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN  
AHMAD KAMAL [MACHANG]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [ MACHANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kriteria yang digunakan untuk memilih ahliahli politik sebagai Pengurus, Ahli Lembaga atau Jawatan Eksekutif ke syarikat atau Agensi Berkaitan Kerajaan, syarikat atau Agensi Milik Kerajaan dan Badan Berkanun.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dalam Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dibuat berdasarkan ketetapan keanggotaan Lembaga Pengarah dalam Akta Tubuh masing-masing dan sentiasa dipastikan tidak bercanggah dengan sebarang peraturan yang sedang berkuat kuasa. Bagi syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] pula, pelantikan Pengerusi dan ALP adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MOF) melalui MKD selaku pemegang saham.

Pengerusi dan ALP dalam BBP dan syarikat-syarikat MKD dilantik berdasarkan kepada kemampuan, kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (*fit and proper requirements*) dan mengambil kira keperluan dan *core business* BBP dan syarikat itu sendiri bagi membolehkan Lembaga Pengarah berkenaan beroperasi pada tahap yang optimum. Secara terperinci, pelantikan ini dibuat berdasarkan:

- i. Kelayakan pendidikan - Kriteria minimum bagi pelantikan seseorang calon ALP adalah sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan akademik dan profesional lain yang setara;
- ii. Pengalaman berkhidmat dalam industri atau bidang berkaitan seperti perakaunan, kewangan atau perundangan; dan
- iii. Kepakaran yang bersesuaian contohnya dalam bidang perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran khusus lain yang relevan dalam industri berkaitan yang boleh dimanfaatkan oleh BBP, syarikat dan industri.

Kriteria berkenaan merupakan kaedah bagi meningkatkan keupayaan barisan kepimpinan ALP BBP dan syarikat MKD dengan memperluaskan serta mempelbagaikan lagi komposisi ahli-ahlinya daripada segi kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Pengalaman

sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan adalah penting bagi memastikan *the right person with the right skills* (dengan izin) dipilih bagi memantapkan struktur Lembaga Pengarah. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada nilai personaliti individu dengan mengambil kira aspek-aspek integriti dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Perkara ini penting bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah yang mantap ke arah memantau pencapaian prestasi syarikat serta memastikan tadbir urus baik sentiasa dipatuhi di samping menggalakkan kepelbagaian (*diversity*) di bawah Malaysian Code of Corporate Governance (MCCG) 2021.

Bagi setiap lantikan Lembaga Pengarah termasuk lantikan ahli politik, proses saringan yang sewajarnya akan dilaksanakan bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tanggungjawabnya sebagai pengarah dengan berkesan sebagaimana yang digariskan dalam Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan.

Bagi syarikat MKD yang tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi/ALP syarikat akan diteliti melalui pertimbangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (*Nomination and Remuneration Committee - NRC*) serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Setelah ianya diluluskan oleh NRC dan Lembaga Pengarah barulah calon tersebut dikemukakan untuk tapisan Suruhanjaya Sekuriti dan seterusnya dikemukakan kepada Bursa Malaysia untuk pengumuman.

Di samping itu, selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016, setiap calon ALP bagi semua syarikat MKD perlu melalui beberapa tapisan sebagai prosedur (*requirement*) tambahan sebelum dilantik iaitu:

- i. tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM);
- ii. semakan kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;

## NO SOALAN :18

- iii. semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; dan
- iv. kelulusan verifikasi *fit & proper* oleh Bank Negara Malaysia (BNM) – bagi Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Financial Institution* - DFI).

Tapisan tersebut merupakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan semenjak Akta Syarikat 1965 dipinda, digubal dan diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta Syarikat 2016, sebagai sebahagian daripada usaha memperkemaskan tadbir urus pelantikan ALP syarikat.

Kesimpulannya, pelantikan ALP BBP dan syarikat MKD bukan sekadar mengisi jawatan Lembaga Pengarah sebaliknya disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap BBP dan syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah BBP dan syarikat MKD. Justeru itu, hanya individu yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menerajui Lembaga Pengarah BBP dan syarikat-syarikat MKD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini projek perumahan yang terbengkalai dan apa langkah yang diambil bagi mengatasinya.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023 terdapat sebanyak 112 projek terbengkalai yang merangkumi 40 projek sedang dipulihkan, 49 projek masih dalam peringkat perancangan untuk disiapkan/ diselesaikan dan 23 projek statik.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited dalam mengatasi projek perumahan terbengkalai iaitu dengan mewujudkan *Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai*. Melalui *task force* ini, empat (4) elemen utama yang sangat ditekankan sebagai terma rujukan iaitu pengenalpastian (*tracking*), penyelesaian (*resolve*), pencegahan (*preventive*) dan cadangan model ke hadapan (*forward modelling*). *Task force* yang diwujudkan juga akan membuat *facts finding* dan *due diligence* untuk mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan masalah kronik projek perumahan.

Dalam mekanisma cadangan model ke hadapan (*forward modelling*), Kementerian akan melibatkan lebih banyak pihak di dalam industri untuk mendapatkan pandangan dan idea dari perspektif yang lebih meluas melalui program-program yang dirancang seperti berikut:

- a) mengadakan program kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama kerajaan negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan dan mencari jalan penyelesaian bersama bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di pelbagai peringkat;
- b) mengadakan Forum Perumahan Swasta dengan kumpulan kerja yang terdiri daripada pemegang taruh (*stakeholder*) dan pemain industri, antaranya Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA), Persatuan Bank Malaysia, Persatuan Pembeli Rumah, Jabatan Peguam Negara, pelikuidasi, dan lain-lain agensi kerajaan dan teknikal;
- c) memperkasakan syarikat berkaitan Kementerian iaitu Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) supaya dapat memainkan peranan lebih proaktif

**SOALAN NO : 19**

dalam menyelesaikan isu projek sakit secara lebih telus dan efektif;

- d) mengadakan taklimat berjadual kepada pemaju di seluruh Semenanjung Malaysia berkaitan tanggungjawab dan kewajipan pemaju perumahan berlesen berdasarkan Akta 118; dan
- e) menggalakkan penggunaan teknologi baharu dalam pembinaan seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan bahan binaan alternatif untuk mempercepatkan penyiapan projek perumahan dengan kos yang lebih murah tanpa menjaskannya kualiti pembinaan.

KPKT selaku *mediator* sentiasa memantau projek-projek terbengkalai ini dan pada masa yang sama sentiasa bekerjasama dengan pihak pemaju asal, pihak pelikuidasi, pengurus dan penerima. KPKT juga sentiasa mengadakan mesyuarat bersama kerajaan negeri, PBT, Pejabat Tanah serta agensi-agensi teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan lain-lain bagi melancarkan proses penyiapan projek terbengkalai untuk membantu pembeli yang terkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) jumlah kos yang dijangka dibelanjakan untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri; dan
- b) apakah Kerajaan akan memastikan kemudahan Kerajaan tidak disalahgunakan oleh parti pemerintah untuk tujuan kempen PRN kali ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan bagi melaksanakan Pilihan Raya Umum (PRU) di enam (6) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan yang dianggarkan sebanyak RM 420 juta.
2. Bagi tujuan berkempen pula, semua pihak hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) serta undang-undang lain yang berkaitan pilihan raya. Pada setiap kali pengajuran pilihan raya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa memberi saranan kepada semua pihak agar mengemukakan laporan kepada mana-mana jabatan/agensi yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sekiranya terdapat mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan sepanjang tempoh pilihan raya berlangsung. Ini bagi membolehkan tindakan dan siasatan segera diambil oleh jabatan/agensi tersebut. Bagi tujuan ini, SPR turut memerlukan kerjasama yang menyeluruh dan adalah tanggungjawab semua pihak serta pemegang taruh yang terlibat dalam memastikan urusan kempen pilihan raya dilaksanakan secara lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD  
DELI [JEMPOL]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif FELDA dalam memudahkan proses penyelesaian hutang peneroka tanpa membebankan dan meningkatkan kos sara hidup golongan peneroka.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menghapuskan RM8.3 bilion hutang peneroka dari rekod pinjaman peneroka kepada FELDA. Inisiatif penghapusan hutang tersebut telah membantu meringankan bebanan hutang peneroka.
2. Kini semua peneroka yang telah menandatangani persetujuan melalui perjanjian penghapusan pinjaman dan pengurusan kebun, hanya perlu membayar pada kadar bayaran balik yang lebih rendah. FELDA juga menambahbaik pengurusan ladang bagi meningkatkan hasil yang lebih tinggi di samping kos pengurusan yang lebih rendah.
3. Selain itu, terdapat pelbagai program-program yang dilaksanakan oleh FELDA untuk membantu warga peneroka. Antaranya adalah seperti Waqaf FELDA serta Yayasan FELDA untuk menyalurkan sumbangan kepada peneroka sekiranya berlaku sebarang kejadian seperti bencana atau apa-apa kesulitan yang berlaku.
4. Manakala Program Pembangunan Peneroka (PPP) adalah salah satu inisiatif FELDA bertujuan untuk memberi tambahan pendapatan kepada peneroka melalui aktiviti pertanian dan ternakan.
5. FELDA juga menggalakkan warga peneroka dan generasi yang terlibat dengan bidang keusahawanan dalam membantu menambahbaik taraf kehidupan untuk menjana pendapatan tambahan tanpa bergantung sepenuhnya kepada ladang sawit dan getah. Inisiatif ini turut membantu usahawan FELDA memulakan dan mengembangkan perniagaan dengan diberi latihan dan bimbingan perniagaan secara percuma.

6. FELDA meneruskan caruman Skim Tanam Semula (STS) Peneroka sawit sebanyak RM 12/ekar/bulan. Caruman ini kemudiannya dilaburkan kepada Pengurus Dana yang dilantik oleh FELDA. Tujuan utama Pelaburan ini adalah untuk meningkatkan saiz dana STS bagi menampung perbelanjaan tanam semula Peneroka sawit akan datang. Di samping itu, Kerajaan telah mewujudkan inisiatif Dana Endowmen bagi membiayai program tanam semula sawit peneroka FELDA dan pekebun kecil di Malaysia.
7. Sebagai projek rintis, Kerajaan menyalurkan wang kepada FELDA untuk turut dilaburkan melalui Pengurus Dana yang dilantik oleh FELDA. Pelaburan melalui Pengurus Dana dijangka memberikan pulangan lebih tinggi berbanding simpanan tetap (*Fixed Deposit*). FELDA akan mengawal selia pengurusan dan prestasi dana agar pelaburan yang dilaksanakan mampu memberikan pulangan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ MD NAWI  
(TUMPAT)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJAH MUMTAZ MD NAWI (TUMPAT) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia mewajibkan kursus keibubapaan kepada semua ibu bapa dan penjaga dan memasukkan silibus Pendidikan Keibubapaan dan Keluarga dalam arus Pendidikan Negara dalam menjaga kebajikan kanak-kanak dan keluarga di Malaysia.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ada menawarkan pelbagai program pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan yang dilaksanakan melalui LPPKN negeri di seluruh negara.
2. Antara program yang ditawarkan adalah Program Ilmu Keluarga, Program Pengurusan Kewangan Keluarga Smart Belanja, Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) dan Kursus Mengimbangi Keluarga dan Kerjaya. Program-program ini telah memberi manfaat kepada lebih 130,000 peserta sejak ia mula diperkenalkan sejak 10 tahun.
3. Pada tahun 2020, perbincangan antara KPWKM dengan Kementerian Pendidikan Malaysia antara lainnya telah menyentuh berhubung cadangan mewajibkan kursus keibubapaan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Selain itu, LPPKN juga telah mengadakan konsultasi lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan termasuklah Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Ibubapa dan Guru Nasional (PIBGN) bagi mendapat input dan pandangan mereka.
4. Hasil daripada perbincangan tersebut, bentuk pelaksanaan yang lebih bersifat sukarela disepakati perlu ditumpukan terlebih dahulu. Pelaksanaan kursus-kursus ini juga dipersetujui untuk diperluas di seluruh negara bagi memberi ruang dan peluang untuk lebih ramai pihak mendapat akses kepadanya.
5. Bentuk pelaksanaan yang lebih bersifat sukarela ini telah dilaksanakan oleh LPPKN sejak dari dahulu lagi dan akan diteruskan dalam usaha untuk membantu masyarakat menikmat kehidupan berkeluarga yang lebih sejahtera. Kursus dan program pendidikan keibubapaan ini bukan hanya terhad kepada penyertaan golongan ibu dan bapa, malah terbuka kepada individu dan masyarakat umum. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan meneruskan usaha untuk mencari serpihan MH370 memandangkan terdapat syarikat “*Ocean Infinity*” yang memberi komitmen untuk meneruskan carian serpihan MH370 berdasarkan tiada fi yang akan dikenakan jika carian tidak berjaya (*No search, no fee*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.
2. Sebarang perbincangan lanjut berhubung penyambungan semula operasi pencarian pesawat MH370 akan diadakan dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan Australia berdasarkan bukti yang boleh dipercayai, yang mungkin membawa kepada pencarian baharu bagi pesawat yang hilang itu.
3. Dalam hubungan ini, sehingga kini, tiada sebarang maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) yang diperolehi Kementerian Pengangkutan berhubung sebarang penemuan yang membolehkan operasi pencarian pesawat MH370 disambung semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD**

**[KUALA SELANGOR]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian punya rancangan untuk membangunkan Stesen Luar Pantai di Beting Petinggi Ali, buat meletakkan aset-aset tentera negara, seperti yang ada di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan tidak berhasrat untuk melaksanakan pembangunan di Beting Patinggi Ali (BPA). Namun demikian, bagi mendepani cabaran maritim di perairan tersebut, Kementerian telah mendapat kelulusan bagi pembangunan pangkalan TLDM yang baharu iaitu Markas Wilayah Laut 4 (MAWILLA 4) di Bintulu, Sarawak dan perolehan kapal baharu iaitu *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMBS2) melalui *Rolling Plan* Ketiga Tahun 2023 baru-baru ini.
2. Cadangan untuk mewujudkan Pangkalan TLDM yang baharu di Sarawak adalah hasil penilaian strategik berpusat kepada dua perkara utama iaitu melindungi kepentingan sumber negara serta mempertahankan kedaulatan negara daripada insiden pencerobohan asing. Berdasarkan kajian semasa, Bintulu dinilai sebagai lokasi yang paling sesuai untuk membangunkan sebuah pangkalan Tentera Laut yang baharu. Secara tidak langsung, pembangunan bagi kedua-dua elemen ini adalah tanda keprihatinan Kerajaan sebagai langkah untuk mewujudkan keupayaan kritikal bagi aspek pertahanan maritim khususnya di perairan Sarawak.
3. Daripada aspek operasi, TLDM sentiasa memastikan keselamatan perairan negara khasnya dan pertahanan negara umumnya berada di tahap tertinggi dengan pelaksanaan operasi-operasi di perairan negara termasuk di Laut China Selatan. Kerjasama TLDM dan APMM melalui Operasi NAGA bertujuan memastikan perairan Zon Maritim Malaysia terjamin dari sebarang pencerobohan oleh bot dan kapal asing. Pemantauan dan rondaan yang dilaksanakan adalah secara berterusan sepanjang masa dan asset TLDM/APMM sentiasa memperagakan kehadiran bagi menjaga keselamatan nelayan tempatan dan komuniti maritim yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR  
[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN ONN BIN ABU BAKAR [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat banyak kereta rosak yang tersadai begitu lama di merata tempat khususnya di kawasan perumahan awam, tempat letak kereta awam malahan juga di tepi-tepi jalan. Keadaan ini telah menyulitkan orang ramai. Apakah langkah penyelesaian kepada masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar melalui Pekeliling Ketua Setiausaha (KSU) Bilangan 2/2020 bertarikh 13 Februari 2020 sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan pengurusan kenderaan terbiar bagi menyelesaikan isu lambakan kenderaan rosak/ terbiar lama di kawasan perumahan awam, tempat letak kereta awam atau kawasan-kawasan di bawah pengurusan PBT.

Sehingga kini, PBT telah melaksanakan sebanyak 9,024 operasi penguatkuasaan kenderaan terbiar dan sebanyak 9,982 buah kenderaan terbiar telah dilupuskan bagi tempoh Januari 2022 sehingga April 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat khususnya peminjam berikutan kenaikan OPR.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Langkah kenaikan OPR secara beransur-ansur oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan keputusan yang diambil dengan sangat berhati-hati dalam menyeimbangkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keluhan sebilangan rakyat yang masih terkesan dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate - OPR) khususnya peminjam yang kini berada pada paras 3.00 peratus seperti yang diumumkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari, BNM pada 3 Mei 2023.

Kerajaan sentiasa membantu untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat terutamanya bagi yang masih terjejas akibat COVID-19. Secara keseluruhannya, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM64 bilion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif bagi minimumkan kos sara hidup.

Melalui Belanjawan 2023, Kerajaan meneruskan pemberian bantuan tunai serta subsidi Kerajaan antaranya melalui:

- i. **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang memanfaatkan 8.6 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM8 bilion.** Penerima STR akan menerima maksimum sehingga RM3,100 bagi isi rumah. Untuk makluman, bayaran Fasa 1 dan Fasa 2 masing-masing telah dibuat pada Januari dan April 2023 dengan perbelanjaan sebanyak RM2.93 bilion. Manakala bagi bayaran fasa 3, penyaluran akan dibuat sebelum menjelang hari raya Aidiladha.
- ii. **Bantuan khas pesawah juga diperkenalkan semula yang memanfaatkan lebih 300,000 pesawah dengan bayaran RM200 sebulan bagi tempoh 3 bulan semusim bagi membantu pendapatan ketika menunggu hasil padi dengan peruntukan sebanyak RM228 juta.** Selain bantuan Kerajaan sebanyak RM600

ini, Kerajaan juga telah mendapat persetujuan BERNAS untuk berkongsi 30% keuntungan bersih bagi membantu pesawah miskin.

- iii. **Insentif Pengeluaran Getah (IPG)** juga telah ditambahbaik dengan menaikkan harga lantai daripada **RM2.50 kepada RM2.70 sekg** dengan peruntukan kos keseluruhan **RM350 juta** memanfaatkan lebih 400,000 pekebun kecil getah
- iv. **Bantuan Musim Tengkujuh** juga telah ditambah baik kepada RM800 tahun 2023 berbanding RM600 tahun lepas melibatkan lebih **RM256 juta** dan membantu meringankan beban yang ditanggung 320 ribu pekebun kecil getah.
- v. **Kerajaan juga telah menyalurkan Bantuan Khas Kewangan pada 17 April 2023 sebanyak RM200 kepada 850,000 pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan manakala sebanyak RM300 dibayar kepada 200,000 sukarelawan beruniform yang terdiri daripada anggota RELA, Sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam, Polis, Bomba dan Angkatan Tentera bagi meringankan beban golongan ini menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri.**
- vi. Peruntukan **RM100 juta untuk jayakan program Jualan Rahmah di setiap kawasan Parlimen.**
- vii. Pemberian bantuan **e-Tunai Belia Rahmah berjumlah RM200** dengan peruntukan berjumlah RM400 juta yang akan memanfaatkan 2 juta penerima. Bayaran akan dibuat pada akhir bulan Jun 2023.

Kerajaan juga komited dalam menoktahkan kemiskinan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang melibatkan tiga (3) program rintis yang diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam melindungi hak dan kesejahteraan atlet dan pekerja sukan, termasuk pengurusan kontrak dan hak cipta, serta memastikan tiada penyalahgunaan dadah dan perilaku tidak bermoral berlaku.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa memberikan keutamaan terhadap aspek kesejahteraan atlet dan jurulatih di bawah program latihan atlet MSN. Setiap atlet akan diberikan kontrak latihan melalui penyediaan pakej latihan merangkumi elauan, latihan, peralatan pertandingan, perkhidmatan perubatan dan sains sukan, peluang pertandingan dalam dan luar negara, penyediaan makanan dan penginapan serta pakaian pertandingan. Selain itu, penilaian atlet dan jurulatih dibuat secara berkala berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah dipersetujui secara bersama antara MSN, atlet, jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan (PSK).

## **SOALAN NO : 27**

Pada masa sama, MSN melalui Sekretariat Malaysia Athlete Career and Education (MACE) telah memberikan penekanan kepada tiga teras utama iaitu pendidikan, kerjaya dan kebajikan.

Bagi teras pendidikan, MACE telah meningkatkan usaha untuk menyediakan laluan pendidikan lebih luas dan fleksibel melalui kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Kerjasama ini menawarkan kemudahan seperti tawaran basiswa dan pengubahsuaian program bagi memastikan atlet-atlet dapat menjalani program latihan dan akademik secara seimbang.

Selain itu, MSN melalui *Athlete Track Program* (ATP) turut melaksanakan program kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), swasta dan agensi-agensi kerajaan untuk membuka peluang pekerjaan khusus kepada atlet program MSN.

Selain itu, KBS turut memberikan tumpuan terhadap aspek kebajikan dengan memberi perhatian terhadap inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- i. Imbuhan Khairat Kematian Atlet MSN yang bernilai RM120,000;
- ii. Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok;
- iii. Bantuan Perubatan, Bantuan Bencana Alam serta Bantuan Kewangan;
- iv. Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) menyediakan insentif sukan berdasarkan pencapaian pingat di temasya dan kejohanan-kejohanan antarabangsa. Selain daripada itu, Skim Imbuhan Tetap Olimpik (SITO) yang merupakan elaun bulanan sepanjang hayat mereka turut disediakan di mana pemenang pingat emas akan menerima elaun RM5,000, pingat perak RM3,000 dan pingat gangsa RM2,000 bagi setiap bulan; dan
- v. jurulatih juga akan menerima insentif sukan menerusi Skim Galakan Jurulatih (SGAR) iaitu sebanyak 20% daripada nilai insentif SHAKAM.

Berhubung dengan isu penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang dalam kalangan atlet pula, KBS melalui Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) komited untuk melaksanakan pelbagai langkah bagi meminimumkan risiko dan memastikan persekitaran sukan yang bersih dan adil. Sebagai penandatangan Kod Anti-Doping Dunia, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk merancang, melaksana, menilai dan mempromosikan pendidikan anti-doping kepada semua pihak berkepentingan.

KBS telah mewujudkan dasar toleransi sifar bagi memerangi isu doping atau penyalahgunaan bahan atau kaedah terlarang dalam sukan. Antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menangani penyalahgunaan bahan terlarang dalam sukan ialah melalui Pendidikan Anti-Doping, Pengujian Kawalan Doping, Kerjasama erat dengan Badan Sukan dan Menguatkuasakan Peraturan Anti-Doping.

Kementerian ini juga telah melancarkan Kod Sukan Selamat yang menerangkan pelbagai skop salah laku dan mekanisme pengaduan yang boleh digunakan oleh semua penggiat sukan terutamanya atlet yang menjadi mangsa kepada salah laku. Kandungan ini juga menerangkan tanggungjawab dan peranan pemegang taruh utama sukan yang bertujuan untuk melindungi seluruh komuniti sukan dan mengelakkan kes-kes yang tidak bermoral daripada berlaku. Selain itu program penerangan dan advokasi berkaitan sukan selamat akan terus diperhebatkan di seluruh negara terutama di peringkat akar umbi bagi memastikan ekosistem sukan di negara ini adalah selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang hasil perjumpaan beliau dengan syarikat teknologi tinggi digital, termasuk Facebook dan Google, berkaitan dengan pemulihan pengecualian kabotaj untuk syarikat berteknologi tinggi memperbaiki kabel dasar laut demi mengembalikan keyakinan pelabur dan menarik pelaburan berteknologi digital yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, perjumpaan di antara wakil dari industri internet global termasuk Google, Meta, AWS, Microsoft dan Persatuan Pengendali Internet Malaysia (MYIX) dengan Menteri Pengangkutan telah berlangsung pada 8 Mei 2023. Perjumpaan tersebut diadakan untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan dari pihak industri berhubung kesan perubahan pelaksanaan dasar Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (*Domestic Shipping Licensing*) di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (*Merchant Shipping Ordinance 1952*) dari 2018 hingga sekarang. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, wakil industri disarankan untuk mengemukakan laporan berserta syor-syor penambahbaikan secara bertulis dan rasmi kepada Kementerian Pengangkutan dalam masa terdekat.
2. Kementerian Pengangkutan turut bercadang untuk mengadakan sesi libat urus lanjut bersama wakil industri dan agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat bulan Jun ini. Sesi ini antara lain akan membincangkan pelaksanaan Dasar Kabotaj di Malaysia serta penambahbaikan baharu yang akan dilaksanakan melalui sistem *Electronic Domestic Shipping Licence* (eDSL).
3. Kementerian Pengangkutan akan terus memainkan peranan aktif untuk memudahcara (*facilitate*) dalam memastikan pelaksanaan Dasar Kabotaj dapat mengimbangi kepentingan industri perkapalan dan pembangunan ekonomi digital negara. Keputusan lanjut berhubung hala tuju pelaksanaan Dasar Kabotaj bagi aktiviti pemasangan kabel dasar laut di Malaysia akan dibuat setelah sesi bersama semua pihak pemegang taruh selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR (LIBARAN)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR (LIBARAN)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menaik taraf jambatan sedia ada ke jambatan konkrit di perkampungan persisiran pantai di Parlimen Libaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa komited dan mengambil maklum akan keperluan masyarakat luar bandar terutamanya di Sabah yang memerlukan kemudahan infrastruktur yang masih jauh ketinggalan dalam arus pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang RMKe-12 sehingga tahun 2023, sebanyak 26 projek di bawah jambatan di bawah program Jambatan Luar Bandar (JMLB) telah diluluskan bagi Wilayah Sabah dengan peruntukan berjumlah RM145.2 juta. Daripada jumlah tersebut, terdapat 1 projek jambatan diluluskan di kawasan Parlimen Libaran iaitu Projek Menaiktaraf Jambatan Sg. Garinono, KM 1.50, Jalan Garinono, Kinabatangan, Sabah dengan skop menggantikan jambatan sepanjang 20 meter dan lebar 10 meter. Status semasa projek adalah tersedia untuk ditender.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, permohonan projek-projek jambatan luar bandar adalah berdasarkan senarai permohonan yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah. Dalam hal ini, sekiranya terdapat keperluan bagi menaik taraf jambatan-jambatan luar bandar, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada UPEN Sabah untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat oleh Kementerian kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* berikutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perolehan FA-50 buatan Korea dan kelebihannya dari segi kos, teknikaliti, operasi dan *offset* program berbanding dengan JF-17 buatan Pakistan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang DiPertua,

1. Kementerian Pertahanan telah menandatangani Surat Setuju Terima (SST) bagi perolehan 18 buah pesawat pejuang ringan dan latihan lanjutan *Fighter Lead-In Trainer- Light Combat Aircraft* (FLIT-LCA) FA-50 dengan Syarikat Korea Aerospace Industries (KAI) pada 24 Februari 2023 yang melibatkan kos pembelian berjumlah RM3.8 billion untuk tempoh 5 tahun. Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dijangka akan menerima pesawat pertama pada tahun 2026.

2. Perolehan pesawat FLIT-LCA ini telah melalui proses yang panjang dan mengikut prosedur perolehan aset kerajaan semasa. Ia dimulai dengan pembangunan spesifikasi oleh TUDM hingga termeterai Surat Setuju Terima (SST) baru-baru ini. Berdasarkan penilaian oleh

Jawatankuasa Penilaian Teknikal Tender (JPTT) yang telah dilantik oleh TUDM, keupayaan pesawat FA50 Block 10 itu sendiri telah menepati keperluan *Schedule of Compliance* (SOC) dan telah mengatasi prestasi petender-petender yang lain.

3. Petender yang tidak melepas penilaian di peringkat teknikal tidak layak untuk ke peringkat penilaian seterusnya. Sehubungan itu, penilaian fizikal tidak akan dilaksanakan terhadap petender yang telah gagal di peringat pertama penilaian teknikal tender.

4. Pesawat FLIT-LCA FA-50M Blok 20 adalah merupakan *upgrade version* daripada FA-50 Blok 10 yg telah terbukti melalui rekod pengoperasian dan latihan serta digunakan oleh Philippine Air Force (PAF) dan Republic Of Korea Air Force (RoKAF). Platform pesawat FA-50 adalah terbukti dari segi pengoperasian yang mana ianya telah digunakan semasa pertempuran di Marawi, Filipina pada tahun 2017.

5. Pemilihan platform pesawat FLIT-LCA dibuat dengan mematuhi pelbagai lapisan dokumen strategik dan pelbagai proses penilaian serta spesifikasi teknikal yang terperinci dan komprehensif. Elemen penting utama KAI FA-50 adalah keupayaan untuk menawarkan satu jenis keseimbangan, platform tempat duduk tandem dengan sistem pelbagai fungsi dan mampu melaksanakan peranan operasi dan latihan secara optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**[LARUT]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ LARUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme terbaru bagi menangani beban subsidi minyak yang terpaksa ditanggung Kerajaan serta nyatakan apakah Kerajaan memiliki formula untuk menurunkan harga minyak dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, jumlah perbelanjaan subsidi kepenggunaan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM66.3 bilion merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik dan subsidi harga ayam dan telur yang merupakan antara subsidi dengan perbelanjaan terbesar.

Bagi terus melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak mentah di pasaran global, Kerajaan masih mengekalkan harga harga siling petrol RON95 dan diesel sehingga kini, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah melebihi paras harga siling yang ditetapkan.

Memandangkan harga minyak mentah dunia masih menunjukkan trend tidak stabil berikutan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan, Kerajaan tidak berhasrat untuk menurunkan had harga siling semasa ke paras yang lebih rendah. Ini bagi mengelakkan Kerajaan berterusan menanggung jumlah subsidi yang lebih tinggi.

Namun bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebijakan dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan sedang meneroka langkah menambah baik pemberian subsidi secara lebih bersasar bagi mengurangkan ketirisan dalam masa yang sama supaya penjimatan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kepada program dan projek yang memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

**Jurang harga yang tinggi antara harga pasaran dan harga bersubsidi telah meningkatkan risiko ketirisan melalui penyeludupan terutamanya diesel.** Ini dapat dilihat dari kecenderungan penggunaan diesel yang meningkat hampir satu kali ganda dan kos subsidi diesel kini hampir menyamai kos subsidi petrol RON95.

**Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi diesel secara bersasar** berasaskan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan. Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan serta mengekalkan fokus Kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab JPA menghentikan penajaan biasiswa untuk pelajar perubatan, pergigian dan farmasi di universiti tempatan pada tahun ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, **penajaan JPA bagi 4,420 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi masih diteruskan** sehingga tamat pengajian pada tahun 2027.
2. Dasar penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah berdasarkan unjuran keperluan gunatenaga sektor awam dan negara. Penangguhan penajaan baharu JPA bagi bidang perubatan, pergigian dan farmasi mulai tahun 2023, adalah berdasarkan laporan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menjangkakan berlaku lebihan tenaga kerja dalam bidang berkenaan bermula pada tahun 2026.
3. Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri, JPA dan KKM telah meneliti semula dasar sedia ada dengan mengambil kira unjuran keperluan kesemua agensi kerajaan.
4. Sehubungan itu, Kerajaan akan menawarkan penajaan dalam bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi. Tarikh permohonan penajaan bagi tahun 2023 akan diumumkan dalam jangka masa terdekat ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI**  
**[TITIWANGSA]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [ TITIWANGSA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Baki Akaun Semasa Negara dalam Imbalan Pembayaran dari tahun 2017 hingga 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia terus merekodkan lebihan Akaun Semasa Imbangan Pembayaran yang memberangsangkan dari tahun 2017 sehingga 2022. Pada tahun 2017, lebihan akaun semasa imbangan pembayaran merekodkan jumlah sebanyak RM38.3 bilion manakala pada tahun 2018, akaun semasa merekodkan lebihan sebanyak RM32.3 bilion. Pada tahun 2019, lebihan akaun semasa melonjak kepada RM52.9 bilion dan terus meningkat sebanyak RM59.1 bilion pada tahun 2020. Seterusnya, akaun semasa mencatat lebihan pertumbuhan berjumlah RM60.2 bilion pada tahun 2021 sebelum merekodkan lebihan sebanyak RM55.1 bilion pada tahun 2022. Secara keseluruhannya, prestasi akaun semasa imbangan pembayaran dipengaruhi oleh jumlah yang direkodkan dalam akaun barang, akaun perkhidmatan, akaun primer dan akaun sekunder. Dalam hubungan ini, lebihan akaun semasa imbangan pembayaran disokong secara konsisten oleh prestasi yang menggalakkan dalam akaun barang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB  
[GERIK]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat usaha pihak Kerajaan untuk mewajibkan pengusaha pakej pelancongan membawa pelancong ke lokasi bersejarah tertentu atau lokasi kraftangan tempatan Malaysia seperti mana Pakej Pelancongan di China yang mewajibkan pelancong melawat produk tempatan seperti batu jed, produk daun teh China dan industri buluh negara itu.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Industri Pelancongan 1992 atau Akta 482 adalah satu peruntukan undang-undang mengenai pelesenan dan pengawalseliaan ke atas pengusahaan pelancongan dan perkara-perkara yang berkaitan termasuk pengawasan ke atas pengusaha-pengusaha pelancongan dalam bidang perniagaan pengendalian pelancongan. Terma-terma dan syarat-syarat dalam akta ini menjadi panduan dalam urusan agensi-agensi ini dengan pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa.
2. Penggubalan akta ini adalah untuk memastikan amalan-amalan *fair trade* dan perniagaan beretika bagi pengusaha pelancongan dan pengguna-pengguna. Sehubungan dengan itu, tiada satu peruntukan undang-undang khusus yang mewajibkan pengusaha-pengusaha pakej pelancongan membawa pelancong ke sesebuah lokasi perniagaan tertentu seperti pusat batu jed. Pakej-pakej pelancongan yang dirancang dan usaha-usaha memasarkan pakej-pakej ini adalah berdasarkan kepentingan komersil pengusaha-pengusaha pelancong ini dan permintaan serta minat segmen-segmen pasaran seperti pasaran jarak jauh yang kurang meminati lawatan pusat perniagaan seperti kedai jed. Kementerian ini sentiasa menggalakkan pengusaha-pengusaha pakej pelancong ini supaya merangka pakej-pakej yang menarik (seperti melalui penganjuran bengkel pembangunan pakej) disamping menyediakan platform-platform khusus bagi memasarkan produk-produk pelancongan yang dirangka bagi memastikan ianya ada daya maju komersial (commercial viability).
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini turut menyediakan kemudahan bagi kenderaan pesiaran termasuk bas-bas bagi menjalankan program-program percutian tempatan seperti *City Tour*, *Country Tour* dan beberapa pakej lain menggunakan ruang di Kemplek Penerangan Pelancongan Malaysia di Jalan Ampang dan Pusat Kraftangan di Jalan Conlay yang merupakan lokasi-lokasi strategik bagi program-program ini yang

## **SOALAN NO : 34**

mengambil kira kesibukan di bandaraya Kuala Lumpur. Ia memberikan pendedahan kepada aspek-aspek budaya Malaysia yang dapat meningkatkan pengalaman melancong di Malaysia.

4. Walau bagaimanapun, terdapat juga pakej-pakej pelancongan seperti di China yang dikenali sebagai pakej kos rendah (*low cost tours* atau *zero cost tours*) di mana pengusaha-pengusaha pelancongan membawa pelancong ke pusat-pusat perniagaan bagi kepentingan kewangan seperti lawatan ke kedai jed di mana ia dijalankan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan China. Ia bukanlah satu keperluan oleh pihak kerajaan China. Di Malaysia juga terdapat pengusaha-pengusaha yang mengusahakan pakej-pakej sedemikian khususnya bagi pasaran China yang ditakrifkan sebagai satu produk yang tidak menepati amalan-amalan *fair trade* dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan ini. Namun begitu, Kementerian ini sentiasa mengesyorkan supaya pengguna-pengguna sentiasa meningkatkan kesedaran dalam mendapatkan perkhidmatan dari agensi-agensi yang sedia berdaftar dengan kementerian ini melalui laman web MOTAC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memudahcaraikan proses undi pos bagi pengundi yang tinggal di luar negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap proses pengundian pos bagi kategori 1B (Luar Negara) dalam pelaksanaan PRU Ke-15 yang lepas di mana permohonan undi pos kini dibuat secara atas talian sepenuhnya melalui portal MySPR berbanding permohonan secara manual menggunakan borang pada PRU dan PRK sebelumnya.
2. Selain itu, SPR juga telah memansuhkan syarat-syarat kelayakan pengundi pos Kategori 1B (Luar Negara) yang telah berkuatkuasa pada 25 Jun 2020 seperti berikut:
  - a) bermastautin di luar negara kecuali di Wilayah Selatan Thailand (Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia. Sebelum pemansuhan syarat-syarat ini, pemilih yang berada di negara dan kawasan seperti di atas tidak layak mengundi secara pos dan mereka perlu pulang ke Malaysia untuk mengundi secara biasa di bahagian pilihan raya yang terlibat; dan
  - b) pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh pembubaran Dewan Rakyat/Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa. Warganegara Malaysia yang berada di luar negara kini tidak lagi tertakluk kepada syarat ini untuk memohon mengundi secara pos.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM  
[ARAU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menyelaraskan pencen veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang diPertua

1. Kementerian kini sedang berhadapan dengan tuntutan kes saman berkaitan pelarasan pencen di Mahkamah Tinggi Persekutuan yang dibawa oleh sekumpulan Veteran ATM.
2. Bagi isu pelarasan pencen veteran ATM, beberapa siri perbincangan lanjut di peringkat Kementerian telah diadakan bagi meneliti opsyen-opsyen terbaik bagi mempertimbangkan perkara ini. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan sedang menyediakan perincian opsyen cadangan dengan mengambil kira dasar dan kemampuan kewangan Kerajaan. Walau bagaimanapun ia juga tertakluk kepada keputusan pihak Mahkamah Tinggi Persekutuan, atas tuntutan yang telah difailkan oleh kumpulan veteran berkenaan. Sehubungan itu, pihak Kerajaan akan akur terhadap sebarang keputusan penghakiman yang akan dibuat oleh pihak mahkamah kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU  
HASSAN (KUALA PILAH)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN (KUALA PILAH)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana kandungan modul Penghayatan Pendidikan Islam yang akan dilaksanakan di Tabika Kemas seluruh negara dengan memberi penekanan terhadap ibadah dan pengajian Al-Quran disusun mengikut kesesuaian intelektual kanak-kanak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI) di TABIKA KEMAS digubal mengikut standard kandungan serta standard pembelajaran al-Quran dan ibadah seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Nilai tambah dalam Modul PPI berpandukan kurikulum sedia ada seperti berikut:

- a. menghafaz beberapa surah seperti Al-Falaq, Al-Masad, Al-Kafirun, Al-Kauthar, Al-Ma'un, Al-Quraish, Al-Asr, Al-Fil & Al-Humazah berbanding yang digariskan dalam kurikulum iaitu surah Al-Fatihah, An-Nas dan Al-Ikhlas;

## **SOALAN NO : 37**

- b. melafazkan doa dalam amalan harian seperti doa penerang hati, doa menaiki kenderaan, dan doa keluar rumah; dan
- c. mengetahui dan melakukan simulasi solat dhuha berbanding yang digariskan dalam kurikulum iaitu solat fardhu sahaja.

Kandungan Modul PPI ini telah disusun mengikut perkembangan kanak-kanak iaitu mengikut peringkat umur iaitu lima (5) dan enam (6) tahun supaya iaanya sesuai dengan intelektual kanak-kanak.

Pada tahun 2023, penekanan terhadap bidang al-Quran akan ditambah baik dalam Modul PPI TABIKA KEMAS sedia ada bagi membentuk masyarakat madani dari peringkat awal kanak-kanak. Pelaksanaan Modul PPI sedia ada ini akan diperkasakan dan seterusnya dijenamakan sebagai Modul PPI 2.0.

Modul PPI 2.0 akan dilaksanakan secara rintis melibatkan 2,500 buah TABIKA KEMAS yang mempunyai kanak-kanak beragama Islam. Pelaksanaan secara bersasar bagi memastikan kesediaan tenaga pengajar/pendidik serta kebolehlaksanaan pengisian Modul PPI 2.0. Di antara penambahbaikan yang dibuat iaitu :

- a. penyusunan semula kandungan modul mengikut tahap usia lima (5) dan enam (6) tahun;
- b. menekankan konsep didik hibur dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran;
- c. kaedah pentaksiran yang lebih mudah dan ringkas; dan
- d. pemerkasaan kualiti dan kompetensi tenaga pengajar dengan siri latihan kemahiran professional dan ikhtisas yang diiktiraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD  
(JERLUN)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. ABD GHANI BIN AHMAD [ JERLUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan Madani memilih enam (6) buah negeri sebagai lokasi Majlis Rumah Terbuka Aidil Fitri 2023 dan berapakah kos yang dibelanjakan mengikut negeri-negeri tersebut.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI bersama YAB Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelaraslon Lonjakan Prestasi (PACU) hanya melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu. Rumah terbuka di negeri Kedah adalah merupakan program peringkat Kebangsaan dimana turut melibatkan jemaah menteri, perwakilan-perwakilan asing serta ketua-ketua jabatan Kerajaan.
2. Kos keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM6.267 juta seperti berikut:
  - a. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kedah sebanyak RM3.183 juta.
  - b. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Kelantan sebanyak RM1.542 juta.
  - c. Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI Terengganu sebanyak RM1.542 juta.

Jumlah perbelanjaan ini meliputi semua perkara seperti persiapan tempat, logistik dan perbelanjaan jamuan kepada orang ramai. Jumlah kehadiran untuk program di Kedah adalah seramai 25,000 orang, manakala di Kelantan dan Terengganu adalah seramai 15,000 orang pengunjung di setiap negeri.

**NO SOALAN: 38**

3. Kerajaan memutuskan untuk mengadakan Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia MADANI di pelbagai lokasi adalah untuk membolehkan pemimpin Kerajaan bertemu dan beramah mesra dengan rakyat. Berbanding dengan penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri pada tahun lalu yang diadakan di Seri Perdana dengan kehadiran penduduk di kawasan setempat sahaja.
4. Penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI pada kali ini juga mendapat kerjasama di kalangan Kementerian dan Jabatan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri. Hal ini membolehkan kos penganjuran dapat dikurangkan terutamanya dari segi sumber manusia dan keperluan logistik yang lain.
5. Dalam masa yang sama, penganjuran Rumah Terbuka Malaysia MADANI ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil tempatan untuk menjana ekonomi sebagai penyedia perkhidmatan dan makan minum sepanjang majlis berlangsung. Kesan ekonomi ini juga dapat dirasai oleh pengusaha-pengusaha hotel, pengangkutan dan peniaga-peniaga lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [TAWAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk mengembalikan kuota 35% kerusi Parlimen kepada Sabah dan Sarawak yang termaktub melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bagi memastikan dana pembangunan Parlimen dapat disalurkan kepada Sabah dan Sarawak yang meliputi kawasan yang luas.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan perlu berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
2. Sebarang cadangan pertambahan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak memerlukan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.
3. Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan boleh dimulakan dalam dua cara iaitu, pertama adalah apabila tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Manakala, kaedah yang kedua pula adalah apabila berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]

**TARIKH :** 14 JUN 2023 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah memperhalusi semula bilangan anggota Dewan Negara supaya lebih seimbang di antara wakil Dewan Undangan Negeri dengan lantikan Yang di-Pertuan Agong.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan memperhalusi cadangan yang dikemukakan supaya bilangan anggota Dewan Negara adalah lebih seimbang di antara pilihan Dewan Undangan Negeri dengan lantikan Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' VERDON BIN BAHANDA  
(KUDAT)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' VERDON BIN BAHANDA (KUDAT) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah bantuan yang Kementerian telah belanjakan kepada masyarakat di Parlimen Kudat melalui bantuan kebajikan melibatkan perbelanjaan kos rawatan di hospital. Seperti kos pembedahan, kos perubatan, bantuan kerusi roda, bantuan kaki palsu, dan sebagainya.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan kepada rakyat yang disalurkan melalui pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak menyediakan atau menyalurkan bantuan kebajikan yang melibatkan perbelanjaan kos rawatan di hospital. Namun, rakyat masih boleh menikmati perkhidmatan perubatan yang baik di fasiliti-fasiliti perubatan Kerajaan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara pada harga yang amat minimum, iaitu bermula dengan kadar serendah RM1, malah ada juga yang percuma kepada mereka yang layak.
2. Manakala KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula menyediakan pelbagai bantuan kebajikan kepada rakyat seperti bantuan kewangan bulanan dan bantuan sekaligus (*one-off*) untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar dari kepompong kemiskinan ke arah hidup berdikari. Bantuan kebajikan yang diberikan ini bertujuan untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan.
3. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penerima bantuan bulanan JKM di bawah Parlimen Kudat bagi tahun 2022 adalah seramai 5,735 penerima dengan nilai bantuan yang disalurkan adalah sebanyak RM26.8 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak tiga (3) permohonan bantuan bagi pembelian alat tiruan/sokongan seperti *high low bed* dan *ripples mattress* juga telah diluluskan dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM12,358.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Hajah Mumtaz Binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi membina satu terminal bersepadu stesen Kereta Api Wakaf Bharu yang sepadan dengan perkembangan semasa selari dengan perkembangan ECRL di Tumpat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian ini belum mempunyai perancangan untuk membina satu terminal bersepadu stesen Kereta Api di Wakaf Bharu memandangkan stesen sedia ada untuk perkhidmatan ECRL iaitu di Pasir Puteh (penumpang dan kargo) dan Tunjong, Kota Bharu (penumpang) memadai untuk menampung keperluan penduduk setempat.
  
2. Namun begitu, Kerajaan sentiasa memantau dari semasa ke semasa keperluan infrastruktur pengangkutan awam di kawasan tersebut dan jika ada keperluan, Kerajaan akan mempertimbangkannya pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah pelan jangka panjang untuk pembangunan ekonomi dan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli di Sungai Siput.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah diperuntukkan sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) berfokuskan kepada 2 program utama iaitu program pembangunan ladang dibawah projek tanam semula ladang serta program pembangunan usahawan. Bagi tujuan pembangunan ladang ianya memberi pendapatan kepada Orang Asli melalui dividen bulanan. Manakala usahawan pula diberi bantuan secara individu ataupun berkelompok seperti pembangunan koperasi.

JAKOA dalam proses kerjasama dengan SME Corporation bagi mengumpul dan memasarkan hasil pertanian yang dihasilkan oleh Orang Asli Perak. Kerjasama ini akan memberi nilai tambah dan peluang pekerjaan secara tidak langsung kepada Orang Asli sekitarnya. Seramai 40 peserta telah tamat kursus *Smart Farming* dan melibatkan 6 buah kampung di Perak. JAKOA juga sedang bergiat dengan Lembaga Koko Malaysia (LKM) bagi membangunkan kebun koko secara lebih teratur dan sistematik di Perak. Rangsangan Pengeluaran Hasil Koko (RPHK) telah melibatkan seramai 48 petani dengan keluasan 30 hektar di Sg. Siput. Pusat penghasilan produk koko dan aktiviti hiliran koko akan terus ditingkatkan dengan penubuhan pejabat pentadbiran LKM yang akan beroperasi di Orang Asli One Centre (OAOSC) Bawong disamping sebagai pusat jualan produk dan perniagaan Orang Asli dengan menyediakan 5 buah kedai.

Dalam usaha berterusan kerajaan bagi menggalakkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah, perkhidmatan pengangkutan disediakan dan telah memberi manfaat termasuk kepada seramai 435 orang murid orang Asli di Sungai Siput.

Selain itu, pihak JAKOA juga turut menyediakan bayaran insentif wang saku kepada murid orang asli di peringkat sekolah menengah bertujuan memberi galakan supaya mereka menghadiri kelas dan meringankan

## **SOALAN NO : 43**

beban ibu bapa murid. Bantuan Insentif Wang Saku ini juga adalah sebagai alternatif gantian kepada pemberian makanan waktu rehat kepada murid Orang Asli di sekolah. Seramai 595 orang murid dari Sungai Siput menerima manfaat daripada insentif wang saku yang diberikan.

Bantuan pakaian seragam bagi murid Orang Asli disediakan untuk tahun 1 dan tingkatan 1 bagi mengurangkan kadar keciciran kehadiran pelajar di sekolah serta membantu ibubapa murid Orang Asli dalam mengurangkan beban perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka. Seramai 343 murid dari Sungai Siput menerima manfaat daripada bantuan pakaian seragam ini.

Di samping itu, pihak JAKOA juga turut melaksanakan program-program kecemerlangan yang boleh meningkatkan motivasi murid untuk ke sekolah seperti program “Jug Ke Sekolah” Intervensi Murid Cicir Orang Asli bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar bagi menjelak anak-anak orang asli yang cicir.

Manakala di bawah Program Pembangunan Modal Insan (PPMI), program hala tuju bagi lepasan SPM dan STPM diadakan dengan peruntukan berjumlah RM180,000.00 setahun. Bagi melahirkan belia Orang Asli yang berkemahiran tinggi, program TVET modular diberi tumpuan dan telah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu melalui konsep Penilaian Pencapaian Terdahulu (PPT) sehingga SKM Tahap 3 melalui agensi TVET KSM dan KKDW. Satu program TVET dan Kerjaya Orang Asli telah diadakan di Orang Asli One Stop Centre (OAOSC) pada 3 Jun 2023 sebagai tempat garis mula pendidikan TVET modular.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**[LARUT]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [ LARUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah holistik yang telah dirangka bagi membantu rakyat khususnya golongan B40 yang terbeban dan tertekan dengan kenaikan terbaharu kadar OPR.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Langkah kenaikan OPR secara beransur-ansur oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan keputusan yang diambil dengan sangat berhati-hati dalam menyeimbangkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keluhan sebilangan rakyat yang masih terkesan dengan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate - OPR) khususnya golongan B40 yang kini berada pada paras 3.00 peratus seperti yang diumumkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari, BNM pada 3 Mei 2023.

Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan akan terus melaksanakan pemberian subsidi kepenggunaan serta kawalan harga bagi barang keperluan terpilih. Usaha ini adalah sebagai langkah

Kerajaan untuk meringankan beban rakyat bagi menangani kos sara hidup.

Kerajaan sentiasa membantu untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat berikutan terutamanya bagi yang masih terjejas akibat COVID-19. Secara keseluruhannya, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM64 bilion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif bagi minimumkan kos sara hidup.

Melalui Belanjawan 2023, Kerajaan meneruskan pemberian bantuan tunai serta subsidi Kerajaan antaranya melalui:

- i. **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang memanfaatkan 8.6 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM8 bilion.** Penerima STR akan menerima maksimum sehingga RM3,100 bagi isi rumah. Untuk makluman, bayaran Fasa 1 dan Fasa 2 masing-masing telah dibuat pada Januari dan April 2023 dengan perbelanjaan sebanyak RM2.93 bilion;
- ii. **Bantuan khas pesawah juga diperkenalkan semula yang memanfaatkan lebih 300,000 pesawah dengan bayaran RM200 sebulan bagi tempoh 3 bulan semusim** bagi membantu pendapatan ketika menunggu hasil padi dengan peruntukan sebanyak **RM228 juta**. Selain bantuan Kerajaan sebanyak RM600 ini, Kerajaan juga telah mendapat persetujuan BERNAS untuk berkongsi 30% keuntungan bersih bagi membantu pesawah miskin;
- iii. **Insentif Pengeluaran Getah (IPG) juga telah ditambahbaik dengan menaikkan harga lantai daripada **RM2.50 kepada RM2.70 sekg** dengan peruntukan kos keseluruhan **RM350 juta** memanfaatkan lebih 400,000 pekebun kecil getah;**
- iv. **Bantuan Musim Tengkujuh** juga telah ditambah baik kepada RM800 tahun 2023 berbanding RM600 tahun lepas melibatkan lebih **RM256 juta** dan membantu meringankan beban yang ditanggung 320 ribu pekebun kecil getah;

- v. Kerajaan juga telah menyalurkan Bantuan Khas Kewangan pada 17 April 2023 sebanyak RM200 kepada 850,000 pekebun kecil getah, pesawah dan nelayan manakala sebanyak RM300 dibayar kepada 200,000 sukarelawan beruniform yang terdiri daripada anggota RELA, Sukarelawan Angkatan Pertahanan Awam, Polis, Bomba dan Angkatan Tentera bagi meringankan beban golongan ini menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri;
- vi. Peruntukan RM100 juta untuk jayakan program Jualan Rahmah di setiap kawasan Parlimen; dan
- vii. Pemberian bantuan **e-Tunai Belia Rahmah berjumlah RM200** dengan peruntukan berjumlah RM400 juta yang akan memanfaatkan 2 juta penerima. Bayaran akan dibuat pada bulan Jun 2023.

Kerajaan juga komited dalam menontahkan kemiskinan melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang melibatkan tiga (3) program rintis yang diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN  
HASSAN  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN (SRI GADING) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menguruskan jumlah warga emas yang semakin meningkat. Malaysia dijangka mencapai status ‘negara tua’ menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasinya berumur 60 tahun dan ke atas.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mula membangunkan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara pada tahun 1998. Dasar dan Pelan Tindakan ini telah disemak, dikemaskini dan digantikan dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara pada tahun 2011.
2. KPWKM kini sedang merangka semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang baharu sejajar dengan cabaran dan isu terkini seperti pasca pandemik COVID-19, penjagaan jangka masa panjang dan penyertaan sosial warga emas. Usaha ini melibatkan pelbagai kementerian dan agensi seperti Kementerian Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, pakar geriatrik serta lain-lain pemegang taruh yang berkaitan warga emas.
3. Fokus PTWEN baharu akan menjadi platform anjakan paradigma terhadap isu-isu warga emas serta bersifat holistik dan bersesuaian dengan situasi semasa di negara ini. Selain itu, KPWKM juga telah melaksanakan beberapa kajian seperti “Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia” dan “Kajian Preparation Towards an Aged Nation by 2020 – Age-friendly City (Taiping)”. Dapatan daripada kajian-kajian juga diambil kira dalam persediaan negara ke arah menjadi negara tua.
4. Inisiatif di peringkat antarabangsa turut dilaksanakan oleh KPWKM, antaranya ialah *The ASEAN-Wide Research Networking on Ageing* (ARNA) iaitu salah satu projek yang diterajui oleh Malaysia di bawah *ASEAN Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* (SOMSWD). Objektif utama projek ini adalah bagi mewujudkan satu rangkaian pakar yang komprehensif di peringkat ASEAN, mengenal pasti bidang penyelidikan keutamaan dalam bidang penuaan serta

## **SOALAN NO. : 45**

pembangunan satu kerangka dokumentasi yang seragam melibatkan protokol penyelidikan dalam bidang penuaan. Di samping itu, Malaysia juga telah menyatakan komitmen untuk *Regional Plan of Action To Implement The Kuala Lumpur Declaration On Ageing: Empowering Older Persons In ASEAN* (RPOA) sebagai salah satu langkah dalam memperkasakan warga emas di rantau Asia Tenggara.

5. Selain itu, Kementerian Ekonomi dengan kerjasama *World Bank* sedang merangka Pelan Tindakan Penuaan Kebangsaan (*National Ageing Blueprint*) yang komprehensif, merangkumi rangka kerja dan pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Pelan Tindakan tersebut yang dijangka siap pada penghujung tahun 2023 akan membantu aspek perancangan dan pelaksanaan strategi dan program menangani impak negara tua dan sangat tua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) status terkini pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP 2019-2023) dan pelaksanaan 111 inisiatif yang ditetapkan; dan
- (b) cadangan pembubaran Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 62 inisiatif daripada keseluruhan 111 inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dipantau telah selesai pelaksanaan dan penyiapan adalah di peringkat pengeluaran output iaitu bersamaan

dengan 55%. Manakala baki sebanyak 49 inisiatif pula sedang dalam tindakan oleh Ketua Agensi Peneraju.

2. Daripada 49 inisiatif ini, 39 inisiatif dijangka dapat diselesaikan menjelang penghujung Disember tahun ini. Sebanyak 10 daripada baki inisiatif perlu diperhalusi dengan lebih teliti berikutan kompleksiti pelaksanaan yang melibatkan cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan, pindaan perundangan semasa dan pewujudan undang-undang baharu.
3. Kerajaan Perpaduan sentiasa optimis dengan pelaksanaan NACP serta komited untuk memastikan pelaksanaan baki inisiatif-inisiatif yang masih belum selesai. Komitmen Ketua Agensi Peneraju kepada inisiatif NACP serta semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan NACP ini merupakan suatu manifestasi terhadap kesungguhan semua pihak dalam membanteras rasuah dengan penekanan terhadap governans yang baik.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) secara rasmi telah diserap sepenuhnya ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkuatkuasa pada 18 April 2023.
5. Sebanyak enam (6) fungsi utama GIACC iaitu menasihati Kerajaan, menyelaras pelaksanaan inisiatif, menilai tahap keberkesanan, merancang strategi, memantau dan melapor dapatan tindakan berkaitan governans, integriti dan antirasuah akan diteruskan di bawah SPM bagi memastikan kesinambungan momentum pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan berkaitan governans, integriti dan antirasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI**  
**[TITIWANGSA]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [ TITIWANGSA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a)isu penjualan Iskandar Malaysia Studio (IMS) kepada Syarikat GHY Culture & Media Holding Co. Ltd; dan
- (b)berapa jumlah pelaburan yang dibuat oleh Khazanah Nasional dan jumlah dana yang diberikan oleh Kerajaan sejak 2009 sehingga ianya dijual kepada syarikat Singapura tersebut dan keuntungan atau kerugian yang ditanggung Khazanah di atas penjualan IMS kepada syarikat tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

*[Jawapan bagi soalan (a)]*

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) melalui anak syarikat bertujuan khas (SPV) miliknya iaitu Granatum Ventures Sdn. Bhd., telah menandatangani perjanjian penjualan saham untuk menjual sahamnya dalam Iskandar Malaysia Studios (IMS) sebagai pengendali fasiliti studio (*studio operator*) kepada Studio Management Services (SMS), sebuah konsortium yang dipimpin oleh pasukan pengurusan tempatan IMS dan rakan kongsi serantau, GHY Culture & Media Holding Co., Limited dan anak syarikatnya, GHY Culture & Media (Malaysia) Sdn. Bhd. (GHY). Kumpulan GHY adalah merupakan sebuah syarikat kumpulan media pelbagai yang terkemuka dalam industri hiburan Asia dan tersenarai di Bursa Saham Singapura. Adalah perlu untuk ditekankan bahawa penjualan tersebut hanya melibatkan syarikat operasi dan tidak melibatkan tanah dan bangunan serta fasiliti yang telah didirikan. Syarikat operasi tersebut memajak tanah dan bangunan sehingga tahun 2036 dengan pilihan untuk memanjangkan tempoh pajakan selama 30 tahun berikutnya. Dalam perjanjian tersebut, Khazanah akan terus kekal sebagai pemilik tanah dan fasiliti studio (*asset owner*) tersebut melalui SPV Tanjung Bidara Ventures Sdn. Bhd.

SMS merupakan pembeli yang memiliki pengalaman, pengetahuan, dan rangkaian industri yang diperlukan untuk meneruskan aktiviti perniagaan IMS. Gabungan GHY dan pasukan pengurusan tempatan ini menawarkan kepakaran dalam industri penerbitan filem termasuk pengeluaran dan pengedaran filem dan drama serta pengalaman dalam selok-belok industri tempatan yang dapat meningkatkan penggunaan studio ke tahap yang lebih baik. Antara pemegang saham SMS adalah ahli pengurusan IMS yang terdiri daripada usahawan tempatan. Oleh itu, SMS dianggap sebagai pilihan terbaik dari segi kefahaman dan visi untuk masa depan IMS serta kehadiran Bumiputera dalam perniagaan tersebut melalui penglibatan pasukan pengurusan IMS.

*[Jawapan bagi soalan (b)]*

Sejak penubuhannya, sejumlah **RM680** juta telah dilaburkan ke IMS, dengan pelaburan daripada **Khazanah** sebanyak **RM367** juta dalam bentuk ekuiti dan geran manakala **RM313** juta adalah geran daripada **Kerajaan (MOF)**.

IMS telah **mengalami kerugian sejak 2015** disebabkan oleh pelbagai faktor. Namun, IMS secara tidak langsung telah menyumbang sebanyak **RM1.2 bilion** kepada ekonomi tempatan menerusi perbelanjaan di dalam industri-industri makanan & minuman (F&B), utiliti & perkhidmatan, hotel & pelancongan, budaya tempatan dan banyak lagi di samping **mewujudkan lebih 8,000 peluang pekerjaan** dalam industri perfileman dan industri sokongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ALI ANAK BIJU  
(SARATOK)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATUK ALI ANAK BIJU (SARATOK) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan program khas dan bentuk bantuan untuk membantu golongan wanita, terutamanya golongan ibu tunggal di kawasan luar bandar wilayah Sarawak.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi-agensi di bawahnya iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sentiasa giat melaksana serta menyusun atur pelbagai program pemerkasaan wanita termasuklah ibu tunggal di seluruh negara dalam membantu dan memastikan kebajikan mereka sentiasa terjamin. Dalam perkara ini, pelbagai inisiatif berbentuk program latihan atau sokongan telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi golongan tersebut.
2. Antaranya ialah Program MyKasih Kapital, yang merupakan bantuan asas modal perniagaan yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM500 bagi menggalakkan wanita bermiaga. Program ini telah dimulakan sejak April 2021 dengan fokus untuk memperkasa wanita dengan melatih dan memberi sokongan kepada wanita bagi memulakan perniagaan dan menjana pendapatan ekonomi keluarga.
3. Sejak pelaksanaannya daripada tahun 2021 hingga 30 April 2023, lebih 18,900 orang wanita daripada kumpulan B40 di seluruh negara telah menerima manfaat daripada Program MyKasih Kapital. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,382 peserta program adalah daripada Sarawak. Melalui program ini para peserta telah berjaya memulakan perniagaan seperti perniagaan makanan, minuman, pakaian, kosmetik, peruncitan, jualan produk kesihatan dan lain-lain.
4. Selain itu, Program Wanita Bangkit juga telah dilaksanakan. Program ini menerapkan elemen kaunseling melalui perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang menggunakan pendekatan bimbingan dan kaunseling kepada peserta program Wanita Bangkit. Dalam program ini, kaunselor berkongsi teknik yang bersesuaian untuk meningkatkan kesedaran jati diri, mengenali potensi diri dan menggalakkan penerokaan ilmu baru.

5. Di samping itu, terdapat juga Program Pembangunan Kapasiti dan latihan keusahawanan yang dianjurkan, merangkumi program-program Advokasi Penjanaan Pendapatan, Ekonomi dan Kemahiran serta Literasi Kewangan.
6. Tambahan lagi, LPPKN turut melaksanakan Program Mamacare iaitu program penjagaan ibu selepas bersalin tradisional Melayu yang dipermodenkan. Program Mamacare ini merupakan program latihan kapasiti bagi membantu meningkatkan ekonomi wanita, mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan wanita serta keluarga. Seramai 1,431 orang wanita telah berjaya dilatih dalam kemahiran Penjagaan Ibu Selepas Bersalin, termasuk 120 orang wanita daripada Sarawak.
7. Manakala dari segi bantuan kewangan pula, ibu-ibu tunggal boleh membuat permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut kelayakan yang boleh dipertimbangkan seperti Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Elaun Pekerja OKU, Bantuan Warga Emas dan Bantuan Am Persekutuan. Untuk makluman, pada tahun 2022 sahaja, seramai 52,502 penerima telah mendapat manfaat bantuan kewangan JKM di Sarawak melibatkan peruntukan hampir RM240juta.
8. Selain daripada bantuan kewangan, KPWKM turut menyediakan Perkhidmatan Intervensi Psikologi dan Kaunseling yang boleh dimanfaatkan oleh para ibu tunggal yang menghadapi tekanan emosi dan masalah keluarga serta terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga juga disediakan. Sesi intervensi psikologi dan kaunseling juga diberikan kepada anak-anak yang menghadapi masalah bagi membantu mereka memiliki daya tahan yang tinggi dalam meneruskan kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK  
BRODI (SRI AMAN)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI (SRI AMAN)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu ibu tunggal, bapa tunggal serta keluarga tunggal terutamanya dari aspek kewangan, psikologi dan bantuan-bantuan lain demi kelangsungan hidup golongan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan dan agensinya telah menyalurkan pelbagai bantuan serta melaksanakan pelbagai program advokasi bagi membantu kumpulan sasar termasuk ibu tunggal, bapa tunggal serta keluarga tunggal dalam meneruskan kelangsungan hidup.
2. Antara inisiatif program latihan atau sokongan yang telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi golongan tersebut termasuklah:
  - i. Bantuan Kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu untuk membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan kewangan kebajikan yang boleh dimohon oleh mereka yang layak ini ialah Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Elaun Pekerja OKU, Bantuan Warga Emas dan Bantuan Am Persekutuan;
  - ii. Program Pembangunan Kapasiti di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui domain wanita dan ekonomi yang merangkumi program literasi pengurusan kewangan, program advokasi penjanaan pendapatan dan program kemahiran. Program ini boleh membantu membangunkan kapasiti wanita melalui kursus dan latihan, memberi bimbingan mengenai pengurusan kewangan serta menggalakkan wanita menceburi bidang keusahawanan.
  - iii. Program Mamacare yang dilaksanakan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) iaitu program penjagaan ibu selepas bersalin tradisional melayu yang dipermodenkan. Ia juga merupakan program latihan kapasiti bagi membantu meningkatkan ekonomi wanita,

mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan wanita serta keluarga.

- iv. menyediakan perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling yang boleh dimanfaatkan oleh kumpulan sasar yang menghadapi tekanan emosi dan masalah keluarga serta terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga juga disediakan. Sesi intervensi psikologi dan kaunseling juga diberikan kepada anak-anak yang menghadapi masalah bagi membantu mereka memiliki daya tahan yang tinggi dalam meneruskan kehidupan.
- v. JPW juga telah memperkenalkan program advokasi tentang pengurusan psikososial dan perundungan iaitu Program MATAHARI dan IRIS bagi membantu ibu tunggal terutamanya dari aspek tuntutan hak selepas berlakunya penceraian. Program MATAHARI merujuk kepada program meningkatkan daya tahan dan psikologi wanita, manakala Program IRIS pula merujuk kepada program literasi perundungan bagi meningkatkan kesedaran mengenai hak-hak wanita.
- vi. Program MyKasih Kapital merupakan pemberian insentif melalui bantuan asas modal perniagaan yang diberikan secara *one-off* sebanyak RM500 bagi menggalakkan wanita bermiaga. Program ini memperkasa wanita dengan melatih dan memberi sokongan kepada wanita bagi memulakan perniagaan dan menjana pendapatan ekonomi keluarga. Sejak pelaksanaannya daripada tahun 2021 hingga 30 April 2023, lebih 18,900 orang wanita di seluruh negara telah menerima manfaat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pemberian bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas walaupun tidak berpindah ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) khususnya di negeri Kelantan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023, Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menyalurkan peruntukan awal berjumlah RM330 juta kepada semua negeri bagi memastikan bantuan bencana dapat disampaikan dengan segera kepada mangsa-mangsa bencana yang layak dalam tempoh tersebut.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM68 juta telah disalurkan kepada negeri Kelantan melalui Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan di bawah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bagi tujuan pemberian bantuan bencana MTL 2022/2023.
3. Secara keseluruhan, terdapat 78,136 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas akibat banjir di negeri Kelantan. Daripada jumlah tersebut, seramai 65,270 KIR adalah mangsa banjir yang tidak berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
4. Sehingga bulan Mei 2023, seramai 13,486 KIR yang tidak berpindah ke PPS telah menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000 bagi setiap KIR.
5. Bagi jajahan yang teruk terjejas seperti Pasir Mas, Tumpat dan Kota Bharu, Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan sedang giat melaksanakan agihan BWI sama ada secara fizikal mahupun *Electronic Funds Transfer* (EFT) ke dalam akaun bank KIR mangsa banjir yang terjejas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kali sesi libat urus diadakan antara Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Perbadanan Pengangkutan Johor (PAJ) untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan bas berhenti-henti di Johor. Apakah penghasilan sesi libat urus antara dua agensi tersebut untuk menyelaras laluan MyBas dan Bas Muafakat Johor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam darat sentiasa dititikberatkan oleh Kementerian Pengangkutan, termasuklah bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di negeri Johor. Antara program yang telah dilaksana oleh Kementerian melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah melalui Program *Stage Bus Service Transformation (SBST)* iaitu Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti. Program ini diperkenalkan di Johor Bahru mulai 31 Mac 2022, dengan matlamat untuk menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti yang lebih efisien dan boleh diharap melalui pengenalan 19 laluan “myBAS” yang meliputi lima (5) koridor iaitu Kota Tinggi, Masai, Kulai, Gelang Patah dan Pontian.

## **NO. SOALAN: 51**

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa perancangan laluan myBAS Johor Bahru dilaksana oleh APAD, satu Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Program SBST Johor Bahru yang turut dianggotai oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) telah ditubuhkan sejak 10 Februari 2021 bagi membincang dan memuktamadkan cadangan laluan myBAS Johor Bahru. Ianya juga untuk memastikan agar penyelarasan awal dapat dibuat dengan perbandingan bagi laluan Bas Muafakat Johor (BMJ) dan cadangan laluan perkhidmatan bas IRT (Iskandar Rapid Transit) kelak. Jawatankuasa tersebut telah bersidang sebanyak sepuluh (10) kali sebelum program SBST Johor Bahru dilancarkan.
3. Sejak perkhidmatan myBAS Johor Bahru beroperasi, Kementerian melalui APAD sentiasa bekerjasama dengan PAJ dalam berkongsi maklumat berkenaan pengoperasian, tahap penggunaan dan aduan perkhidmatan myBAS Johor Bahru, termasuklah melalui beberapa siri sesi libat urus mahupun perkongsian data. Ini bagi memastikan kedua-dua perkhidmatan bas yang disediakan oleh Kerajaan dan Kerajaan Negeri Johor ini efisien, menyeluruh dan saling melengkapi antara satu sama lain.
4. Antara sesi libat urus yang telah diadakan oleh APAD bersama PAJ adalah bagi membincangkan isu berkenaan pertindihan laluan kedua-dua perkhidmatan tersebut. Selain itu, APAD juga turut mencadangkan kepada PAJ berkenaan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan keperluan mewujudkan lorong bas bagi menambahbaik tempoh perjalanan perkhidmatan bas secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki kualiti sektor perkhidmatan awam Malaysia.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam negara, Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif pembaharuan selaras dengan aspirasi Malaysia Madani, iaitu:
  - a) Semakan semula Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan di bawah MyPPSM. Ini termasuk mengemaskini polisi sedia ada dengan aspirasi terkini serta mengadakan bengkel advokasi dari masa ke semasa bagi memastikan kefahaman yang menyeluruh dan pelaksanaan yang lancar

- b) Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) bagi mengenal pasti isu-isu kritikal dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan menggunakan pendekatan baharu yang luar kotak. Buat masa ini STAR memfokuskan isu kesesakan di hospital awam terutama di bandar-bandar besar; dan
- c) Penekanan pendigitalan perkhidmatan Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan serta integriti dengan pelaksanaan proses kerja yang lebih telus.

### **INPUT DARI MAMPU**

- 2. Bagi maksud tersebut, MAMPU telah mengeluarkan pelbagai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) bagi menambah baik sistem dan prosedur kerja agensi ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Antara inisiatif-inisiatif pemodenan dan pendigitalan yang diberi penekanan adalah penyediaan perkhidmatan hujung ke hujung *[End-to-End (E2E)]* yang beroperasi pada bila-bila masa (24 jam) dan di mana-mana.
- 3. Selain daripada mengeluarkan PKPA, MAMPU turut memberi khidmat rundingan dan khidmat nasihat dalam Pelan Strategik Organisasi, Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, *Business Process Reengineering* (BPR), Pengurusan Perubahan (CM) dan Pengurusan Risiko kepada agensi sektor awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana penglibatan Menteri Agama melalui agensi dan jabatan yang berkaitan terlibat bekerjasama rapat untuk menjadi pemantau dan penasihat terutama bagi isu-isu nasional seperti alam sekitar di negara ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sentiasa bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi lain dalam menangani isu-isu nasional. Di antara usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah dengan mewujudkan Pelan Tindakan Sosial Islam dan pelan ini merupakan salah usaha bagi mendukung Dasar Sosial Negara di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Pelan Tindakan Sosial Islam merupakan pelan yang dilaksanakan secara bersepadu bersama kementerian dan agensi, Jabatan Agama Islam Negeri dan NGO dalam membendung gejala sosial dengan memberikan pendidikan, advokasi kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif dan program seperti Inisiatif Lelaki Qawwam, program My insaniah, program rawatan dan pemulihan kepada golongan LGBT dan lain-lain. Di samping itu kerajaan melalui agensi di YB Menteri (Hal Ehwal Agama ) juga sentiasa komited dan prihatin dalam menyantuni golongan orang kurang upaya (OKU) dalam masyarakat dengan mewujudkan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Muslim yang merupakan salah satu pelan yang mendukung Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Di

antara inisiatif di bawah pelan ini adalah i-Sign, Modul Pra Perkahwinan Islam untuk OKU Pendengaran, Modul KAFA untuk pelajar keperluan khas dan lain-lain lagi.

2. Penggubalan Pelan ini merupakan keprihatinan Kerajaan terhadap golongan OKU, dan ia merupakan komitmen Kerajaan dalam usaha memastikan OKU mendapat kefahaman yang baik tentang Islam, di samping masyarakat cakna terhadap keperluan OKU Muslim.
3. Selain daripada itu, JAKIM juga sentiasa bekerjasama erat dalam menjalankan kerjasama strategik bersama kementerian dan agensi di peringkat nasional melalui dasar dan pelan tindakan seperti berikut:
  - a) Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2022-2025
  - b) Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur
  - c) Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030
  - d) Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Bantut Dalam Kalangan Kanak-kanak 2022-2030
  - e) Dasar Sosial Negara
  - f) Pelan Tindakan Sosial Negara
  - g) Pelan Tindakan Warga Emas
  - h) Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara

4. JAKIM turut bekerjasama dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) bagi melaksanakan kajian mengenai 40 Hadis berkaitan Pentadbiran dan Pengurusan Tanah di Malaysia. Hasil kajian ini adalah untuk dijadikan garis panduan kepada kerajaan dalam mentadbir dan mengurus tanah berdasarkan ketetapan hukum. Manuskrip kajian ini telah dilancarkan dalam bentuk buku oleh JKPTG pada 22 Ogos 2022.
5. Selaku peneraju agensi agama di peringkat Persekutuan, JAKIM juga mengambil inisiatif menjalankan kerjasama kajian yang berkaitan isu alam sekitar dengan negara-negara MABIMS (Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura) melalui Persidangan Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS). Kajian berkenaan adalah berkaitan penerbitan manuskrip Ayat-Ayat Kauniyyat Mengenai Langit dan Bumi.
6. Manuskrip tersebut adalah mengenai pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan pengumpulan bukti sains yang menyokong ayat-ayat berkaitan langit dan bumi dalam menjelaskan kejadian (kauniyyat) sebagai salah satu tanda kekuasaan Allah SWT dan menjadi satu tanggungjawab semua pihak untuk memeliharanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan AirAsia dan AirAsiaX yang kini dikategorikan oleh Bursa Malaysia sebagai syarikat PN17 dan sama ada ia menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos penerbangan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AirAsia Berhad (AirAsia) diklasifikasikan sebagai syarikat berstatus PN17 oleh Bursa Malaysia pada 14 Januari 2022, manakala AirAsia X Berhad (AirAsia X) diklasifikasikan sedemikian pada 27 Oktober 2021. Pada masa ini, kedua-dua syarikat tersebut sedang menjalani penstrukturkan semula perniagaan dan harus menyerahkan pelan perniagaan baharu kepada Bursa Malaysia selewat-lewatnya pada 8 Julai 2023 untuk AirAsia dan 28 Julai 2023 untuk AirAsia X.
2. Pada masa ini, kedua-dua syarikat penerbangan ini masih dibenarkan beroperasi kerana Lesen Perkhidmatan Udara (Air Service Licence - ASL) yang diberikan oleh pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) masih sah. Namun begitu, MAVCOM melalui Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] boleh meletakkan syarat kepada ASL masing-masing bagi memastikan kemampunan industri penerbangan negara.
3. AirAsia dan AirAsia X masih mampu menyediakan perkhidmatan tambang murah ke semua destinasi yang dioperasikan pada masa ini. Oleh yang demikian, status PN17 kedua-dua syarikat tersebut tidak menjelaskan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos penerbangan di antara semenanjung Malaysia dengan wilayah Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJAH HALIMAH ALI [ KAPAR]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan menyatakan:-

- a) perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah Pendidikan Islam di kalangan pelajar memandangkan kekurangan sekolah agama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- b) apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan bantuan per kapita untuk sekolah agama seluruh negara terutama sekolah KAFA.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan amat mengambil berat berkenaan isu Pendidikan terutama Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar. Bagi mengatasi masalah tersebut kerajaan mengambil inisiatif menyalurkan peruntukan khas bagi tujuan menyelenggara dan menaiktaraf institusi-institusi Pendidikan Islam termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Pada tahun 2022, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 6,889,900.00 bagi bantuan selenggara dan naiktaraf 125 buah sekolah agama, pondok dan tahniz di Wilayah Persekutuan.
3. Bagi perkara pertambahan peruntukan bantuan per kapita untuk sekolah agama seluruh negara terutama sekolah KAFA, Kerajaan sentiasa menyalurkan peruntukan khas dalam membantu sekolah-sekolah agama namun ia tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.
4. Untuk itu, pada tahun 2022, sebanyak RM 107,200.00 Bantuan Awal Persekolahan telah diberikan kepada 30 buah sekolah agama di Wilayah Persekutuan bagi membantu meringankan bebanan ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 14 JUN 2023**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) dan cadangan meluaskan kelayakan pendaftaran e-Kasih merangkumi B10 dan B20 supaya agensi Kerajaan berkaitan dapat mengguna pakai senarai ini bagi penyampaian manfaat berdasarkan dua julat pendapatan isi rumah yang berbeza.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui MySPC kini sedang membangunkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) yang mengandungi maklumat profil rakyat Malaysia dan program-program perlindungan sosial daripada pelbagai kementerian/agensi. Pada 23 Mac 2022 yang lalu, MySPC telah

melancarkan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) Fasa 1: Bantuan Sosial Peringkat Persekutuan. PDPS Fasa 1 ini mempunyai maklumat bagi 167 program bantuan sosial di mana pengguna awal bagi sistem ini terdiri daripada 17 agensi pelaksana/ pembekal data program Bantuan Sosial di peringkat persekutuan.

2. Kini, pembangunan Modul Insurans sosial dengan Modul Intervensi Pasaran Buruh sedang dilaksanakan seiring dengan gerak kerja pemetaan program dan profil perlindungan sosial di peringkat negeri. Pemetaan program dan profil ini dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan data yang akan dimasukkan ke dalam PDPS adalah menyeluruh.

3. Sebagaimana telah sedia maklum, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai pangkalan data kemiskinan nasional pada tahun 2008 bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 dan 31 Oktober 2007. Isi rumah yang direkodkan di dalam Sistem eKasih akan diklasifikasikan kepada kategori “Miskin Tegar atau Miskin” berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional semasa (2019) iaitu RM2,208.

4. Berikutan cadangan agar pendaftaran diperluaskan kepada golongan B10 dan B20, perkara ini dalam tindakan Kerajaan di mana Sistem PDPS apabila siap kelak akan mengandungi profil rakyat Malaysia serta program perlindungan sosial yang turut merangkumi golongan B10 dan B20. PDPS dijangkakan siap dibangunkan pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN  
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Madani terhadap pindaan dan pelaksanaan penelitian semula terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU 355 ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu cadangan akta yang baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen bagi memastikan hasrat untuk pemerkasaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.
2. Penggubalan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) tersebut akan mengambil kira peruntukan berhubung dengan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang dicadangkan dalam pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ TAIPING ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ TAIPING ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah program yang telah dicadangkan oleh Kementerian sempena menyambut Ulang Tahun ke-150 Tahun Bandar Taiping pada tahun 2024. Berapa peruntukan yang bakal disalurkan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, acara-acara di dalam sesebuah negara seperti perayaan ulangtahun kemerdekaan turut disambut dengan acara-acara yang berwarna-warni seperti program-program kebudayaan yang menunjukkan kepelbagaiannya budaya yang terdapat di Malaysia. Seringkali juga, aktiviti-aktiviti sambutan Hari Kemerdekaan merupakan antara acara utama di dalam sambutan program promosi seperti Tahun Melawat Malaysia yang disambut dengan lebih gemilang antara lain bagi merancakkan industri pelancongan negara. Acara-acara dan program-program sambutan yang dianjurkan bersempena perayaan ulangtahun adalah juga merupakan sebahagian

dari produk-produk pelancongan negara khususnya dari aspek pelancongan budaya atau *cultural/heritage tourism*. Motivasi melancong khususnya bagi pasaran antarabangsa antara lain adalah bagi mengalami kebudayaan tempatan disamping beriadah dan mengunjungi tempat-tempat yang menarik.

2. Acara-acara ini yang mempunyai nilai pemasaran pelancongan dianjurkan oleh berbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sebuah agensi di bawah Kementerian ini, badan-badan bukan kerajaan termasuk entiti-entiti kebudayaan dan juga pengajur-pengajur acara (MICE) antarabangsa seperti pengajuran pameran Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition. Tourism Malaysia pula mengusahakan inisiatif-inisiatif promosi dan publisiti bagi meningkatkan visibiliti bagi program-program ini dalam memasarkannya sebagai produk-produk pelancongan negara. Program-program ini sentiasa dikemaskini maklumatnya sebagai acara-acara kalender pelancongan negara di dalam laman web [malaysia.travel/events](http://malaysia.travel/events). Berbagai inisiatif lain juga diadakan untuk mempromosikan program-program ini seperti promosi media sosial, content, publisiti media dan editorial.

3. Bagi menggalakan pengajuran program-program pelancongan bagi tujuan promosi pasaran domestik dan antarabangsa, ementerian ini akan meneruskan program Geran Sokongan Pelancongan, Seni dan Budaya (GSPSB) yang merupakan langkah susulan pemulihan industri pelancongan negara yang dikesani penularan pandemik COVID-19. GSPSB merupakan satu bentuk inisiatif yang mengguna pakai konsep '*matching grant*' untuk membantu pengajur-pengajur acara/program yang menganjurkan acara/program mereka di Malaysia. Format peruntukan bagi inisiatif ini adalah secara pengembalian kewangan (*reimbursable financial assistance*). Inisiatif ini secara tidak langsung turut membantu pengusaha program pelancongan (*event marketing*) dan penggiat industri yang berdaftar dalam menganjurkan acara/program mereka bersempena dengan sambutan Ulang Tahun ke-150 Tahun Bandar Taiping pada tahun 2024. Acara-acara ini secara tidak langsung akan melonjakkan kempen promosi ke arah Tahun Melawat Malaysia 2025.

4. Peruntukan kewangan menyeluruh bagi Geran Sokongan Pelancongan, Seni dan Budaya bagi tahun 2023 adalah RM50 juta. Pihak-pihak pengajur acara pelancongan dan budaya boleh membuat permohonan kepada kementerian ini termasuk bersempena dengan program sambutan ulang tahun ini di mana program-program yang dianjurkan akan memberi kesan limpahan positif kepada destinasi-destinasi berdekatan seperti Ipoh dan Penang yang menawarkan jumlah inventori bilik hotel bagi menampung permintaan yang meningkat. Bajet yang disediakan ini akan diagehkan berdasarkan kepada penilaian impak pengajuran program pengajuran acara-acara kebudayaan dan pelancongan.
5. Di samping itu, mengambilkira Taiping sebagai sebuah Bandar Warisan, pihak Jabatan Warisan Negara turut menyahut seruan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan dalam meneruskan usaha untuk mewartakan mana-mana tapak di Taiping yang berkepentingan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], lebih-lebih lagi dengan sambutan Ulang Tahun ke-150 Tahun Bandar Taiping di mana terkini Pasar Taiping yang dibina pada tahun 1875 (pasar paling tua negara) kini diubah suai akan diiktiraf sebagai Tapak Warisan bersempena dengan sambutan ulang tahun ini. Ia memberikan nilai tambah pelancongan kepada pengajuran program sambutan ulangtahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI  
BIN HANAPI (BERSARA)  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 15 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)  
[ TANJONG KARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data lengkap keperluan kenaikan had persaraan sehingga umur 65 tahun, berikutan cadangan tersebut dilihat seakan membantutkan kenaikan pangkat bagi PTD yang sedang berkhidmat serta peluang kemasukan bakal pemohon pekerja perkhimatan awam lepasan graduan kolej dan universiti yang dilihat lebih "fressy" serta muda.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini Kerajaan tiada perancangan untuk meningkatkan umur persaraan perkhidmatan awam. Ini adalah kerana data dari Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa kadar pengangguran belia masih tinggi pada kadar 11.2%. Sekiranya had umur persaraan dinaikkan, ia akan turut memberi kesan kepada peluang pekerjaan terutamanya kepada golongan belia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan berapa skor Indeks Syariah Malaysia mengikut lapan bidang utama yang dijadikan ukuran pematuhan Indeks Syariah Malaysia bermula tahun 2018-2022.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan ingin memaklumkan bahawa Indeks Syariah Malaysia merupakan kajian berkala yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 dan 2017. Ia merupakan usaha Kerajaan untuk mengukur tahap pelaksanaan Maqasid Syariah dalam tadbir urus negara.
  
2. **Pada tahun 2018 dan 2019, Kerajaan telah membuat penjajaran semula indikator Indeks Syariah Malaysia selaras dengan Dasar**

**Negara Rahmah** seperti yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Oktober 2019. Sebanyak 15 program penjelasan dan pembudayaan di peringkat persekutuan dan negeri serta sembilan program libat urus bersama pengurusan tertinggi kementerian telah dilaksanakan sebelum penyelidikan dapat dijalankan.

3. Walau bagaimanapun, **pada tahun 2020, dengan mengambil kira implikasi penularan wabak COVID-19, Kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan pengukuran penerapan Maqasid Syariah dalam kalangan agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) sahaja.** Ia dikenali sebagai Pelaksanaan *I-MaqSD*. Buat julung kalinya pengukuran penerapan Maqasid Syariah dalam tadbir urus ini diintergrasikan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDGs*). Kajian rintis Pelaksanaan *I-MaqSD* telah dilaksanakan pada tahun 2020. Manakala kajian penuh telah dilaksanakan pada tahun 2021. Kajian ini akan terus dilaksanakan secara berkala setiap tiga tahun sekali.
4. Untuk makluman, **Indeks Syariah Malaysia akan diteruskan selaras dengan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Pelan Transformasi al-Falah) 2023 – 2027.** Penelitian dan penambahbaikan terhadap instrumennya sedang dijalankan bermula pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MATBALI BIN MUSAH  
(SIPITANG- SABAH)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan menaik taraf (memasang atap) gelanggang serbaguna (futsal) yang sedia ada di kawasan Parlimen Sipitang untuk keselesaan pengguna terutama belia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tiada perancangan untuk menaik taraf (memasang atap) gelanggang serba guna (futsal) yang sedia ada di kawasan Parlimen Sipitang. Walau bagaimanapun, KBS bersedia untuk melihat semula keperluan menaik taraf gelanggang serbaguna ini. Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan menaik taraf ini kepada Pejabat Belia dan Sukan Sipitang untuk dipertimbangkan di peringkat Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gelanggang gelanggang serbaguna (futsal) yang sedia ada di kawasan Parlimen Sipitang adalah bukan aset di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Oleh

## **SOALAN NO : 61**

yang demikian, urusan menaik taraf atau memasang atap kemudahan sukan ini berada di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau pihak Kerajaan Negeri.

Pada masa ini KBS belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf kemudahan sukan ini dan sedang memberikan keutamaan untuk menaik taraf kemudahan sedia ada di bawah Kementerian. Namun begitu, Ahli Yang Berhormat boleh membuat permohonan naik taraf melalui Jabatan Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah untuk dipertimbangkan oleh pihak KBS tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

Bagi tujuan ini, Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada kaedah permohonan bina baharu dan naik taraf kemudahan yang telahpun dijelaskan semasa Sesi Libat Urus KBS bersama-sama Ahli Dewan Rakyat pada 8 Jun 2023 yang lepas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH  
[LANGKAWI]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk kerjasama dan kolaborasi Kerajaan merentas pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta para penggiat industri untuk memastikan pembangunan ekopelancongan yang mampan dan berdaya saing.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai '*top of the mind ecotourism destination*', segmen ekopelancongan telah menjadi fokus utama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 yang mempunyai strategi-strategi dan pelan tindakan bagi memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan. Pelan ini merupakan panduan kepada Kerajaan-Kerajaan

Negeri untuk membangunkan produk-produk ekopelancongan di negeri masing-masing secara holistik yang turut merangkumi pelancongan berasaskan komuniti (*community-based tourism – CBT*) yang memberi manfaat kepada kesejahteraan komuniti setempat menerusi penjanaan ekonomi. Pembangunan segmen ekopelancongan ini adalah seiring dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang memberikan tumpuan kepada pelancongan lestari dan indikator peningkatan pendapatan pelancongan berbanding bilangan pelancong bagi memastikan kelestarian sumber alam secara berterusan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOTAC telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Pelancongan Lestari di bawah Teras Strategi 4, DPN 2020-2030, iaitu Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampunan dan Keterangkuman. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC)*, Jabatan Warisan Negara serta *Tourism Productivity Nexus (TPN)* yang mewakili penggiat industri seperti *The Habitat Penang Hill* dan Batu-Batu Resort, Mersing, Johor. Peranan utama jawatankuasa ini adalah merangka fokus, tindakan strategi serta memantau pelaksanaan pelancongan lestari di peringkat nasional. Antara strategi yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa ini adalah:
  - a. pembangunan garis panduan sebagai panduan asas pelaksanaan pelancongan lestari oleh pengusaha industri pelancongan; dan
  - b. pembangunan laman mikro (microsite) khusus bagi mempromosi amalan-amalan terbaik pelancongan lestari oleh penggiat-penggiat industri.
3. Dari aspek pembangunan pula, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keduabelas, Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM34.2 juta bagi melaksanakan 17 projek berkaitan

## NO. SOALAN : 62

pembangunan ekopelancongan di seluruh negara. Namun, buat masa ini tiada projek ekopelancongan dilaksanakan di Langkawi.

4. Selain itu, MOTAC menerusi Tourism Malaysia turut bekerjasama dengan agensi pelancongan, syarikat penerbangan, pengusaha hotel, pengusaha inap desa serta syarikat elektronik dan komunikasi dalam mempromosikan segmen ekopelancongan seperti:

- i. Pembangunan pakej pelancongan oleh 10 agensi pelancongan yang menawarkan pakej Destinasi Pengembaraan Lasak dan Alam Semulajadi. Antara aktiviti ekopelancongan yang dipakejkan termasuklah *houseboat, white water rafting, bamboo rafting, birdwatching, caving, rock climbing, wildlife watching, camping* dan *hiking*. Pakej-pakej ini kemudiannya dipromosikan, antaranya menerusi kempen digital seperti pada laman sesawang Tourism Malaysia iaitu [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel); dan
- ii. Kerjasama dengan syarikat komunikasi dan elektronik seperti Oppo, Sharp dan GoPro bagi penyiaran video pelancongan, rakaman video pelancongan termasuk ekopelancongan serta mengadakan pertandingan fotografi

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG  
(KEPONG)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas dapat diberikan elaun bulanan sehingga meninggal dunia. Sekiranya tidak, apakah bantuan baru yang dapat diberikan kepada golongan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi membantu golongan warga emas agar mereka dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan di dalam komuniti, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan skim bantuan khusus untuk golongan warga emas mengikut kelayakan yang ditetapkan.
2. Warga emas yang hidup bersendirian dan terutamanya yang tidak mempunyai pendapatan boleh dipertimbangkan Bantuan Warga Emas dengan kadar bantuan RM500 sebulan. Bagi yang memenuhi syarat, bantuan ini juga boleh dipertimbangkan kepada warga emas yang mempunyai anak tetapi berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk menyumbang kepada ibu dan bapa mereka.
3. Bagi warga emas yang terlantar atau menghidap penyakit kronik pula, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) ada disediakan dan boleh dipertimbangkan kepada penjaga warga emas yang memenuhi syarat dengan kadar RM500 sebulan.
4. Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan kesejahteraan dan kebijakan warga emas terus dibela terutama sekali warga emas yang benar-benar memerlukan. Walau bagaimanapun, tugas ini bukanlah perlu dipertanggungjawabkan kepada kerajaan semata mata, tetapi peranan ini perlu dimainkan oleh semua pihak, terutama sekali ahli keluarga mereka sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN (MASJID TANAH)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [  
MASJID TANAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk penjenamaan Kerajaan Madani sehingga hari ini, antaranya untuk 'billboard' (papan iklan) mega mempromosikan YAB Perdana Menteri yang telah muncul di seluruh negara serta perinciannya.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti sedia maklum, Malaysia MADANI merupakan agenda nasional yang didokong oleh pentadbiran dan Kerajaan pada masa sekarang. Usaha untuk mempromosikan Malaysia MADANI bukan bersifat eksklusif dan ianya dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan melalui platform dan medium yang bersesuaian. Inisiatif ini penting bagi meningkatkan penghayatan dan kefahaman rakyat mengenai aspirasi dan dasar semasa Kerajaan.
2. Kos perbelanjaan terkini bagi program-program Malaysia MADANI, termasuk pengiklanan dan promosi adalah sebanyak RM7.4 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini, terutamanya kos pemasangan papan iklan menggunakan peruntukan pentadbiran Kerajaan sebelum ini.
3. Secara perbandingan, jumlah perbelanjaan yang pernah diperuntukkan untuk usaha promosi agenda nasional seperti Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) adalah sebanyak RM62 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN SAAD [ BALING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan untuk merundingkan semula geran perkapita kepada negeri-negeri supaya selaras dengan peningkatan kos sara diri dan inflasi semasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*) merupakan pemberian selaras dengan peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan mengurus. Pemberian ini disalurkan terus kepada kerajaan negeri sebagai satu bentuk terimaan daripada Kerajaan Persekutuan.

Pemberian ini telah melalui beberapa kali pindaan yang mana kadar semasa adalah berdasarkan kepada pindaan yang diluluskan melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 (Akta 622) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk melaksanakan kajian semula ke atas kadar semakan tersebut kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar dan fokus adalah diberikan kepada pemulihhan semula ekonomi negara.

Bagi membantu rakyat menangani dengan peningkatan kos sara diri dan inflasi semasa, Kerajaan telah pun memperkenalkan pelbagai bantuan atau pemberian melalui Bantuan Sumbangan Tunai Rahmah, Bantuan Kebajikan Masyarakat, serta bantuan-bantuan lain Kerajaan Persekutuan yang diumumkan dalam Belanjawan 2023.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sentiasa terus komited untuk mengkaji secara berterusan dan menimbang penambahbaikan ke atas pemberian-pemberian kepada negeri secara holistik tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk mengekang jenayah seksual secara tersembunyi atau aktiviti sisi gelap dalam kalangan anak muda terutama melalui platform media sosial seperti Facebook dan Twitter.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu jenayah seksual yang melibatkan platform media sosial atau dalam talian pada masa ini adalah dikendalikan menerusi peruntukan perundangan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Akta Kanun Keseksaan [Akta 574], dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792]. Sementara itu, peruntukan di dalam Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], iaitu satu akta baharu yang telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 juga boleh turut digunakan apabila ia dikuatkuasakan kelak.
2. Oleh demikian, isu tersebut adalah lebih menjurus kepada bidang fungsi dan inisiatif sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) yang antaranya telah menyediakan Pusat Bantuan Cyber999 (talian 1-300-88-2299) untuk membuat aduan berkenaan sebarang ancaman atau insiden keselamatan siber. Selain itu, Program Klik Dengan Bijak (KDB) dan Program CyberSAFE (Kesedaran Keselamatan Siber untuk Semua) juga dilaksanakan untuk memupuk pengetahuan dan kesedaran mengenai keselamatan siber dalam kalangan masyarakat.
3. Di samping itu, Unit Siasatan Jenayah Siber (Internet) Terhadap Kanak-Kanak Malaysia (MICAC) juga telah ditubuhkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan terhadap maklumat atau aduan yang diterima berkaitan jenayah siber. Ia juga bertujuan untuk membendung penyebaran gambar, video atau audio melibatkan kanak-kanak melalui internet dan seterusnya mengheret penjenayah siber ke muka pengadilan.
4. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan pula telah menyediakan peruntukan khas sejumlah RM13 juta untuk memperkasa Bahagian D11, PDRM termasuk pewujudan 100 lagi perjawatan baharu yang dapat membantu menangani isu jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak.

5. Pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menangani isu jenayah seksual. Antaranya termasuklah:

- (i) mempergiatkan peranan Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) sebagai agen penyampai maklumat dari kanak-kanak kepada kanak-kanak selain mempromosikan maklumat berkaitan jenayah seksual dalam talian terhadap kanak-kanak kepada komuniti setempat;
- (ii) memperluaskan program dan aktiviti Pusat Remaja KafeTEEN di kawasan luar bandar dan *hotspot* bandar untuk memudahkan golongan remaja atau anak muda mendapat akses kepada maklumat berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial serta perkhidmatan yang disediakan termasuk kemudahan pusat remaja; dan
- (iii) menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan Whatsapp 019-2615999 yang beroperasi 24 jam setiap hari untuk mendapatkan khidmat sokongan, pertanyaan dan aduan; dan

6. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan terus komited untuk melaksanaan program advokasi dan bantuan sokongan lain secara berterusan, termasuklah kerjasama rentas Kementerian, bagi membantu menangani isu jenayah seksual menerusi platform media sosial atau dalam talian melibatkan anak muda khususnya kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [TUARAN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan apakah benar pendedahan Miriam Mokthar baru-baru ini tentang kewujudan satu usaha sulit menukar agama tertentu di Malaysia yang dikenalpasti sebagai “Projek Cinta” dan jika benar, apakah pendirian Kerajaan Perpaduan tentang usaha tersebut.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan ingin menegaskan bahawa kebebasan beragama adalah dijamin seperti termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya. Manakala perkara 3 Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dalam keadaan aman dan harmoni di Malaysia.
2. Dalam Islam, sebarang paksaan terhadap orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam adalah tidak dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran, surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud: "Tidak ada paksaan untuk memeluk agama (Islam)."
3. Berkenaan dakwaan oleh individu tertentu yang mendakwa bahawa wujud satu usaha sulit menukar agama terhadap golongan tertentu di negara ini, tiada laporan berkaitan projek tersebut diberikan kepada JAKIM. Namun ingin ditegaskan bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan sebarang usaha yang boleh mencetuskan fitnah, permusuhan dan suasana yang tidak harmoni dalam kalangan penganut agama di Malaysia

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan pendirian Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) tentang penggunaan vape yang memberikan kesan kepada kesihatan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memandang serius mengenai penggunaan rokok elektronik atau vape dan isu-isu tersebut sering dibahaskan oleh ramai pihak dari pelbagai aspek. Berdasarkan perspektif agama, rokok adalah diharamkan atas beberapa faktor iaitu mengandungi pelbagai jenis racun seperti nikotin serta bahan-bahan kimia lain yang dipercayai boleh memudaratkan kesihatan. Pelbagai jenis penyakit dikenal pasti yang dikaitkan dengan penggunaan rokok elektronik atau vape seperti ketagihan, menggalakkan pembekuan darah, kematian mengejut, iritasi pada mata, tekak dan kulit serta mampu membunuh sel paru-paru.
2. Begitu juga kandungan yang terdapat di dalam vape seperti nikotin, *Propylene Glycol*, *Vegetable Glycerin* dan bahan perisa dan pewarna yang boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan.
3. Walaupun terdapat alasan yang mengatakan bahawa vape atau rokok elektronik ini membantu golongan perokok tegar dalam proses untuk mengurangkan gejala merokok, namun, adalah wajar dielakkan penggunaannya terutama sekali kepada golongan yang berjinak-jinak dengan alat ini tanpa sebarang tujuan yang munasabah.
4. Antara kriteria kemudaratan yang diambilkira oleh Islam dalam pengharaman sesuatu makanan atau minuman atau bahan ialah:
  - a. Kemudaratan bahan tersebut terbukti dengan jelas atau nyata;
  - b. Pengambilan bahan tersebut secara kebiasaan (ghalib) boleh membawa kemudaratan;

- c. Kemudaratan merangkumi kemudaratan yang berlaku secara segera atau secara perlahan;
  - d. Kemudaratan merangkumi sesuatu yang boleh membawa kematian, kehilangan/ kerosakan anggota, membawa penyakit berbahaya atau kemudaratan kepada akal; dan
  - e. Bahan yang memudaratkan tersebut tidak mempunyai sebarang manfaat yang muktabar.
5. Dari perspektif syarak, hukum pengharaman memakan atau meminum atau mengambil bahan-bahan yang memudaratkan disebut oleh ulama daripada keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hambali dalam kitab-kitab mereka. Mereka menyatakan bahawa bahan-bahan yang memudaratkan tubuh badan haram dimakan, diminum atau diambil sekalipun ia suci seperti racun, tanah, kaca dan seumpamanya.
6. Oleh yang demikian, pada 21 Disember 2015, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram. Umat Islam adalah dilarang menghisap rokok elektronik dan vape atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan rokok elektronik dan vape.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peranan Kementerian di peringkat Persekutuan berhubung cadangan pembukaan kasino yang ingin dibuka di Sarawak khususnya berkaitan permohonan kelulusan lesen pengoperasian aktiviti perjudian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal berkaitan perjudian adalah di bawah seliaan Persekutuan. Dasar semasa Kementerian Kewangan (MOF) adalah tidak mengeluarkan lesen baru bagi sebarang operasi perjudian. MOF hanya memperbaharui dan mengawal selia lesen dan permit sedia ada sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, MOF tidak pernah menerima sebarang permohonan cadangan pembukaan kasino di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [ BUKIT BENDERA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak dan kesan daripada Dasar 1% Orang Kurang Upaya (OKU) yang bertujuan untuk memastikan 1% penjawat awam merupakan golongan OKU, yang telah dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk semua Kementerian pada 2022 seperti mana diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Ismail Sabri, serta pecahan ataupun purata penjawat awam yang merupakan OKU, gred jawatan dan bidang kerjaya mereka.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

- 1. Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya** satu (1) peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pengisian di sektor awam dalam skim-skim tertentu yang telah dikenal pasti.
- 2. Pencapaian bilangan OKU dalam perkhidmatan awam setakat 9 Mei 2023** adalah berjumlah 3,742 orang dalam 20 skim perkhidmatan berbeza. Ini merupakan 0.3 peratus sahaja dari jumlah keseluruhan perkhidmatan awam. Skim teramai dengan penjawat awam berstatus OKU adalah skim Pendidikan (1,178 orang), Pentadbiran dan Sokongan (1,083 orang) dan Sosial (252 orang).
- 3. Bagi meningkatkan impak dan kesan dasar ini, pada tahun 2019 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan satu kajian menyeluruh.** Hasil kajian ini mendapati bahawa punca utama ketidakcapaian adalah isu bekalan calon, dimana bilangan calon OKU yang berkelayakan dan memohon adalah rendah.
- 4. Sehubungan itu, JPA bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membangunkan **Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan Orang Kurang Upaya Dalam Perkhidmatan Awam** pada tahun 2019.**

5. Pelan ini memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi dalam kalangan golongan OKU, supaya lebih ramai yang berkompeten dan bersedia untuk menyertai pasaran kerja, bukan sahaja dalam perkhidmatan awam tetapi juga sektor swasta dan bidang keusahawanan.
6. Pelaksanaan pelan ini diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan disokong oleh semua Kementerian dan agensi yang berkaitan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU). Program-program pembangunan kemahiran dan kompetensi OKU dilaksana melalui pelan ini dan MKBOKU. *Outcome* kepada pelan ini diharap akan dapat dilihat selepas beberapa tahun dalam bentuk lebih ramai golongan OKU yang berkompeten, berkemahiran serta bersedia memohon kemasukan ke perkhidmatan awam pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [ JERLUN ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. ABD GHANI BIN AHMAD [ JERLUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan untuk menambah bilangan Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada tiga (3) orang berdasarkan Perkara 45(4)(a) Perlombagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan memperhalusi cadangan yang dikemukakan supaya bilangan anggota Dewan Negara adalah lebih seimbang di antara pilihan Dewan Undangan Negeri dengan lantikan Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap persiapan Kerajaan untuk memastikan kelancaran enam Pilihan Raya Negeri (PRN) dan implikasi kewangan yang bakal terlibat serta strategi untuk memastikan kadar peratusan keluar mengundi tinggi.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia kini dalam fasa siap siaga bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Dewan Negeri (DN)/Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-15 bagi enam (6) buah negeri iaitu negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan dengan mengambil kira tempoh hayat DN/DUN bagi Negeri-Negeri berkenaan akan berakhir dalam masa terdekat.

2. SPR telah membuat perancangan dan persediaan yang menyeluruh meliputi aspek seperti keperluan bajet pilihan raya, peralatan, logistik, pembangunan sistem, pengurusan sumber manusia dan latihan kepada petugas. SPR juga telah mengadakan sesi libat urus dengan jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam membantu melancarkan lagi proses pilihan raya.
3. Sebagai persiapan menghadapi PRN DN/DUN Ke-15 bagi enam (6) negeri berkenaan, SPR juga akan mewujudkan lebih banyak pusat mengundi tambahan ke atas daerah mengundi yang mempunyai bilangan pemilih yang tinggi. Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa selaras dengan Seksyen 7(2) Akta Pilihan Raya 1958. Pewujudan pusat-pusat mengundi baharu ini adalah bertujuan untuk memudahkan pemilih untuk keluar mengundi.
4. Selain itu, SPR juga menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih dari semasa ke semasa berdasarkan kepada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.
5. Anggaran kos bagi melaksanakan PRN di 6 buah Negeri tersebut dianggarkan sebanyak RM 420 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah penyewa yang berumur 50 tahun dan ke atas, di unit-unit perumahan sosial (PPR) di Malaysia, daripada tahun Januari 2020 sehingga Disember 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023, sebanyak 159 Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina dengan 99,296 unit rumah yang merangkumi Skim Dimiliki, Skim Disewa dan Skim Sewa-Untuk-Milik (*Rent-To-Own*, RTO). Daripada keseluruhan PPR ini, sebanyak 18 PPR adalah di bawah seliaan KPKT yang merangkumi 9,949 unit siap dibina dan 8,392 unit diisi. Daripada jumlah 8,392 unit yang diisi, sebanyak 2,241 (26.70%) merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berumur 50 tahun dan ke atas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]

**TARIKH :** 14 JUN 2023 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya mengapa agensi-agensi seperti Perbadanan Labuan (PL) dan Labuan Financial Services Authority (LFSA) menaikkan kadar sewa premis-premis perniagaan yang di bawah kawalan selia agensi tersebut di mana ianya tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak wujud keadaan Perbadanan Labuan (PL) melaksanakan tindakan yang tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri membantu peniaga kecil terjejas akibat pandemik COVID-19. PL tidak pernah menaikkan kadar sewa premis perniagaan di bawah kawalan PL. Kadar terkini adalah kadar asal apabila premis peniagaan dibuka, berdasarkan kadar yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Wilayah Persekutuan Labuan dan kadar sewa tersebut telah dikuatkuasa sejak 2014.
2. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, PL telah mengambil inisiatif sendiri untuk memberi pengecualian dan pengurangan sebanyak 50% dari kadar sewa kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak boleh dibuat secara berpanjangan dan berterusan kerana PL memerlukan hasil kutipan sewa premis pada kadar asal bagi menampung sebahagian perbelanjaan operasi yang mencecah RM80 juta setahun. Oleh itu, tempoh pemberian pengecualian kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL ini terpaksa ditamatkan pada 31 Disember 2022 dan kadar sewa asal dikenakan semula sejak 1 Januari 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersetuju sekiranya tempoh pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) difleksibelkan agar lesen dapat diperbaharui tidak tertakluk kepada 6 ataupun 12 bulan sahaja, bagi meringankan pemandu *e-hailing*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang telah ditetapkan di bawah Jadual Keempat Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, penetapan tempoh pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan *e-hailing* adalah sebagaimana kenderaan-kenderaan perdagangan lain yang berdaftar di Malaysia iaitu:
  - (i) **setahun** untuk dua (2) tahun pertama selepas pendaftaran baharu; dan
  - (ii) **enam (6) bulan** selepas tempoh dua (2) tahun tamat.
2. Pada masa ini, tempoh masa pembaharuan yang ditetapkan di atas adalah memadai bagi melibatkan kenderaan *e-hailing* dan MOT tiada cadangan untuk memendekkan lagi tempoh masa berkenaan mengambil kira aspek tempoh perlindungan insurans kenderaan motor yang ditetapkan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan mempertimbangkan melantik peguam yang berpengalaman dan cekap sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sementara untuk membantu mengurangkan kes jenayah yang tertunggak, khasnya kes pembunuhan dan mengedar dadah kerana pada masa sekarang didapati bahawa sesetengah petuduh akan ditahan reman sehingga tiga tahun sebelum perbicaraan bermula.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) telah mempertimbangkan untuk melantik peguam yang berpengalaman, cekap dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Sementara bagi membantu mengurangkan kes mahkamah yang tertunggak. SPK telah pun mengambil tindakan menjemput peguam yang berminat untuk memohon jawatan Pesuruhjaya Kehakiman Sementara. Usaha mengiklankan jawatan Pesuruhjaya Kehakiman Sementara telah dibuat di laman web SPK. Setakat ini, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman masih belum mendapat respon yang positif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHYA  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan persiapan terkini pembentangan pindaan Akta 355 di Parlimen.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] akan dibawa ke Parlimen bersama dengan suatu cadangan akta yang baharu iaitu Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dengan tujuan untuk memperkasa Mahkamah Syariah. Kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut akan dibentangkan di Parlimen bagi memastikan hasrat untuk pemerkasaan Mahkamah Syariah dapat direalisasikan setelah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri.
2. Penggubalan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) tersebut akan mengambil kira peruntukan berhubung dengan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang dicadangkan dalam pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR  
BIN RADIN (KINABATANGAN)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah cadangan Kementerian di dalam menyelesaikan isu-isu infrastruktur di Sabah terutamanya berkenaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan baikpulih rumah daif terutamanya di kawasan parlimen yang luas seperti Parlimen Kinabatangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan bekalan air bersih dan terawat dan kemudahan elektrik melalui pelbagai kaedah bagi membolehkan setiap penduduk mendapat bekalan air dan elektrik selama 24 jam sehari.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pelaksanaan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) terdapat sembilan (9) projek telah dilaksanakan yang melibatkan 2,513 buah rumah. Daripada sembilan (9) projek tersebut hanya satu (1) projek yang masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2023. Selain itu, Kementerian juga telah diluluskan pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sambungan Talian Grid Zon 4 (Sandakan, Kinabatangan,

Tongod Dan Labuk Sagut) Negeri Sabah Tahun 2023 di bawah Rolling Plan Ke-3 Tahun 2023.

Manakala bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8.44 juta pada tahun 2023 bagi Parlimen Kinabatangan untuk pelaksanaan lima (5) projek sambungan dan satu (1) projek baharu yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi projek baik pulih rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), ia masih lagi diteruskan bagi memastikan golongan sasar miskin dan miskin tegar dapat mendiami kediaman yang selamat dan selesa. Agihan projek dibuat berdasarkan kadar kemiskinan daerah dan juga permohonan yang diterima tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Keutamaan juga diberikan kepada daerah-daerah termiskin di Sabah tanpa meminggirkan daerah-daerah lain. Namun begitu, jumlah bantuan yang dapat disalurkan adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah program ini.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM130 juta telah diperuntukkan untuk Wilayah Sabah di bawah Program Bantuan Rumah. Jumlah ini mencatatkan sebanyak 28.24 peratus daripada keseluruhan peruntukan di bawah program di seluruh negara.

Untuk Parlimen Kinabatangan, sebanyak RM23.99 juta telah diperuntukkan sepanjang tempoh 2019 hingga 2023 merangkumi 139 projek bina baharu dan 901 projek baik pulih rumah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur. Apakah Kerajaan membenarkan penubuhan kolumbarium untuk meletakkan abu mayat yang dibakar di tanah perkuburan kristian di Cheras.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan bukan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kaedah penguburan secara konvensional ditukarkan kepada kaedah pembakaran dan penyimpanan abu mayat di kolumbarium. Maka secara tidak langsung penggunaan tanah dapat dimaksimumkan dan tidak lagi menguburkan mayat secara konvensional.
2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini sedang dalam perancangan membina Kompleks Kolumbarium di atas Tanah Perkuburan Kristian, Jalan Kuari, Cheras. Kompleks Kolumbarium tersebut akan dibina secara berfasa di atas tanah seluas 1.2 ekar yang dijangka boleh menempatkan lebih 20,000 *niche* bagi peletakkan abu mayat. Sesi libat urus melibatkan pihak berkepentingan khususnya persatuan agama dan gereja akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum pembinaan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS  
ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur standard bagi kenaikan pangkat penjawat awam terutama sekali bagi mereka yang dicadangkan bagi gred JUSA.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan kenaikan pangkat bagi seseorang pegawai awam adalah berdasarkan kepada merit termasuk pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA C dan ke atas).
2. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai, Lembaga Kenaikan Pangkat yang diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U. (A) 75/2010] yang mengambil kira perkara berikut:
  - a) kecekapan dan prestasi kerja;
  - b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman;
  - c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaianya dengan jawatan; dan
  - d) kenaikan pangkat itu, potensi dan kepimpinan.
3. Selain itu, seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika pegawai telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Bajet 2023 memperuntukkan RM6.7 bilion untuk platform memperkasa belia dan mempromosi TVET sebagai pilihan pengajian, berapa peruntukan Kementerian untuk belia dari Wilayah Sabah yang telah jauh tertinggal dengan migrasi keluar seramai 200,000 setahun (sumber Institute For Development Studies Sabah).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), pada tahun ini Kementerian telah merancang untuk melaksanakan sebanyak 80 program di Negeri Sabah dengan sasaran penyertaan seramai 368,282 belia melalui peruntukan sebanyak RM1,590,114.00. Sehingga bulan Mei 2023, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai program berkonsepkan kepimpinan melibatkan 2,644 belia di Negeri Sabah melalui peruntukan sebanyak RM116,971.06. KBS tetap beriltizam untuk merangka program yang

berkualiti serta berimpak tinggi kepada seluruh rakyat Sabah dan Malaysia secara amnya.

Pada tahun ini Kementerian telah merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif baharu untuk belia dan masyarakat setempat antaranya seperti berikut:

1. Aktif @ Sukan Luar Bandar
2. Fit @ Community
3. Sport Stacking Challenge
4. Jelajah Genta Belia
5. Y-Hub Negeri Sabah
6. Kem Belia Sejahtera (K-BEST) Negeri Sabah
7. Program Intervensi Sosial Dari Belia Untuk Belia (Y2Y)
8. Jelajah Rakan Muda
9. Track Day – Rakan Litar
10. Plogging Community – Rakan Bumi

Kementerian ini turut memberikan perhatian serius dalam aspek latihan TVET kepada belia di Negeri Sabah. Pada tahun ini KBS telah memperuntukkan sebanyak RM10,027,777.00 di bawah Peruntukan Mengurus dan RM9,469,600.00 bagi Peruntukan Pembangunan kepada IKBN Kinarut Sabah.

IKBN Kinarut, Sabah turut melaksanakan program-program *outreach* dengan melibatkan pihak Pejabat Belia dan Sukan Daerah, agensi kerajaan negeri dan daerah yang berkaitan, persatuan belia dan komuniti setempat bagi mengenal pasti dan membantu golongan belia kawasan luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH  
[LANGKAWI]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pihak manakah yang menentukan harga sewaan gerai-gerai di Tapak Niaga sepanjang LIMA 2023 berlangsung, mengapa harga yang ditawarkan amat tinggi bagi peniaga-peniaga di Langkawi untuk mengambil bahagian.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penganjuran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA 2023) telah diadakan bermula pada 23 Mei sehingga 27 Mei 2023. Sepanjang LIMA 2023 berlangsung, terdapat pelbagai acara sampingan yang diadakan dan diselaraskan oleh pelbagai pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Pihak Berkuasa Tempatan seperti LADA dan sebagainya.
2. Kementerian Pertahanan dan ATM tidak menawarkan sebarang penjualan tapak niaga di LIMA 2023. Walau bagaimanapun, syarikat pengajur bersama yang dilantik untuk penentuan kadar harga bagi tapak pameran pertahanan di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan Resorts World Langkawi berdasarkan kepada kadar sewaan komersial yang kompetitif bagi pameran-pameran pertahanan antarabangsa yang lain.
3. Manakala bagi sewaan gerai-gerai tapak niaga, ianya adalah di luar kawalan Kementerian Pertahanan mahupun pengajur bersama yang dilantik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah negeri yang mempunyai dewan undangan negeri yang dipimpin oleh seorang Ketua Menteri mengambil kira jumlah penduduk Kuala Lumpur 1.8 juta orang bersamaan dengan 5.9% dari jumlah warganegara Malaysia (30.2 juta).

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta 206]. Seksyen 3 Akta 206 memperuntukkan bahawa Wilayah Persekutuan hendaklah berhenti daripada menjadi sebahagian daripada Negeri Selangor dan Raja bagi Negeri Selangor hendaklah melepaskan dan berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan ke atas Wilayah Persekutuan itu dan segala kuasa dan bidangkuasa Raja dan Dewan Negeri bagi Negeri Selangor dalam atau berkenaan dengan Wilayah Persekutuan itu hendaklah berakhir.
2. Subseksyen 7(1) Akta 206 juga memperuntukkan antaranya mengenai apabila mula berkuatkuasanya Akta 206, bahagian-bahagian pilihanraya Negeri di dalam Wilayah Persekutuan itu hendaklah berakhir. Selanjutnya seksyen 8 Akta 206 memperuntukkan Wilayah Persekutuan hendaklah ditadbir mengikut Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa oleh Parlimen. Selanjutnya Akta 206 turut meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan keanggotaan Dewan Rakyat.
3. Sehubungan dengan itu, perkara yang dibangkitkan ini adalah tertakluk kepada ketetapan dasar dan polisi Kerajaan pada masa kini. Dalam hal ini juga kajian lanjut dan implikasi dari pelbagai aspek perlulah diambilkira terlebih dahulu terutamanya penelitian dari segi aspek perundangan sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN  
[SRI GADING]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas sebenar Pasukan Khas Petugas 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dipengerusi oleh Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan berapa lama masa yang diperlukan supaya laporan dapat dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Bhd (PPK 1MDB) pada 4 Januari 2023 di mana antara lain Ahli Parlimen Titiwangsa telah dilantik untuk mengetuai PPK 1MDB bagi menasihati Kerajaan berhubung isu-isu berkaitan 1MDB.
  
2. Manakala ahli PPK 1MDB terdiri daripada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Menteri

Perdagangan Industri dan Antarabangsa, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Gabenor Bank Negara Malaysia dan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti. Manakala NFCC dan Kementerian Kewangan telah dilantik sebagai Penyelaras dan Sekretariat bersama PPK 1MDB.

3. Tugas dan tanggungjawab utama PPK 1MDB adalah seperti yang berikut:

- i. mengenal pasti transaksi kewangan dan dana syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya yang diseleweng;
- ii. berkongsi maklumat yang berkaitan dengan ahli pasukan;
- iii. mengatur strategi, pendekatan serta alternatif bagi memperoleh aset hasil dari penyelewengan oleh syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya;
- iv. membina dan memupuk rangkaian hubungan dengan agensi penguatkuasa luar negara yang berkaitan;
- v. memastikan tindakan yang diambil mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang; dan
- vi. menjaga nama baik dan menegakkan kedaulatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WAN SAIFUL WAN JAN**  
**[TASEK GELUGOR]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFUL WAN JAN [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa berlaku kelewatan meluluskan permohonan FSA2 KWSP dan apa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pencarum yang mempunyai dana yang besar dalam Akaun 1 KWSP tetapi tidak dapat mengeluarkannya kerana tidak dibenarkan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) adalah bertujuan untuk membantu ahli KWSP yang memerlukan bantuan kewangan mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan serta mengimbangi kepentingan pendapatan persaraan di masa hadapan dengan impak yang minimum ke atas simpanan persaraan ahli yang telah banyak terjejas, khususnya impak daripada pengeluaran-pengeluaran yang dibenarkan semasa pandemik COVID-19.

Melalui FSA2, ahli yang layak boleh memohon dan memperoleh pembiayaan sehingga maksimum RM50,000 bagi membantu mereka memenuhi keperluan kewangan yang bersesuaian dengan kemampuan kredit dan aliran tunai mereka berdasarkan penilaian kredit yang dibuat oleh pihak bank ke atas pemohon. Penilaian kredit ini adalah mengikut amalan terbaik dan pengurusan risiko yang sentiasa diamalkan oleh institusi perbankan dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Secara amnya, proses penilaian kredit oleh pihak bank bagi permohonan FSA2 yang diterima akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja. Walau bagaimanapun, terdapat juga permohonan yang mengambil masa lebih panjang untuk diproses bagi membolehkan bank membuat pengendalian tambahan (*exceptional handling*) yang memerlukan pihak bank membuat semakan dan penilaian lanjut ke atas kemampuan kredit pemohon. Bagi memudahkan pihak bank memproses permohonan dengan segera, pemohon adalah dinasihatkan untuk mengemukakan maklumat yang tepat dan benar semasa mengemukakan permohonan FSA2 dan mereka boleh menghubungi pihak bank bagi mendapatkan maklumat status permohonan.

**Pendirian Kerajaan ke atas Pengeluaran Simpanan Daripada Akaun 1**

Seperti mana telah ditegaskan sebelum ini, Kerajaan tidak membenarkan sebarang pengeluaran baharu kerana simpanan persaraan ahli telah berada pada tahap yang kritikal dan boleh

menjejaskan jaminan kewangan persaraan ahli ketika mencapai usia tua kelak. Secara prinsipnya, simpanan ahli di dalam Akaun 1 adalah bagi tujuan persaraan sahaja dan pengeluaran yang dibenarkan ketika pandemik dahulu adalah berdasarkan situasi kewangan yang mendesak untuk meneruskan kelangsungan hidup pada masa tersebut.

Pengeluaran-pengeluaran berkaitan COVID-19 ini khususnya pengeluaran daripada Akaun 1 telah memberikan kesan jangka panjang kepada ahli iaitu penyusutan jumlah simpanan persaraan yang ketara kepada ahli-ahli yang terlibat. Kini, setelah sektor ekonomi sudah mula berjalan seperti biasa, adalah tidak wajar untuk Kerajaan terus membenarkan pengeluaran khas yang akan menjelaskan lagi tahap simpanan persaraan rakyat.

Tahap kecukupan simpanan ahli bagi menghadapi hari persaraan boleh dilihat dari segi pencapaian Simpanan Asas (*Basic Savings*) mengikut umur (RM240,000 pada 55 tahun). Setakat 31 Mac 2022, hanya 18% atau 2.4 juta ahli KWSP yang telah mencapai tahap Simpanan Asas mengikut umur. Ini secara langsung menunjukkan bahawa 82% ahli berumur 55 tahun dan ke bawah tidak mempunyai cukup simpanan untuk bersara melebihi paras kemiskinan.

Secara amnya, bagi membolehkan ahli menjalani kehidupan persaraan bermaruah, ahli perlu mencapai had Simpanan Mencukupi (*Adequate Savings*) iaitu simpanan sebanyak RM600,000 pada umur 55 tahun yang membolehkan ahli bersara dengan anggaran purata perbelanjaan RM2,500 sebulan untuk tempoh 20 tahun selepas bersara.

Buat masa ini, hanya 2.6% atau 347 ribu ahli yang telah mencapai tahap Simpanan Mencukupi mengikut umur. Jika dilihat pencapaian bagi ahli aktif sektor formal pula, 4.3% atau 328 ribu ahli telah mencapai tahap Simpanan Mencukupi mengikut umur.

Berdasarkan laporan daripada OECD, World Bank dan International Social Security Association (ISSA), terdapat lebih daripada 20 negara termasuk Malaysia yang telah membenarkan pencarum untuk

## **NO SOALAN :86**

mengeluarkan sebahagian daripada tabung persaraan mereka sebagai langkah untuk membendung impak COVID-19.

Antara negara-negara yang terlibat dalam pelaksanaan pengeluaran sebahagian ini adalah Australia, Belgium, Canada, Colombia, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Iceland, Peru, Portugal, Slovak Republik, Sepanyol, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Namun, polisi atau program yang membenarkan pencarum membuat pengeluaran sebahagian daripada tabung persaraan mereka adalah merupakan inisiatif jangka masa pendek sahaja (*short-term relief*) yang tidak menimbulkan kesan negatif jangka panjang untuk memastikan simpanan persaraan ahli tidak terjejas. Adalah ditekankan bahawa kesemua negara tersebut telahpun menghentikan sebarang pengeluaran awal daripada dana persaraan sejak 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [ MERSING ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan:

- (a) strategi terkini Kerajaan dalam usaha memperkasa mutu pendidikan tafhib selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 yang dilancarkan baru-baru ini; dan
  
- (b) perincian penuh peruntukan dan nilai sumbangan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada institusi-institusi tafhib yang berdaftar dan tidak berdaftar.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) dalam usaha memastikan murid tahfiz mendapat pendidikan yang baik.
2. Sehubungan itu, Pelan Tindakan DPTN 2.0 telah dilancarkan pada 11 Mac 2023 lalu sebagai dokumen rujukan dalam memperkasa Pendidikan tahfiz dalam tempoh lima tahun bermula 2021 sehingga 2025.
3. Secara umumnya, Pelan Tindakan DPTN 2.0 meliputi lima teras iaitu :
  - i. memantapkan undang-undang dan penguatkuasaan;
  - ii. mewujudkan model institusi tahfiz;
  - iii. mewujudkan kurikulum Pendidikan tahfiz yang sesuai;
  - iv. memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz; dan
  - v. mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan bagi institusi tahfiz
4. Bagi melaksanakan 5 teras ini, pelbagai strategi telah dirangka dan sedang dilaksanakan antaranya bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Agama negeri (PBAN), KPM, KPT, KSM dan KPLB menerusi pelbagai inisiatif untuk melebarkan peluang lepasan tahfiz di peringkat pengajian tinggi seterusnya meningkatkan kemampuan bersaing dalam pasaran kerjaya nanti.
5. Selain itu, mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana dengan menyasarkan jaminan

kualiti lepasan tafif yang seimbang dari sudut ilmu tafif dan juga akademik agar tidak tercicir daripada pendidikan arus perdana.

6. Sebagai usaha menggalakkan pemakaian kurikulum arus perdana di institusi tafif swasta, JAKIM, KPM dan PBAN sentiasa mengadakan perbincangan bersama persatuan-persatuan tafif serta agensi kerajaan lain untuk membuka peluang pendidikan yang lebih baik bagi pelajar tafif. Antara usaha yang dilakukan di bawah DPTN ialah:
  - i. Penawaran yang sistematik oleh institusi pendidikan bagi murid tafif menduduki peperiksaan SPM menerusi Program Intervensi Murid Sekolah Tafif Swasta yang bertujuan menyediakan akses pendidikan kepada murid tafif swasta melalui pengajaran dan pembelajaran dengan bimbingan guru KPM untuk menduduki SPM. Bermula daripada tahun 2019 sehingga kini, seramai 3213 orang murid telah terlibat dan bagi tahun 2023, sebanyak 70 pusat tafif di seluruh Malaysia telah mendaftarkan murid untuk program intervensi ini.
  - ii. Mengadakan sesi taklimat berkaitan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang dianjurkan secara Bersama antara JAKIM dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
  - iii. JAKIM juga menyediakan Panduan Kurikulum dan Matapelajaran Bagi Model Pengajian Tafif Swasta dan turut menggalakkan pelaksanaan Fast-Track SPM oleh pihak institusi tafif swasta atau persatuan tafif dengan kerjasama pihak KPM.
  - iv. PBAN dan persatuan tafif mengadakan kerjasama strategik dengan pihak industri, institusi pendidikan TVET dan universiti bagi memperluas peluang pendidikan murid tafif.

- v. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di bawah kawal selia KPM antara yang boleh diberi keutamaan oleh semua institusi tahfiz swasta di samping kurikulum yang disediakan oleh PBAN agar ianya dapat diseragamkan serta dapat mengurangkan risiko keciciran dalam akademik.
7. Pihak Kerajaan sentiasa komited melaksanakan strategi dalam usaha memperkasakan mutu pendidikan tahfiz selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bagi melahirkan huffaz yang berkualiti dan dapat menyumbang kepada usaha membangun Malaysia madani.
8. Kerajaan Persekutuan sentiasa mengambil berat dalam memastikan institusi tahfiz yang berdaftar berada dalam keadaan kondusif dan selesa.
9. Pada tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukan RM140 juta bagi tujuan selenggara dan naik taraf institusi tahfiz, pondok, sekolah agama. Sejumlah RM29,778,900.00 telah diagihkan kepada 486 buah tahfiz untuk melaksanakan selenggara dan naik taraf ini.
10. Sejumlah RM150 juta telah diperuntukan pada tahun 2023 bagi selenggara dan naik taraf ini. Peruntukan akan diagihkan kepada tahfiz-tahfiz yang akan dikenalpasti setelah permohonan diterima dari negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
(SELAYANG)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pencapaian dan status prestasi Pelan Tindakan OKU 2016 khususnya akses golongan OKU kepada bangunan, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 (PTOKU 2016-2022) telah menyenaraikan program serta tindakan untuk meningkatkan aksesibiliti OKU, memperkuatkan perkhidmatan sosial OKU dan penyertaan OKU dalam masyarakat setempat di bawah 10 Teras Strategik. PTOKU 2016-2022 merupakan kolaborasi bersama 19 Kementerian serta Agensi Persekutuan yang lain untuk memastikan hak-hak OKU terjamin dan meningkatkan penglibatan OKU dalam masyarakat setempat.
2. Aksesibiliti golongan OKU kepada bangunan, kemudahan infrastruktur dan pengangkutan awam telah diberi pertimbangan di bawah Teras Strategik 1: “Meningkatkan Aksesibiliti Golongan OKU”. Teras Strategik ini menggariskan dua (2) objektif berikut:
  - i. meningkatkan penyediaan akses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun di luar bandar berdasarkan reka bentuk sejahtera (*universal design*); dan
  - ii. meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolehgunaan (usability) kemudahan pengangkutan awam oleh golongan OKU.
3. Di bawah Teras Strategik 1 ini, beberapa program telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), merangkumi:
  - a) penubuhan pasukan audit akses di setiap negeri;
  - b) menjalankan audit akses terhadap kemudahan dalam dan luar bangunan, ruang awam, terminal pengangkutan awam, tempat kerja serta kawasan perumahan;

- c) menyedia dan menambah baik manual audit akses yang menekankan *scoring* dan *rating* kepada kemudahan dalam dan luar bangunan, ruang awam, terminal pengangkutan awam, tempat kerja serta kawasan perumahan;
- d) melaksanakan program advokasi, libat urus (*engagement*) dengan pihak yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pembangunan kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam;
- e) menyediakan kemudahan pengangkutan awam termasuk kenderaan dan infrastruktur seperti hentian bas dan hab pengangkutan awam yang mesra OKU berkonsepkan reka bentuk sejahtera; dan
- f) memastikan penyediaan tenaga kerja terlatih dalam membantu pengguna OKU mendapat akses kepada kemudahan pengangkutan awam.

4. Bagi program-program yang dinyatakan ini, sebanyak 13 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menujuhkan pasukan audit akses sendiri di enam (6) buah negeri iaitu Selangor, Pahang, Sarawak, Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Audit akses terhadap bangunan/ kemudahan awam di kawasan PBT telah dijalankan di lima (5) PBT terpilih setiap tahun. Di antara tahun 2016 sehingga 2022, sebanyak 81 buah bangunan/taman awam yang terletak di bawah 35 PBT telah diaudit.

5. Selain itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan 30 audit akses bagi perkhidmatan pengangkutan awam. Susulan auditan berkenaan, MOT telah melaksanakan inisiatif untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, 1,600 buah bas yang dikendalikan Prasarana Malaysia Berhad di bawah RapidKL, RapidPenang dan RapidKuantan kini terdiri dari bas tingkat rendah atau *low-floor bus*, iaitu bas yang boleh diakses dari kaki lima dengan hanya satu langkah serta mempunyai perbezaan ketinggian yang kecil dan boleh diakses dengan mudah oleh warga emas, wanita mengandung dan OKU.

6. Di bawah Teras Strategik 10 PTOKU 2016-2022 ini pula, KPWKM menjadi Agensi Peneraju untuk menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] supaya ia selari dengan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya atau *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) yang telah diratifikasi Malaysia pada 19 Julai 2010. CRPD bertujuan untuk menggalakkan, melindungi serta memastikan hak asasi manusia golongan OKU adalah setara dengan orang bukan OKU. KPWKM sedang meneliti dan menyediakan cadangan pindaan yang relevan terhadap Akta 685 ini untuk memastikan hak serta kesejahteraan OKU disantuni.

7. Perancangan serta pelaksanaan PTOKU 2016-2022 sangat penting untuk memastikan golongan OKU dapat menjalani kehidupan yang berkualiti dan inklusif setanding dengan anggota masyarakat yang lain selaras Seksyen 26 dan Seksyen 27 Akta 685 dan juga Artikel 9 di dalam Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya. Justeru, KPWKM menyeru semua pihak untuk meningkatkan kesedaran hak-hak golongan OKU dan bersama-sama menyediakan persekitaran yang kondusif serta inklusif untuk menjamin kesejahteraan golongan OKU secara penyesuaian munasabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan agar Peguam Negara tidak menarik balik kes profil tinggi yang sedang dibicarakan di mahkamah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sebanyak 16 kes berprofil tinggi telah digugurkan oleh Peguam Negara sejak tahun 2018 sehingga tahun 2023 di bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, yang memberi budi bicara kepada Peguam Negara untuk membuat keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan.
2. Daripada jumlah 16 kes tersebut, Mahkamah telah memerintahkan 13 kes dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan dan 3 kes lagi dilepas tanpa dibebaskan di bawah seksyen 254(3) Kanun Tatacara Jenayah (*Discharge Not Amounting to An Acquittal – DNAA*).
3. Jabatan Peguam Negara memutuskan untuk menggugurkan kes berprofil tinggi tersebut setelah menimbangkan, antara lain, perkembangan baharu sesuatu kes, representasi yang dikemukakan peguam bela tertuduh, tertuduh yang dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan dijadikan saksi pendakwaan, atau tertuduh dikenakan kompaun.
4. Jabatan Peguam Negara menegaskan bahawa keputusan untuk mengenakan atau menggugurkan pertuduhan terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan keterangan dan fakta hasil daripada penyiasatan. Keputusan yang dibuat adalah dengan adil berdasarkan keterangan dalam kertas siasatan, berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan yang sewajarnya selaras dengan bidang kuasa Peguam Negara yang diperuntukkan di bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [SUBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen dan pendirian Kerajaan untuk meminda Seksyen 6(4), Seksyen 6(6) dan Seksyen 7 Akta Kemajuan Petroleum 1974 untuk mengehadkan kuasa budi bicara Perdana Menteri dan menjadikan Petronas lebih bertanggungjawab kepada Parlimen.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PETRONAS ialah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Sejak penubuhannya pada tahun 1974, kejayaan PETRONAS membangunkan industri minyak dan gas negara telah terbukti sehingga tersenarai dalam Fortune Global 500 dan pada kedudukan ke-216 dalam senarai tahun 2021. Pencapaian ini membuktikan PETRONAS telah berjaya menguruskan hasil petroleum dengan bijak dan berkesan bagi menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.
2. Segala keputusan syarikat akan dibincang dan diteliti oleh barisan Lembaga Pengarah dan kepimpinan tertinggi. PETRONAS sentiasa mengamalkan budaya akauntabiliti melalui pelaporan aktiviti dan prestasi kewangan di laman sesawang [www.petronas.com](http://www.petronas.com) yang boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam.
3. Kerajaan Persekutuan sentiasa terbuka untuk meneliti perundungan dan dasar mengikut situasi dan cabaran semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] MINTA PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan berhubung isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) yang mana komitmen untuk meneruskan siasatan dan membuat pendakwaan terhadap pihak yang bertanggungjawab telah diberikan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka beberapa buah Kertas Siasatan (KS) berkaitan isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS). Siasatan kes ini masih lagi berjalan dan keterangan daripada pelbagai pihak perlu diperolehi termasuklah keterangan daripada luar negara.
2. Setakat ini terdapat beberapa KS yang telah lengkap dimana seorang bekas Panglima Tentera Laut Malaysia (TLDM) telah dituduh dengan tiga (3) pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan pada 18 Ogos 2022. Selain itu, SPRM turut mengemukakan Surat Makluman Penyiasatan (SMP) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan untuk tindakan sewajarnya bagi menutup ruang dan peluang berlakunya perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke atas projek LCS. SPRM juga masih lagi dalam tindakan melaksanakan pemeriksaan untuk penambahbaikan tata kelola berkaitan dengan perolehan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[BENTONG]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk memperhalusi mekanisme sistem undi pos untuk proses pilihan raya yang akan datang seperti (PRU, PRN, PRK) khususnya bagi membantu golongan pelajar tempatan yang berada di IPT dalam negara yang mempunyai kekangan masa dan kewangan untuk pulang mengundi ke lokaliti kawasan masing-masing.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan salah satu kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih ialah bermastautin dalam mana-mana Bahagian Pilihan Raya. Bagi maksud tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berpandukan

kepada alamat pemastautin pemilih berdasarkan maklumat di kad pengenalan dan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara.

2. Buat masa ini, kategori pengundi pos dan kemudahan mengundi secara pos diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:

- i. Ahli SPR dan kakitangan SPR;
- ii. Petugas pilihan raya;
- iii. Tentera, Polis, Polis Pasukan Gerak Am (PGA) yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;
- iv. Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
- v. Kakitangan bagi 10 Agensi/Organisasi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Tenaga Nasional Berhad) yang bertugas pada Hari Mengundi;
- vi. Pengundi Malaysia yang berada di luar negara; dan
- vii. Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti/institusi tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

3. Oleh demikian, SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR  
BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dari aspek agama bagi memastikan remaja lepasan sekolah menengah supaya tidak mudah terjebak dengan aktiviti yang merosakkan akhlak dan akidah Islam dan nyatakan pusat-pusat pemulihan aqidah yang ada di negara ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memastikan segenap lapis masyarakat Islam menerima pendidikan agama bermula dari sekolah rendah sehingga tamat sekolah menengah dengan memasukkan silibus Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini juga termasuk penggubalan kurikulum KAFA di peringkat sekolah rendah. Pendedahan awal ini adalah sebagai bimbingan agar remaja

terpelihara akidah mereka dari awal dan diamalkan sehingga keahir hayat.

2. Pihak kerajaan turut mengadakan program-program seperti seminar dan kursus kepada masyarakat awam seperti Pemahaman dan Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Wacana Intelektual Akidah. Selain itu, pihak kerajaan turut mengaktifkan perkongsian berkaitan akidah melalui media digital seperti siaran TV Al Hijrah, facebook, tik tok, Instagram dan penerbitan risalah serta buku-buku bagi memberi kesedaran dan kefahaman berkaitan akidah.
3. Seterusnya, bagi membantu masyarakat Islam menghayati ajaran Islam, Kerajaan negeri telah menubuhkan Pusat Pemulihan akidah di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan bagi menempatkan pelatih-pelatih yang memerlukan perkhidmatan perlindungan, bimbingan, pemulihan Rawatan Spiritual Islam (Modul Istitabah) dan kaunseling kepada individu dan kumpulan yang memerlukan pemulihan akidah dan akhlak. Pusat-pusat ini dilengkapi dengan pakar-pakar kaunseling agama dalam melaksanakan proses pemulihan akidah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah demografi penyewa di unit-unit perumahan sosial (PPR) di Malaysia, daripada tahun Januari 2020 sehingga Disember 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2023, sebanyak 159 Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina dengan 99,296 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 18 PPR yang merangkumi dua (2) projek PPR Disewa dan 16 projek PPR Sewa-Untuk-Milik (*Rent-To-Own*, RTO) adalah di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi PPR Disewa, sebanyak 3,304 unit dibina dan 2,890 (87.47%) telah diisi manakala 6,645 unit dibina dan 5,502 (82.80%) unit diisi bagi PPR RTO. Jumlah unit yang telah dibuat pengisian adalah sebanyak 8,392 unit.

Daripada 8,392 unit rumah telah diisi tersebut, kategori Ketua Isi Rumah (KIR) yang paling tinggi adalah di antara umur 31 hingga 40 tahun iaitu 35.90% (3,013 orang). Bagi status perkahwinan, 92.19% (7,737 orang) adalah pasangan yang berkahwin manakala bagi kategori bangsa pula, bangsa tertinggi adalah Melayu iaitu 88.24% (7,405 orang).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [ BACHOK ]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [ BACHOK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan gaji minimum penjawat awam kepada RM1,800 seperti yang dituntut oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi mendepani cabaran kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa peka terhadap kebajikan Penjawat Awam dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan sosial semasa. Pada ketika ini, jumlah pendapatan terendah bagi seseorang Penjawat Awam yang menyandang Gred 11 atau setara adalah RM1,795.00 sebulan. Jumlah pendapatan ini meliputi gaji pokok, Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH). Di samping itu, terdapat juga elaun-elaun tambahan dibayar kepada Penjawat Awam sekiranya melakukan kerja-kerja tambahan seperti Elaun Lebih Masa yang menyumbang kepada jumlah pendapatan.
  
2. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dan menyemak saraan bagi Penjawat Awam bagi memastikannya kekal relevan dengan keperluan semasa. Sebarang pemberian kenaikan gaji atau penambahbaikan struktur gaji dan upah sedia ada dalam Perkhidmatan Awam akan memberi implikasi kewangan yang besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN  
WAN CHIK [ BALIK PULAU ]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk melaksanakan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi penjawat awam, terutamanya bagi mereka yang bekerja berkaitan dengan proses kerja melalui sistem yang dapat mengurangkan kos operasi seterusnya mengurangkan kos berkaitan.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah pun mewujudkan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai alternatif cara bekerja baharu dalam perkhidmatan awam berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.
  
2. Berdasarkan kepada peraturan yang berkuat kuasa ini, pegawai dibenarkan untuk BDR apabila mendapat arahan daripada Kerajaan atau mendapat arahan/ kebenaran daripada Ketua Jabatan bagi tujuan-tujuan berikut:

- a) untuk mengurang atau mengelakkan kerugian/ kerosakan/ kemusnahan atas sebab-sebab seperti pencemaran alam sekitar, penularan penyakit berjangkit dan/ atau bencana alam yang boleh mengancam keselamatan, ketenteraman awam sama ada di pejabat/ premis atau kawasan tempat kediaman;
  - b) untuk mengelakkan berlaku kemudaratian, kesukaran atau keadaan serba salah sama ada terhadap pegawai sendiri atau pegawai-pegawai lain di pejabat sekiranya pegawai berkenaan hadir di pejabat; atau
  - c) mewujudkan keseimbangan dan kesejahteraan antara keperluan agensi terhadap kesinambungan tugas demi kepentingan perkhidmatan dan keperluan pegawai menguruskan hal persendirian dalam situasi di mana pegawai tidak dibenarkan menggunakan kemudahan cuti.
3. Mulai 10 Mac 2022, dasar BDR diperluaskan lagi di mana Kerajaan telah mewajibkan Ketua Jabatan untuk membenarkan/ mengarahkan BDR kepada pegawai berkabung yang kematian suami atau isteri sebaik sahaja tamat tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR).
4. Cadangan untuk meluaskan pelaksanaan BDR secara menyeluruh sebagai satu sistem kerja memerlukan kajian terperinci bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(KUALA LANGAT)**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (KUALA LANGAT) minta  
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan:-**

- (a) apakah perancangan secara spesifik untuk meningkatkan pencapaian pendidikan Orang Asli; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan semula sekolah-sekolah berasrama bagi pelajar-pelajar sekolah menengah Orang Asli seperti sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui JAKOA sentiasa mengambil berat dan komited terhadap pendidikan Orang Asli. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan kecemerlangan pendidikan Orang Asli dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat universiti demi pembangunan kelestarian pendidikan di peringkat arus perdana.

Di antaranya adalah penyediaan fasiliti pendidikan dengan membina baru, menaik taraf kelengkapan tabika di perkampungan Orang Asli bagi program Pendidikan awal kanak-kanak.

Di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) iaitu Peningkatan Masyarakat Orang Asli Berilmu, pihak JAKOA menyediakan bantuan pendidikan kepada murid Orang Asli sama ada di Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Antara bantuan yang disediakan kepada murid Orang Asli bersekolah adalah bantuan pakaian seragam, keperluan diri asrama, yuran pelbagai, penyediaan pengangkutan ke sekolah, catuan makanan dan wang saku berjumlah RM57,579,400.00 bagi tahun 2023. Manakala, bagi bantuan Pendidikan IPT diberikan kepada pelajar Orang Asli yang ditaja oleh JAKOA.

Dalam usaha berterusan Kerajaan bagi menggalakkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah, bayaran insentif wang saku RM4 sehari kepada murid Orang Asli di peringkat sekolah menengah diberikan bertujuan memberi galakan kepada mereka di samping meringankan beban ibu bapa murid. Bantuan Insentif Wang Saku ini juga adalah sebagai alternatif gantian kepada pemberian makanan waktu rehat kepada murid Orang Asli di sekolah dengan peruntukan sebanyak RM12,032,300.00.

Bantuan Pendidikan IPT yang diberikan oleh JAKOA bertujuan untuk mengalakkan dan meningkatkan bilangan pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi serta memberikan

## **SOALAN NO : 97**

pembentangan pendidikan kepada yang berkelayakan bagi mengurangkan kadar kecinciran di kalangan pelajar Orang Asli yang mengikuti pelbagai peringkat pengajian bermula dari Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Bantuan ini merangkumi yuran pengajian, elaun sara hidup dan tiket penerbangan (Sabah / Sarawak) berjumlah RM6,289,800.00 (tahun 2023).

Selain itu, pelaksanaan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga diberi penekanan oleh JAKOA melalui program jangka pendek dan jangka panjang. Antara kursus kemahiran TVET *In situ* yang dilaksanakan ialah masakan, dandanan diri, automatif dan pendawaian elektrik dengan kerjasama daripada pelbagai agensi seperti Kolej Komuniti, dan Insititut Latihan Perindustrian (ILP), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) berjumlah RM180,000.00 untuk enam (6) buah negeri bagi tahun 2023.

Manakala cadangan bagi pewujudan sesebuah sekolah samada sekolah harian atau sekolah berasrama, perkara ini adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan yang diselia dan diselaraskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada permohonan satu ramp menurunkan bot dibina di tepi Sungai Sarawak Kanan di Pekan Siniawan serta dua unit bot dolphin untuk kegunaan Balai Bomba dan Penyelamat Bau sewaktu bencana banjir dapat dipertimbangkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang dalam proses perolehan bot berjumlah 150 unit yang dijangkakan siap pembekalannya pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, perolehan bot tersebut tidak melibatkan bot jenis Dolphine. Bot-bot tersebut akan diagihkan kepada JBPM negeri untuk penempatan di balai-balai bomba yang akan ditetapkan dan JBPM mengambil maklum mengenai permohonan penempatan bot tersebut di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bau, Sarawak.

Selain itu, permohonan pembinaan *ramp* bagi tujuan menurunkan bot di tepi Sungai Sarawak Kanan di Pekan Siniawan adalah di luar skop pelaksanaan projek-projek BP.1 berskala kecil yang dilaksanakan di bawah seliaan KP KT. Kementerian ini akan memaklumkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat untuk mengemukakan permohonan pembinaan *ramp* kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM  
[ GUA MUSANG ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [ GUA MUSANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme tertentu yang diperlukan bagi memastikan semua Ahli Parlimen termasuk Pembangkang diberi kebebasan untuk berurusan dengan semua pejabat dan agensi Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tiada sebarang halangan untuk mana-mana pihak atau Ahli Parlimen termasuk Pembangkang untuk berurusan dengan pejabat Kerajaan bagi mendapatkan perkhidmatan yang disediakan.
2. Dalam mendukung aspirasi dan dasar semasa Kerajaan, Perkhidmatan Awam sentiasa berpegang kepada tiga (3) prinsip iaitu kesaksamaan (*impartiality*), keberkecualian (*neutrality*) dan polos politik (*apolitical*). Prinsip-prinsip ini penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Malaysia Madani adalah menyeluruh tanpa melihat kepada latar belakang politik, agama dan kaum.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN  
MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar-dasar yang ingin ditambah baik di bawah perancangan untuk pindaan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dan bilakah RUU ini dijangka akan dipinda.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,  
Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil dalam mesyuaratnya pada 5 September 2020 telah mengesyorkan agar perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan kehakiman syariah dikeluarkan daripada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan diperuntukkan di bawah undang-undang yang khusus. Berdasarkan syor ini, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) telah memulakan usaha untuk mendraf Rang

## **NO SOALAN: 100**

Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (RUU MSWP).

Draf pertama RUU MSWP telahpun berjaya disiapkan dan draf ini akan dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan dalam waktu terdekat.

RUU MSWP akan memperuntukkan perkara-perkara baharu yang amat penting dan signifikan, antaranya seperti yang berikut:

- i. Cadangan peningkatan hierarki Mahkamah Syariah daripada 3 peringkat sedia ada kepada empat peringkat;
- ii. Cadangan penubuhan Jawatankuasa Kehakiman Syariah yang berperanan berkaitan dengan pelantikan Hakim Mahkamah Syariah dan perkara-perkara lain yang berkaitan bagi menggantikan peranan Majlis Agama Islam Wilayah Wilayah Persekutuan (MSWP),
- iii. Cadangan penambahan perkara-perkara berkaitan bidangkuasa mahkamah Syariah sesuai dengan bidangkuasa yang diberikan oleh butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan,
- iv. Cadangan penjalanan prosiding di tempat selain bangunan Mahkamah atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh,

Buat masa ini, satu Memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan bagi mendapatkan persetujuan dasar Jemaah Menteri bagi pembentangan RUU MSWP ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [TAI PING]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [TAI PING]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membuat pindaan terhadap Seksyen 9 (m) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan Dan Kuasa) 1952 untuk membolehkan prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dijalankan secara siaran langsung dan terbuka.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan mesyuarat dan prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara secara langsung dan terbuka bukan sahaja melibatkan pindaan Seksyen 9(m) Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan Dan Kuasa) 1952 tetapi juga melibatkan pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat (PPMMDR).
2. Cadangan berhubung pindaan kepada PPMMDR bagi perkara ini perlu dibawa ke Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk diperhalusi bagi dipertimbangkan dan seterusnya meminda Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan Dan Kuasa) 1952 yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]

**TARIKH :** 14 JUN 2023 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya mengapa agensi-agensi seperti Perbadanan Labuan (PL) dan Labuan Financial Services Authority (LFSA) menaikkan kadar sewa premis-premis perniagaan yang di bawah kawalan selia agensi tersebut di mana ianya tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak wujud keadaan Perbadanan Labuan (PL) melaksanakan tindakan yang tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri membantu peniaga kecil terjejas akibat pandemik COVID-19. PL tidak pernah menaikkan kadar sewa premis perniagaan di bawah kawalan PL. Kadar terkini adalah kadar asal apabila premis peniagaan dibuka, berdasarkan kadar yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Wilayah Persekutuan Labuan dan kadar sewa tersebut telah dikuatkuasa sejak 2014.
  
2. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, PL telah mengambil inisiatif sendiri untuk memberi pengecualian dan pengurangan sebanyak 50% dari kadar sewa kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak boleh dibuat secara berpanjangan dan berterusan kerana PL memerlukan hasil kutipan sewa premis pada kadar asal bagi menampung sebahagian perbelanjaan operasi yang mencecah RM80 juta setahun. Oleh itu, tempoh pemberian pengecualian kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL ini terpaksa ditamatkan pada 31 Disember 2022 dan kadar sewa asal dikenakan semula sejak 1 Januari 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai pengisytiharkan aset Menteri dan Timbalan Menteri kepada SPRM bagi memastikan lebih ketelusan dan akauntabiliti bagi ahli politik. Adakah SPRM akan memaparkan informasi tersebut di Portal Pengisytiharan Aset SPRM.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar pengisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran Kerajaan hari ini adalah sebagaimana dasar yang telah ditetapkan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kerajaan akan memastikan satu parameter yang jelas membabitkan pengisytiharan harta pemimpin untuk memastikan ketelusan dalam sistem pentadbiran Kerajaan dan mempertingkatkan akauntabiliti di kalangan pemimpin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) mengapakah masih terdapat satu kekosongan di Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) walaupun kekosongan tersebut telah berlarutan lebih 6 bulan; dan
  
- b) adakah Kerajaan bersetuju bahawa Parlimen, melalui Jawatankuasa Pilihan Khas, berkuasa memantau dan mencadangkan lantikan ahli-ahli SPR kepada Kerajaan untuk pertimbangan Yang di-Pertuan Agong.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mengikut Fasal (1) Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya adalah dilantik oleh Yang di Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Keanggotaan SPR terdiri daripada seorang pengurusi, seorang timbalan pengurusi dan lima orang anggota lain. Selaras keluhuran perkara yang sama dalam Perlembagaan Persekutuan, jelas menyatakan mengenai syarat-syarat pelantikan yang mana ia berkaitan dengan had umur, peletakan jawatan dan kehilangan kelayakan suatu anggota. Kerajaan akan mempertimbangkan dan mengambil tindakan yang wajarnya berkenaan kekosongan tersebut termasuk cadangan penubuhan jawatankuasa berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD  
SHAFIE BIN HAJI APDAL  
[SEMPORNA]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 ( RABU )**

**SOALAN :**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL  
[SEMPORNA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak khususnya mengenai autonomi pendidikan dan kesihatan.

**JAWAPAN:**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu mengenai kuasa autonomi pendidikan dan kesihatan merupakan antara perkara yang telah disentuh dalam mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) Bil. 1/2023 yang telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 20 Januari 2023 yang lalu. Memandangkan perkara ini bukan merupakan tuntutan asal dan merupakan isu baharu, oleh yang demikian ia memerlukan penelitian serta perbincangan lanjut dengan semua pemegang taruh serta melibatkan pelbagai pihak berkepentingan baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang meneliti perincian berkenaan tuntutan autonomi kesihatan dan pendidikan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan kini dalam proses mendapatkan perincian berhubung perkara ini daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.
3. Isu mengenai kuasa autonomi pendidikan dan kesihatan ini akan dibincang dan diteliti terlebih dahulu dalam Jawatankuasa Penyelaras yang akan dipengerusikan sendiri oleh saya sebelum ia dibawa ke peringkat Jawatankuasa Teknikal yang akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perlادangan dan Komoditi. Syor-syor yang berkenaan kemudiannya akan dibentangkan kepada MTPMA63 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kerajaan dapat meluluskan permohonan peruntukan bagi menaik taraf Pejabat Residen Miri (lama) yang terletak di Pusat Bandaraya Miri sebagai satu bangunan warisan serta pusat kebudayaan dan kesenian seterusnya menjadi salah satu destinasi pelancongan yang utama di Miri.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa memberi tumpuan kepada usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan di negara ini dengan mempertimbangkan faktor-faktor kepentingan bangunan, kegunaan selepas siap pemuliharaan dan penjagaan serta penyelenggaraan bangunan pada masa hadapan.

**NO. SOALAN : 106**

2. MOTAC juga bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan bagi membantu prasarana pelancongan di Sarawak sekiranya terdapat permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Sarawak termasuk menaik taraf Pejabat Residen Miri (lama) yang terletak di Pusat Bandaraya Miri.
3. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemeliharaan warisan adalah di bawah item 9E, dalam Senarai III – Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui penglibatan MOTAC, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
4. Dalam pada itu, Kerajaan juga menggalakkan penglibatan sektor swasta, korporat dan NGO secara lebih aktif dalam menyumbang dan menaja aktiviti/ program pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi dan bangunan yang telah diiktiraf sebagai tapak warisan oleh Pesuruhjaya Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan membenarkan insentif Potongan Cukai Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]**

**TARIKH : 14 Jun 2023 (Rabu)**

**SOALAN**

**YB Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tempoh masa untuk menyiapkan kajian semula program Malaysia My Second Home (MM2H) dan sama ada Jemaah Menteri merancang untuk memindah program ini ke bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI TIONG KING SING  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengenai penambahbaikan pada program MM2H. Namun, ia adalah tertakluk pada pertimbangan KDN dan JIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN**  
**[PUNCAK BORNEO]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WILLIE ANAK MONGIN [ PUNCAK BORNEO ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negara;
- (b) apakah dasar, hala tuju dan pelan strategik Kerajaan untuk menggemarkan Malaysia sebagai "Asian Tigers" semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah mempelbagaikan sumber hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Pada 2022, hasil cukai menyumbang sekitar 70% daripada jumlah keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan dan meningkatkan sumber hasil Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- i. Langkah mobilasi hasil termasuk meluaskan asas hasil cukai, menambah baik dan menyemak semula struktur dan perundangan cukai serta pemberian insentif percukaian. Kerajaan juga akan melaksanakan Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi memastikan perancangan cukai jangka sederhana adalah lebih teratur dan sepadan dengan perbelanjaan. Di samping itu, Kerajaan juga dalam tindakan menggubal rang undang-undang Akta Tanggungjawab Fiskal yang dijangka dapat mengukuhkan tadbir urus dan disiplin fiskal negara;
- ii. Kerajaan melalui Belanjawan 2023 telah mengumumkan beberapa langkah percukaian bagi meningkatkan kutipan hasil negara seperti pelaksanaan cukai keuntungan modal, meningkatkan mata peratusan antara 0.5 hingga 2 bagi banjaran pendapatan antara RM1 juta hingga RM2 juta serta melebihi RM2 juta, cukai barang mewah, program pengakuan sukarela di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan duti eksais ke atas vape; dan
- iii. Kerajaan juga kekal komited terhadap pendirian konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana seperti yang digariskan bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan defisit disasarkan berkurang kepada 3.5% berbanding KDNK menjelang 2025. Tumpuan khusus akan diberikan bagi memastikan kemampunan fiskal akan dapat dicapai melalui penjanaan hasil yang mampan dan keberkesanan perbelanjaan melalui peningkatan kecekapan, mengurangkan ketirisan dan pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia pernah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan hampir setara dengan ekonomi negara membangun seperti Korea Selatan, Jepun dan Singapura yang digelar Harimau Asia. Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi tempoh 1991-1996 berkembang pesat pada kadar purata 9.6% setahun. Walau bagaimanapun, beberapa siri krisis ekonomi telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara menyederhana. Terkini, pandemik COVID-19 turut memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kekal stabil dan berkembang setara dengan ekonomi negara serantau di Asia, Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pertumbuhan strategik, meliputi antaranya:

- i. Pertama: mereformasi struktur ekonomi ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi, berteknologi tinggi dan meneroka sumber pertumbuhan baharu seperti aeroangkasa, pusat data, tenaga solar, teknologi bateri, kereta elektrik, pertanian pintar dan biojisim. Inisiatif ini akan dapat memperkuuh pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor.
- ii. Kedua: menggalakkan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi di mana pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) akan terus ditingkatkan dan ditumpukan kepada pelaburan yang lebih moden dan berteknologi baharu serta meningkat kemahiran pekerja.
- iii. Ketiga: membangunkan ekosistem bakat berkualiti melalui pengukuhan kerjasama strategik antara industri dan institusi pengajian terutama bagi menyokong sektor ekonomi berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi serta menyemak semula dasar sistem gaji yang lebih progresif.

## **NO SOALAN :108**

- iv. Keempat: membangunkan ekonomi digital dan inklusif melalui inisiatif di bawah Pelan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital. Antara inisiatif utama termasuk transformasi digital sektor awam, infrastruktur pendigitalan dan mewujudkan masyarakat dan persekitaran digital yang inklusif, selamat dan beretika.

Dengan usaha yang akan dilaksana ini, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi negara dapat ditingkatkan, seterusnya memastikan negara dapat kembali sebagai salah satu “Asian Tigers” dan destinasi pelaburan yang utama di rantau Asia.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN YANG KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN  
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 14 JUN 2023**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) yang dipindahkan dari KKD ke PMO sebelum ini, supaya ia tidak dikaitkan dengan sebarang agenda kepartian dan apakah Ketua Pengarah J-KOM sebagai penjawat awam boleh membuat kenyataan berbentuk kepartian?

**JAWAPAN:**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah meluluskan Penubuhan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) pada 1 Februari 2021 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pada 19 Mei 2021, Jabatan ini telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk memastikan semua entiti berkaitan komunikasi strategik Kerajaan diletakkan secara berpusat agar pelaksanaan pelan komunikasi strategik serta pemantauannya dapat diselaraskan dengan lebih cekap dan berkesan.
2. Objektif penubuhan adalah bagi memastikan entiti berkaitan komunikasi strategik kerajaan diletakkan secara berpusat bagi tujuan pelaksanaan pelan komunikasi strategik serta pemantauan diselaraskan dengan cekap dan berkesan.
3. Berdasarkan takwim perancangan program 2023 yang terbuka kepada umum menerusi laman web [www.jkom.gov.my](http://www.jkom.gov.my) boleh dilihat bahawa tiada bahagian, cawangan atau unit yang berperanan sebagai *cybertrooper* seperti dakwaan segelintir kecil pihak yang tidak bertanggungjawab.
4. Bahagian operasi yang melibatkan Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Program (BPPP), Bahagian Media Sosial dan Media Baharu (BMSMB) serta Bahagian Pendidikan dan Latihan (BPL) merancang dan melaksana program komuniti berdasarkan tiga teras utama J-KOM iaitu melahirkan masyarakat berbudaya ilmu, berkemahiran digital dan berjiwa patriotik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI  
BIN HANAPI (BERSARA)  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN :**

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)  
[ TANJONG KARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan terkini berkaitan pemerkasaan ekonomi dan taraf hidup penjawat awam berikutan keperluan mendesak agar sebuah kajian semakan gaji penjawat awam dan COLA kawasan harus diwujudkan bagi menangani perbezaan jurang kos perbelanjaan di antara mereka yang bertugas di bandar dan di luar bandar.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa peka terhadap kebajikan Penjawat Awam dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan sosial semasa yang sentiasa berubah-ubah yang secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi peningkatan kos sara hidup. Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang digunakan sejak tahun 2002 dikaji semula mengambil kira situasi semasa terutamanya yang melibatkan paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 serta dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN SANISVARA NETHAJI  
RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]

**TARIKH** : 14 JUN 2023 (RABU)

**SOALAN**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah seorang warganegara Malaysia dapat menyeludup 22 ekor ular hidup ke India.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem imbasan di lapangan terbang seluruh dunia yang disedia dan diamalkan adalah sejajar dengan piawaian yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)* bagi tujuan utama untuk mengesan barang berbahaya dan berisiko seperti senjata api, bom, peluru dan seumpamanya tidak dibawa ke dalam pesawat bagi memastikan keselamatan pesawat, kawasan lapangan terbang dan penerbangan.
2. Dalam hubungan ini, kesemua bagasi penumpang sama ada secara bagasi bimbit atau bagasi yang didaftar masuk ke dalam pesawat akan melalui proses pemeriksaan oleh pemeriksaan keselamatan menggunakan mesin pengimbas yang disediakan oleh operator lapangan terbang. Pemeriksaan ini merupakan salah satu prosedur wajib dilakukan untuk semua penerbangan.
3. Bagasi yang didaftar masuk ke dalam pesawat ianya akan melalui proses pemeriksaan pengimbasan secara automatik yang merupakan sebahagian sistem pengendalian bagasi yang sememangnya dikalibrasi untuk mengesan barang yang disebutkan tadi. Terdapat lima peringkat tapisan keselamatan dalam sistem pengendalian bagasi iaitu Peringkat 1 - automatik. Peringkat 2 - Bagasi akan diperiksa secara manual oleh anggota AVSEC. Sekiranya bagasi tidak mempunyai sebarang ancaman ianya akan dihantar terus ke kawasan pemunggahan bagasi. Peringkat 3 - Bagasi yang disyaki mengandungi barang terlarang atau berbahaya akan diteliti oleh anggota AVSEC. Jika bagasi tidak mempunyai sebarang ancaman ianya akan dihantar terus ke kawasan pemunggahan bagasi. Kalau ianya disyaki mempunyai ancaman, bagasi akan dihantar ke Peringkat 4. Ianya melibatkan dua proses iaitu proses “reconciliation” dan proses “ion scan”. Proses “reconciliation” adalah proses pengesahan barang dalam bagasi dengan penumpang. Proses “ion scan” akan digunakan sekiranya bagasi mengandungi bahan letupan dan dihantar ke Peringkat 5 untuk dimasukkan ke dalam “Mobile Explosive Containment Vessel” (MECV) untuk tindakan selanjutnya. Peringkat ini akan

melibatkan peranan pihak PDRM dalam proses pemusnahan bahan letupan.

4. Walaupun mesin itu dikalibrasi untuk mengesan barang logam secara automatik, sejumlah 30% bagasi yang didaftar masuk akan disalurkan secara rawak ke Peringkat 2 dan 3 bagi pemeriksaan lanjut. Secara purata 75,924 bagasi didaftar masuk setiap hari dan adalah tidak praktikal bagi pemeriksaan manual ketas kesemua bagasi didaftar masuk.

5. Sekiranya terdapat maklumat atau perisikan dari agensi yang berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan melibatkan penerbangan yang disasarkan (*Targeted Flight*), sistem bagasi di KLIA mampu dikalibrasi untuk kesemua bagasi penerbangan yang disasarkan disalurkan ke Peringkat 3 untuk pemeriksaan dan penelitian selanjutnya.

6. Dalam hubungan ini, pihak MAHB bekerjasama dengan Agensi-agensi Kerajaan lain seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi tujuan memastikan bahawa bukan sahaja barang berbahaya dan berisiko seperti senjata api, bom, peluru dan seumpamanya tidak dibawa ke dalam pesawat, tetapi juga barang terlarang seperti dadah dan hidupan liar yang diseludup dalam bagasi penumpang.

7. Dalam hubungan ini, semua aktiviti pengesanan atau saringan bagasi termasuk penangkapan serta pendakwaan yang berkaitan dengan penyeludupan dadah atau hidupan liar adalah di bawah bidang kuasa dan undang-undang agensi penguatkuasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[HULU TERENGGANU]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah yang telah dilulus dan dibelanjakan oleh Kementerian untuk sekolah-sekolah persendirian Cina dan India dan sekolah-sekolah persendirian lain sejak Kerajaan campuran ini mengambil alih tumpuk pemerintahan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelenggara sepenuhnya sekolah kerajaan. Pada masa yang sama, Kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengenal pasti sekolah-sekolah yang memerlukan peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, menaik taraf, membaik pulih dan pembaikan sekolah meliputi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif.

Sehubungan itu, setiap tahun, Kerajaan menumpukan agihan peruntukan penyelenggaraan sekolah khusus kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi memastikan suasana pembelajaran yang kondusif tersedia di sekolah-sekolah tersebut termasuklah Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan yang meliputi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Mualigh. Melalui Belanjawan 2023, sebanyak RM900 juta diperuntukkan dan peruntukan ini akan digunakan untuk kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah merangkumi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Agama, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil bagi kerja seperti pembaikan tandas, pendawaian dan saliran sekolah serta menggantikan perabot dan peralatan asrama dan kelas yang telah uzur.

Kerajaan sememangnya tidak menyediakan peruntukan tahunan kepada Sekolah Persendirian Cina dan India. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada menyediakan sumbangan dana kepada sekolah-sekolah tersebut mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi membendung penipuan (scam) sama ada atas talian atau secara langsung yang semakin menjadi-jadi malah ada antara mereka menggunakan nama dan uniform agensi/ jabatan Kerajaan bagi menipu rakyat.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dan pelbagai agensi penguatkuasa undang-undang yang berkaitan sentiasa peka mengenai jenayah scam atau penipuan yang bertambah sejak kebelakangan ini. Oleh itu, pelbagai usaha dan langkah diambil oleh Kerajaan bagi membanteras penipuan, antaranya:

1. Penaiktarafan Pusat Scam Respons Kebangsaan (National Scam Response Centre- NSRC)

Pada pembentangan Bajet 2023 oleh mantan YB Menteri Kewangan di Parlimen pada 7 Oktober 2022 telah mengumumkan penaiktarafan Pusat Respon Scam (Scam Response Centre), JSJK, PDRM kepada Pusat Respon Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre – NSRC).

NSRC merupakan sebuah pusat tindakan respons setempat yang menggabungkan sumber dan kepakaran pelbagai agensi kerajaan terdiri daripada Bank Negara Malaysia (BNM), PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre - NFCC), serta disokong oleh institusi perbankan dan syarikat telekomunikasi bagi menerima pelaporan daripada mangsa-mangsa penipuan untuk membolehkan tindakan segera, termasuk menjelaki dan menyekat pengaliran transaksi kewangan yang disyaki bagi mengurangkan kerugian dan selanjutnya mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pelaku jenayah.

2. Inisiatif Kempen Kesedaran Orang Awam Mengenai Scam

Menyedari bahawa jenayah penipuan ini boleh diatasi melalui kesedaran diri individu, pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM telah mengambil beberapa inisiatif dan langkah mengatasi masalah scam melalui kempen pencegahan jenayah kepada masyarakat sejak tahun 2021 hingga kini.

- i. Pada November 2021, PDRM telah mengadakan Kempen Pencegahan Jenayah Dalam Talian 2021 selama sebulan di seluruh Malaysia dalam usaha membentuk kesedaran awam tentang modus operandi sindiket penipuan dalam talian.
- ii. Pada 25 Jun 2022, PDRM melancarkan Kempen Anti-Scam di South Court, The Mall, Mid Valley Southkey, Johor Bahru, Johor. Antara program yang dijalankan sepanjang kempen ini adalah

Awie Ride Jelajah Semenanjung Malaysia dan pelantikan 104 duta Anti-Scam.

- iii. Pada Januari 2023, PDRM melancarkan lagu Anti-Scam bagi memberi pendedahan tentang jenayah penipuan dengan cara yang lebih pelbagai kepada masyarakat. Selain itu, JSJK telah menjalankan kerjasama dengan Whoscall iaitu aplikasi telefon bimbit yang membolehkan orang ramai mendapat amaran awal tentang panggilan yang diterima sama ada panggilan tersebut adalah scammer atau bukan.
- iv. Pada 18 Februari 2023, CyberSecurity Malaysia dan Edisi Malaysia, bersama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) yang dianggotai oleh beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga Persatuan dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) akan menganjurkan Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 sempena Hari Keselamatan Internet 2023.

### 3. Cadangan Pindaan Undang-Undang

Pihak Kerajaan sedang secara serius meneliti beberapa peruntukan undang-undang yang boleh digunakan atau yang boleh dipinda bagi tujuan membolehkan pengembalian wang penipuan kepada mangsa-mangsa. Antara peruntukan undang-undang yang sedang diteliti adalah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI  
[ KUALA KRAU]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [ KUALA KRAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status permohonan membina masjid baharu di Kampung Bukit Lada, Mukim Jenderak 1, Temerloh (DUN Kerdau) serta peruntukan pembinaan yang sudah dimohon pada 25 Oktober 2021 melalui surat rasmi, namun masih tiada jawapan dari pihak Kementerian.

**JAWAPAN:**

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS  
KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, semakan yang dibuat mendapati sebahagian tapak yang dicadangkan bagi pembinaan masjid tersebut adalah tanah milik persendirian. Tanah ini perlu diwakafkan terlebih dahulu kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi membolehkan peruntukan ini dipertimbangkan berdasarkan kemampuan semasa kewangan kerajaan.
2. Tanah ini dikategorikan sebagai tanah pertanian dengan syarat nyata untuk tanaman kelapa sawit. Selain itu, terdapat bebanan daftar terhadap hak milik tanah melibatkan gadaian kepada pihak bank.
3. Sehubungan itu, pembinaan masjid ini tidak dapat dipertimbangkan buat masa ini sehingga isu-isu tanah diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan rasional penjualan Iskandar Malaysia Studio kepada Konsortium GHY dengan harga begitu murah iaitu RM32 juta setelah Kerajaan melabur dan telah memberi geran RM250 juta sejak dari mula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Iskandar Malaysia Studios (IMS) merupakan projek pemangkin oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) untuk membangunkan industri seni kreatif dan perfileman di samping memacu pembangunan di Iskandar Malaysia. Sejak penubuhan IMS pada Jun 2014, IMS telah mencapai kejayaan dan tidak kurang juga menghadapi cabaran dalam memastikan kelangsungan perniagaan IMS. Antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai IMS adalah dengan membawa produksi-produksi dari dalam dan luar negara bernilai **RM1.2 bilion**. Produksi-produksi tersebut telah memberikan limpahan ekonomi kepada industri-industri setempat termasuk industri kreatif, perhotelan, makanan & minuman, kewangan, & perkhidmatan serta telah mencipta lebih **8,000 peluang pekerjaan** dalam industri-industri tersebut. Namun demikian, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada industri perfileman termasuk IMS yang terjejas akibat aktiviti penerbitan filem yang terpaksa dihentikan.

Transaksi penjualan IMS adalah merupakan salah satu cara untuk memangkin dan mengembalikan semula operasi IMS ke arah yang lebih mapan. Penjualan IMS kepada Studio Management Services (SMS) dijangka dapat meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan oleh IMS kepada industri serta meningkatkan peluang pengeluaran filem untuk Malaysia. Tambahan pula, SMS dijangka bukan hanya menyumbang nilai komersial kepada IMS, tetapi juga memberikan kepakaran teknikal dan sumber yang diperlukan untuk membantu memajukan IMS ke tahap seterusnya. Ini ditambah dengan penyaluran produksi dari syarikat rakan kongsi Kumpulan GHY akan menyumbang kepada peningkatan penggunaan studio dan ini sekaligus akan terus merangsang ekonomi tempatan.

Adalah penting bagi pembeli baharu untuk mengendalikan operasi IMS secara mampan dan tidak bergantung kepada dana daripada Kerajaan. Penjualan kepada pemain industri akan memastikan operasi IMS dapat dikendalikan dengan lebih baik di samping memastikan penglibatan industri filem dan TV secara terus serta memastikan limpahan ekonomi dan peluang pekerjaan dapat dikekalkan. **Harga jualan RM32 juta** IMS kepada SMS adalah berdasarkan nilai aset bersih IMS dalam penyata kewangan beraudit bagi tahun kewangan 31 Disember 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF**  
**[SHAH ALAM]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AZLI BIN YUSOF [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) bagaimana peningkatan kadar bunga yang berterusan oleh US Federal Reserve yang dijangka mencecah 5% - 5.2% akan memberi impak kepada sektor ekonomi negara; dan
- (b) apakah perancangan atau dasar Kerajaan bagi membantu sektor-sektor yang terkesan akibat daripada kadar peningkatan yang berterusan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menjawab pertanyaan YB mengenai kesan peningkatan kadar bunga yang berterusan oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed AS) kepada sektor ekonomi negara, ingin dimaklumkan bahawa kenaikan kadar faedah oleh Fed AS yang lebih pantas iaitu sebanyak 500 mata asas kepada 5.00 hingga 5.25 peratus sejak Mac 2022 sememangnya telah mempengaruhi aliran modal, kadar pertukaran mata wang serta pasaran kewangan di seluruh dunia

Peningkatan kadar inflasi merupakan fenomena global yang dihadapi dan kebanyakan bank pusat di seluruh dunia kini telah beralih daripada sokongan dasar monetari ultra-akomodatif yang dilaksanakan semasa pandemik COVID-19 kepada dasar monetari yang lebih ketat. Tindakan ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan kadar tekanan inflasi yang meningkat. Malaysia juga tidak terkecuali dan berhadapan dengan situasi yang sama dan dalam hal ini, BNM telah bertindak melaraskan kadar dasar OPR secara beransur-ansur dan terkawal sejak Mei 2022 dengan peningkatan kumulatif sebanyak 125 mata asas dari 1.75 peratus pada tahun 2020, iaitu paras terendah yang direkodkan dalam sejarah negara kepada kadar terkini iaitu 3.00 peratus pada Mei 2023. Peningkatan ini bertujuan memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar yang mampan dan inflasi terus terkawal.

Namun begitu, kedudukan ekonomi dan sistem kewangan kekal teguh dan berdaya tahan walaupun negara sedang menghadapi tempoh persekitaran luaran yang tidak menentu. Kedudukan aset luar Malaysia kekal kukuh dicerminkan oleh pegangan aset luar oleh institusi kewangan dan syarikat korporat yang tinggi. Malaysia mempunyai pegangan yang besar dalam kedudukan aset mata wang asing bersih dengan jumlah RM1.2 trilion atau 66.4 peratus daripada KDNK. Di samping itu, keupayaan Malaysia untuk menghadapi kejutan luaran juga kekal tinggi, didorong oleh sistem perbankan yang teguh, kadar pertukaran mata wang yang fleksibel serta rizab antarabangsa yang mencukupi.

Selain itu, kecairan pasaran kewangan Malaysia juga disokong oleh pasaran modal yang mendalam dan pelbagai. Permintaan ke atas kertas hutang Kerajaan masih kekal tinggi dengan purata nisbah bidaan kepada terbitan (*bid-to-cover*) dicatatkan lebih 2 kali ganda. Oleh itu, ekonomi Malaysia masih berada di landasan untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi antara 4.0 dan 5.0 peratus tahun ini.

Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) tetap berwaspada dan terus melaksanakan langkah yang komprehensif dan proaktif untuk mengehadkan impak atau limpahan daripada langkah pengetatan dasar monetari yang agresif oleh Fed AS ke atas pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan (*financial intermediation*).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menjawab pertanyaan seterusnya mengenai perancangan atau dasar Kerajaan bagi membantu sektor-sektor yang terkesan akibat daripada peningkatan kadar faedah OPR, Kerajaan akan terus komited untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan walaupun berhadapan dengan situasi global yang sangat mencabar ketika ini. Perubahan dalam OPR berpotensi membawa kelembapan dalam perbelanjaan pengguna dan kesan yang lebih meluas kepada pelbagai aktiviti ekonomi seperti industri peruncitan, aktiviti berkaitan pembinaan dan perumahan serta automotif.

Menyedari hal ini, Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu sektor yang terkesan akibat peningkatan OPR adalah bertujuan bagi mengekalkan momentum permintaan dalam pasaran menerusi pemberian subsidi kepenggunaan seperti mengekalkan tarif elektrik di samping pelaksanaan kawalan harga bagi barang keperluan terpilih kepada pengguna domestik, termasuk sektor perniagaan khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan juga inisiatif di bawah Payung Rahmah. Kadar inflasi yang dijangka kekal terkawal pada 2023 akan menjadi pendorong kepada sektor swasta untuk terus berbelanja dan mengurangkan impak kesan daripada peningkatan OPR, sekaligus membantu sektor ekonomi yang terkesan.

Bagi golongan peminjam mudah terjejas (vulnerable groups) yang masih menghadapi kesukaran akibat kenaikan jumlah ansuran pinjaman, bantuan masih tersedia. Kerajaan menerusi institusi perbankan komited untuk membantu peminjam yang masih memerlukan bantuan. Oleh itu, mereka digalakkan menghubungi institusi kewangan masing-masing untuk mengatur semula bayaran balik pinjaman yang bersesuaian dengan keadaan kewangan mereka. Tambahan lagi, bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sektor perniagaan yang belum pulih sepenuhnya daripada pandemik COVID-19 pelbagai program bantuan tersedia untuk mereka. Bantuan tersebut termasuk kemudahan di bawah Dana Bank Negara Malaysia (BNM) untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bantuan bayaran balik pinjaman secara bersasar oleh bank, serta khidmat nasihat dan bantuan di bawah pelbagai program

AKPK untuk isi rumah dan PKS iaitu Program Pengurusan Kredit (PPK) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK).

Seterusnya, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha untuk melaksanakan reformasi struktur ekonomi, mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu dan mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Fokus dan penekanan Kerajaan kini adalah kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik dan berimpak tinggi, meningkatkan penerimangunaan teknologi dan pendigitalan yang akan menyokong Revolusi Perindustrian 4.0, Pelan Strategik Pembinaan 4.0 Malaysia (2021-2025) dan Aspirasi Pelaburan Nasional serta Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang bakal dilancarkan pada tahun ini. Secara tidak langsung, langkah ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi kepada rakyat. Langkah ini juga akan menyokong pembangunan dan sosioekonomi sektor perniagaan perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) yang lebih mampan.

Sementara itu, 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad di bawah Belanjawan MADANI meliputi kemampunan fiskal, memenuhi keperluan ekonomi rakyat, mendepani musibah bencana, meraih pelaburan berimpak tinggi, pembaharuan sektor awam dan memperkasa kerjasama awam-swasta merupakan langkah Kerajaan dalam menangani cabaran ekonomi global, menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. Pelaksanaan dasar dan inisiatif Kerajaan ini akan membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan daya saing dan produktiviti semua sektor yang disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan keadaan pasaran kewangan yang stabil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN 117**

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keselamatan Siber.**

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,  
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan telah meletakkan komitmen berterusan dalam mengukuhkan ekosistem Keselamatan Siber Negara. Sehubungan itu, Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA, MKN) telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi tonggak untuk menggembeleng usaha dan ikhtiar merentas pelbagai entiti kerajaan serta pihak industri dalam hal ehwal keselamatan siber ini.
2. Ini termasuk pelaksanaan inisiatif kajian dan pembangunan Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber yang turut melihat keperluan penubuhan pihak berkuasa/ suruhanjaya berhubung keselamatan siber. RUU Keselamatan Siber akan memberi NACSA, MKN punca kuasa undang-undang yang jelas untuk mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan siber serta menambah baik keberkesanan fungsi-fungsi NACSA, MKN sejajar dengan hasrat yang termaktub dalam Arahan MKN No. 26 Pengurusan Keselamatan Siber Negara dan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (*Malaysia Cyber Security Strategy*, MCSS).
3. Inisiatif pengukuhan tatakelola keselamatan siber negara ini akan mengambil kira kuasa entiti-entiti dalam eko-sistem sedia ada. Entiti dalam eko-sistem siber akan terus mengekalkan kuasa yang membolehkan mereka melaksanakan fungsi masing-masing. Pada masa yang sama, fungsi tugas beberapa entiti teras berkaitan keselamatan siber akan diselaraskan bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan memaksimakan kecekapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN**  
**MAN [KUBANG KERIAN]**  
**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mempelopori penggunaan Dinar Emas serta sistem barter dalam perdagangan sesama negara Muslim seperti mana negara China yang sedang berbincang dengan negara Arab Saudi untuk menggunakan mata wang Yuan dalam transaksi jualan minyak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Cadangan untuk memperkenalkan sistem pertukaran mata wang alternatif, seperti penggunaan dinar emas, bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan yang tinggi terhadap mana-mana mata wang asing dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Walau bagaimanapun, penggunaan dinar emas dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan adalah tertakluk kepada beberapa perkara, termasuk rangka-kerja undang-undang (*legal framework*) sedia ada dan juga kehendak atau keperluan negara-negara rakan dagangan dan pelaburan.

Bagi Malaysia, emas tidak diiktiraf sebagai mata wang yang sah diperlakukan (*legal tender*) dan tidak ada sebarang rancangan untuk menerajui penggunaan dinar emas dalam perdagangan.

Sebaliknya, bagi mengurangkan kebergantungan terhadap mana-mana mata wang asing, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mempelopori beberapa inisiatif untuk menggalakkan penggunaan mata wang serantau secara lebih meluas antaranya seperti berikut:

- a. Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (*Local Currency Settlement Framework*, LCSF). Setakat ini, Malaysia mempunyai pengaturan LCSF dengan Indonesia dan Thailand.
- b. Pada tahun 2009, Malaysia merupakan antara negara pertama yang memeterai perjanjian pengaturan mata wang dengan *People's Bank of China* (PBC). Perjanjian ini memudahkan lagi penggunaan mata wang renminbi dan ringgit bagi tujuan pembayaran perdagangan dan pelaburan di antara China dan Malaysia.

Kerajaan akan memastikan mekanisme-mekanisme ini diperkembangkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa supaya Malaysia sentiasa bersedia menerima peningkatan dalam penggunaan mata wang tempatan untuk perdagangan dan pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan hanya mendakwa ramai warga asing yang terlibat dalam skim penipuan (*scammer*) di Malaysia dengan kesalahan imigresen dan menghantar mereka pulang ke negara asal mereka dan mereka tidak didakwa terlibat dalam penipuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keputusan untuk mendakwa mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan jenayah adalah berdasarkan keterangan dan fakta hasil daripada penyiasatan serta sama ada ia mencukupi bagi membuktikan semua elemen kesalahan di Mahkamah.
2. Dalam hal ini, warga asing yang ditangkap dan disiasat bagi kesalahan jenayah *scam* tidak dapat didakwa dengan kesalahan penipuan kerana keterangan yang diperoleh hasil siasatan tidak dapat mengaitkan warga asing berkenaan dengan kesalahan jenayah tipu dan kesalahan-kesalahan lain yang berkait dengannya.
3. Oleh yang demikian, mana-mana warga asing yang didapati melakukan apa-apa kesalahan berkaitan imigresen akan didakwa di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan dihantar pulang ke negara asal selepas mereka menjalani hukuman.
4. Untuk maklumat lanjut berhubung dengan penipuan jenayah *scam* warga asing ini, rujukan juga boleh dibuat kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre*) (NSRC) serta Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.